



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA


جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

2005 2005 2005
2004 2004 2005
2005 2005 2005
2005 2005 2005

*P*ANDUAN
PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA
DENGAN KEPUJIAN
2004/2005

**FAKULTI KEPIMPINAN
& PENGURUSAN**



**PANDUAN
PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA
DENGAN KEPUJIAN
2004/2005**

***FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN
(FKP)***



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Cetakan Pertama 2004

© Hak Cipta Kolej Universiti Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan apa juga cara melainkan mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)
Tingkat 12, Menara A Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama
Pandan Indah, Kuala Lumpur
Tel : 03-42892000 Faks : 03-42801014

Rekabentuk & Urus Cetak oleh:

Intel Multimedia and Publication (iMAP)
4-4, The Right Angle, Jalan 14/22
Seksyen 14, 46100 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 02-79540316 Faks : 03-79584450
E-mail : intelmap@yahoo.com

Semua maklumat yang terkandung di dalam buku ini tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

**Moto, Falsafah, Wawasan Dan Misi
Kolej Universiti Islam Malaysia
(KUIM)**

Moto
Berilmu, Berdisiplin Dan Bertakwa

Falsafah
Paduan antara Ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

Wawasan
Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Misi
Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.



TAKWIM AKADEMIK SESI 2004/2005
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Semester 1

	TARIKH	
Pendaftaran Pelajar Baru	13 Jun 2004	1 hari
Pendaftaran Kursus Pelajar Baru	15 Jun 2004	1 hari
Pendaftaran Kursus Pelajar Lama	18 - 19 Jun 2004	2 hari
Kursus Intensif Bahasa Inggeris	16 - 19 Jun 2004	3 hari
Perkuliahahan	21 Jun - 7 Ogos 2004	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester 1	9 - 14 Ogos 2004	1 minggu
Perkuliahahan	16 Ogos - 2 Okt. 2004	7 minggu
Cuti Ulangkaji	4 - 9 Oktober 2004	1 minggu
Peperiksaan	11 - 23 Oktober 2004	2 minggu
Cuti Semester 1	25 Okt. - 27 Nov. 2004	5 minggu

Semester 2

	TARIKH	
Pendaftaran Kursus	25 - 26 Nov. 2004	2 hari
Perkuliahahan	29 Nov. - 14 Jan. 2005	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester 2	17 - 21 Jan. 2005	1 minggu
Perkuliahahan	24 Jan. - 11 Mac 2005	7 minggu
Cuti Ulangkaji	14 - 18 Mac 2005	1 minggu
Peperiksaan	21 Mac - 1 April 2005	2 minggu
Cuti Semester 2	4 April - 10 Jun 2005	10 minggu

Nota:

Cuti Hari Raya Aidilfitri adalah pada 14 dan 15 November 2004.
Cuti Hari Raya Aidiladha adalah pada 21 Januari 2005.

**PANDUAN IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
SESI 2004/2005**

FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN

Kandungan	Halaman
PENERANGAN MENGENAI KUIM	
1. Pentadbiran KUIM	3
2. Sejarah Penubuhan	13
3. Konsep dan Skop Pengajian KUIM	14
4. Objektif Penubuhan KUIM	15
5. Program Pengajian dan Ijazah Yang Dikurniakan	16
FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN	
1. Latar Belakang Fakulti	19
2. Objektif Fakulti	19
PROGRAM	
Sarjana Muda Dakwah Dan Pengurusan Islam	
1. Justifikasi Penubuhan Program	23
2. Objektif Program	24
3. Syarat-Syarat Masuk dan Keperluan Minimum	24
4. Komponen Kursus Program	26
5. Senarai Penawaran Kursus Menurut Semester	29
6. Liputan Kursus	31
Peraturan-peraturan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian) 2000	69

Sarjana Muda Kaunseling

1. Justifikasi Penubuhan Program	91
2. Objektif Program	94
3. Syarat-Syarat Masuk dan Keperluan Minimum	94
4. Komponen Kursus Program	96
5. Senarai Penawaran Kursus Menurut Semester	100
6. Liputan Kursus	103

Peraturan-peraturan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian) 2003	147
---	------------

Sarjana Muda Komunikasi

1. Justifikasi Penubuhan Program	169
2. Objektif Program	171
3. Syarat-Syarat Masuk dan Keperluan Minimum	171
4. Komponen Kursus Program	173
5. Senarai Penawaran Kursus Menurut Semester	178
6. Liputan Kursus	182

Peraturan-peraturan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) (Pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian) 2003	235
---	------------

PENERANGAN MENGENAI KUIM

1. PENTADBIRAN KUIM

LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor
*PSM, SPMT, DSSA, JMN, PPT, M.A. (al-Azhar), Dip. Pend. (°Ain Shams),
Ph.D (Cairo)*

Ahli-ahli

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin
DIMP, JSM, al-°Aliya, M.A, Ph.D (al-Azhar), Dip. Pend. (°Ain Shams)

Y.Bhg. Dato' Dr. Abdul Rahman Idris
*KMN, DPSK, JMN, Dip. Pub. Admin, B. Econs. Hons (Malaya),
MPA (Los Angeles), Ph.D (Manchester)*

Y.B. Dato' Mohd. Zawawi Salleh
DSSA, L.L.B Hons (Malaya), L.L.M (Bristol)

Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al-Jeffri
*DSSA, BKM, AMN, PJK, B.Ec. (Hons), Chartered Acc. (M) CA (Canada),
(FTII), CPA*

Y.Bhg. Dato' Ahmad Tajudin Abdul Rahman
DSDK, DSAP, B.Ec. (Malaya)

Y.Bhg. Datuk Izhar Sulaiman
PJN, Advanced Dip. in Marketing (US), Dip. in Marketing (Japan)

Puan Norzirah Bahari
ADK, AMP, B.A Hons (USM), DPA (INTAN)

Setiausaha

Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman
PJK, B.A. Hons. (Malaya), MPA (Iowa State).

PENGURUSAN KUIM

Rektor

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin
DIMP, JSM, al-^cAliya, M.A, Ph.D (al-Azhar), Dip. Pend. (Ain Shams)

Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan)

Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah
SAP, Sm. P.I (UK Malaysia), M.Litt. (Glasgow), Ph.D (Birmingham)

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Pembangunan)

Prof. Dr. Mohammad Haji Alias
KMN, ANS, B. Econ (Hons), M. Econ (Monash), Ph.D (Southampton)

Pendaftar

Tuan Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman
PJK, B.A. Hons. (Malaya), MPA (Iowa State).

Bendahari

Puan Rohani Abu
B.Ec. (Malaya), M.Ec. (Ohio), MAIA (Ohio)

Ketua Pustakawan

Encik Jasmin Jaimon
B.Sc Hons. (UK Malaysia), Post Grad. Dip. Lib.Sc (UiTM), Dip. Sys. Analysis (UiTM)

PENTADBIRAN FAKULTI/INSTITUT/UNIT

Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Prof. Datin Dr. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim

B.A. Hons. (Malaya), Dip. Ed. (Malaya), M.A. [Counselling and Personnel Services] (Western Michigan, USA), SPADA [Speciality Programme in Alcohol and Substance Abused] (Western Michigan, USA), Ph.D [Counselling Psychology] (Wales Cardiff, UK)

Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang merangkap Pemangku Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)

Prof. Dr. Haji Abdul Samat Musa

B. Is (Hons.), Dip. Ed. (UK Malaysia), LL. M. (Malaya), Ph.D (Manchester)

Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (Pemangku)

Tuan Hj. Mohd Alwi Yusoff

Sijil Tertinggi, Dip. Pend. (Kolej Islam Malaya), M.A. (al-Azhar), Dip. Pend. Khas (Ain Shams), Senior Management Certificate (Manchester)

Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat merangkap Penyelaras Unit Pengajian Umum

Prof. Dr. Muhamad Muda

DIB (UiTM), BBA (Ohio, USA), Cert. in Advanced Bank Management (AIM, Manila), MBA (Cincinnati), Ph.D (Manchester)

Dekan Fakulti Sains dan Teknologi

Prof. Dr. Jalani Sukaimi

B.A. Agric. Sc (Malaya), Ph.D (Reading), DipM (CIM, England), PDip. EM (MDI, Geneva), FMSA, FASc Malaysia

Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Prof. Dr. Nik Mohd. Nasri Nik Ismail

MBChB (Alexandria), MRCOG (London), FRCOG (London), FICS (USA)

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Persidangan (PPPP)

Pengarah Unit Teknologi Maklumat

Encik Idris Takyan

Sm. Sn. Kep. (UK Malaysia)

Pengarah Unit Pembangunan

Ir. Daim Saian

B. Eng (Malaya), MIEM, P. Eng

Pengarah Pusat Perhubungan Korporat & Antarabangsa

Ms. Selvarani a/p P. Kovil Pillai

DPA (INTAN), B.A. (USM), M.Sc. (UPM)

Penyelaras Unit Bahasa Arab

Dr. Badrul Munir Muhammad Nur

al-^cAliya (King Saud), S.P.I, Ph.D (UK Malaysia)

Penyelaras Unit Bahasa Inggeris

Puan Hazleena Baharun

B. Ed (Hons.) TESL (UPM), MHSc. [ESL] (UIAM)

Penyelaras Latihan Amali

Tuan Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar

al-^cAliya (al-Azhar), S.P.I. (UK Malaysia)

Timbalan Pendaftar Bahagian Akademik

Encik Arshad Hamzah

Sm. Ekonomi Kep. (UK Malaysia)

Timbalan Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Encik Muhammad Haizuan Rozali

Sm.Sa., S.sa (Psikologi Pemb. Manusia), (UK Malaysia)

Penolong Pendaftar Bahagian Akademik (Peperiksaan)

Puan Monaliza Laudang

Sm Ekonomi Kep. (UK Malaysia)

Penolong Pendaftar Bahagian Akademik (Senat & Pengijazahan)

Encik Nasrul Hakim Ahmad

L.LB. Hons (IIUM)

Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Aktiviti Pelajar)

Tuan Haji Mazlan Nawang

B.Agric. Sc. (UPM)

Penolong Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Pentadbiran)

Encik Marwan Tahir

Sm. S.K. Kep. (KUIM)

Penolong Pendaftar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Cik Dini Farhana Baharudin

L.LB Hons. (UK Malaysia)

Penolong Pendaftar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Encik Mohd Salehudin Sukor

Bac. Sc. HRD (UPM)

Penolong Pendaftar Fakulti Syariah dan Undang-undang

Puan Wan Fauriah Wan Samad

Sm. P.I. Kep. (UK Malaysia)

Penolong Pendaftar Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Cik Nur Adlina Hj. Addenan

Sm. Pentad. Perniagaan Kep. (UK Malaysia)

Penolong Pendaftar Fakulti Sains dan Teknologi

Cik Najihah Budah @ Udah

Bac. PP (UPM)

Penolong Pendaftar Unit Pengajian Bahasa & Pengajian Umum

Puan Wan Fadzlina Wan Ibrahim

DPI (KUSZA), Sm. D.P.I. Kep. (KUIM)

FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN

Dekan

Prof. Datin Dr. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim

B.A. Hons. (Malaya), Dip. Ed. (Malaya), M.A. [Counselling and Personnel Services] (Western Michigan, USA), SPADA [Speciality Programme in Alcohol and Substance Abused] (Western Michigan, USA), Ph.D [Counselling Psychology] (Wales Cardiff, UK)

Timbalan Dekan

Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo

al-ʿAliya (al-Azhar), M.A. (Cairo), Ph.D (UK Malaysia)

Ketua Program Kaunseling

Prof. Datin Dr. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim

B.A. Hons. (Malaya), Dip. Ed. (Malaya), M.A. [Counselling and Personnel Services] (Western Michigan, USA), SPADA [Speciality Programme in Alcohol and Substance Abused] (Western Michigan, USA), Ph.D [Counselling Psychology] (Wales Cardiff, UK)

Penolong Pendaftar Fakulti

Cik Dini Farhana Baharudin

L.LB Hons. (UK Malaysia)

Profesor

Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah

SAP, Sm. P.I (UK Malaysia), M.Litt. (Glasgow), Ph.D (Birmingham)

Prof. Datin Dr. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim

B.A. Hons. (Malaya), Dip. Ed. (Malaya), M.A. [Counselling and Personnel Services] (Western Michigan, USA), SPADA [Speciality Programme in Alcohol and Substance Abused] (Western Michigan, USA), Ph.D [Counselling Psychology] (Wales Cardiff, UK)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. H. Ali Ya'kub Matondang

al-ʿAliya (al-Azhar), M.Ag. (UIN Jakarta), Ph.D (UIN Jakarta)

Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo

al-ʿAliya (al-Azhar), M.A. (Cairo), Ph.D (UK Malaysia)

Prof. Madya Dr. Naim Haji Ahmad

*B.A. Hons. (Malaya), M.S. (Indiana, USA), Ed.S (Indiana, USA),
Ed.D (Indiana, USA)*

Pensyarah

Dr. Muhammad Yusuf Khalid

al-^oAliya (Madinah), M.A. (IIUM), Ph.D (UK Malaysia)

Dr. Hersi Mohamed Hilole

al-^oAliya (Jordan), S.P.I (UK Malaysia), Ph.D (UK Malaysia)

Dr. H. Abd Rahim Arsyad

al-^oAliya, M.A., Ph.D (al-Azhar)

Dr. Mostefa Cheikh Yahi

al-^oAliya (al-Jazair), M.A. (IIU Pakistan), Ph.D (UK Malaysia)

Encik Mohd Radhi Ibrahim

al-^oAliya (al-Azhar), M.A. (Malaya)

Puan Sapora Sipon

*Sm. [Sains Sosial - Psikologi] (UK Malaysia), M.A. [Sains Sosial - Psikologi]
(UK Malaysia)*

Tutor

Encik Mohd Azhar Ibrahim Residi

al-^oAliya (Morocco)

Puan Suhailiza Md. Hamdani

B.A. Hons. (Malaya)

Puan Roslizawati Mohd Ramly

Sm. P.I. Kep. (UK Malaysia)

Cik Marina Munira Abdul Mutalib

B.A. Hons. (UIAM)

Encik Mohd Rushdan Mohd Jailani

B.A Hons. (IIUM), M.A (ISTAC)

Puan Nur Husna Mohamad. Hussain

B. Sc. HRD [Hons.] (UNIMAS), M. Sc. HRD (UPM)

Encik Muhammad Khairi Mahyuddin

B.A Hons. (IIUM)

UNIT PENGAJIAN UMUM

Penyelaras

Prof. Dr. Muhamad Muda

DIB (UiTM), BBA (Ohio, USA), Certificate in Advanced Bank Management (AIM, Manila) MBA (Cincinnati), Ph.D (Manchester)

Pensyarah

Puan Norhayati Rafida Abdul Rahim

B.A. Mas. Comm. (UiTM), M.Sc. Corporate Comm. (UPM)

Ms. Selvarani a/p P. Kovil Pillai

DPA (INTAN), B.A. Hons (USM), M.Sc. (UPM)

Puan Najwa Hayaati Mohd Alwi

BIT (UK Malaysia), MIT (UK Malaysia)

Encik Hisham Muhammad Taky Eldin Kandil

*B.A. (Cairo), M.A. Mass Com. (American Univ. Cairo)
M.Sc Journalism (Wiscousin, USA)*

Cik Nurdiana Azizan

B.Sc. MIS (Clarkson Univ.), M.Sc. Info. Manag. (UiTM)

Tutor

Cik Adibah Sulaiman @ Mohamad

B.A. Hons. (IIUM), S.P.I (UK Malaysia)

UNIT BAHASA ARAB

Penyelaras

Dr. Badrul Munir Muhamad Nur

al-ʿAliya (King Saud), S.P.I., Ph.D (UK Malaysia)

Pensyarah

Dr. Badrul Munir Muhamad Nur

al-ʿAliya (King Saud), S.P.I., Ph.D (UK Malaysia)

Dr. Mahmoud Mohamed Ali

al-^oAliya (Um-Durman), M.A. (al-Khurtum), Ph.D (IU Afrika)

Dr. Ahmad Pangidoan Nosution

al-^oAliya (Madinah), M.A. (IIUM), Ph.D (UK Malaysia)

Tuan Haji Ismail Abdullah

Sijil Tertinggi, Dip. Pend. (Kolej Islam Malaya), Sm. P.I. (UK Malaysia), M.A. (Salford)

Puan Asma Abdul Rahman

B.A. Hons. (IIUM), S.P.I (UK Malaysia)

Encik Wan Moharani Mohammad

Sm. P.I., S.P.I. (UK Malaysia)

Guru Bahasa

Puan Nabilah Yusof @ Abd Rahman

al-^oAliya (Mu'tah)

Cik Radziah Ismail

al-^oAliya (Al al-Bayt)

Encik Zainur Rijal Abdul Razak

Dip. INSANIAH, al-^oAliya (al-Azhar)

Encik Hishomudin Ahmad

al-^oAliya (Hasyimiah)

Encik Muhammad Marwan Ismail

al-^oAliya (Hasyimiah)

Cik Nazipah Mat Shaid @ Md. Said

al-^oAliya (Jordan)

Cik Nor Abdul Rahman

al-^oAliya (al-Azhar)

Cik Afizzjah Artini Jusoh

B.A. Hons. (IIUM)

Tutor

Cik Arnida A. Bakar

B.A. Hons. (UIAM)

UNIT BAHASA INGGERIS

Penyelaras

Puan Hazleena Baharun

B.Ed. (Hons.) TESL (UPM), MHSc. [ESL] (IIUM)

Profesor Madya

Prof. Madya Dr. Che Wan Chik Che Wan Ibrahim

B.Ed. TESL, M.A. (Northern Illinois), Ph.D. (Michigan)

Pensyarah

Puan Hazleena Baharun

B.Ed. (Hons.) TESL (UPM), MHSc. [ESL] (IIUM)

Puan Tun Nur Afizah Zainal Ariff

BBA Hons. (UPM), M.A TESL (UK Malaysia)

Encik Leslie Terebessy @ Abdul Karim Abdullah

B.A. (Guelph), M.A. Med (Toronto)

Puan Harison @ Hanisa Mohd Sidek

Dip. Ed. (TESL) MPIK, B. Sc. (Bridgeport), M.Ed. [TESL] (Malaya)

Guru Bahasa

Encik Ab. Aziz Mohd

B.Ed. TESL (UPM), Sarjana Muda (UNAS Jakarta)

Puan Queshaira Zainudin

B.Ed. [TESL] (Malaya)

Puan Rozlina Mohd Ramli

B.Ed. [TESL] (Malaya)

Puan Suhaili A. Jalil

B.Ed. TESL [Hons.] (Southampton)

Cik Hasimah Jaafar

B.Ed. TESL [Hons.] (Nottingham)

Cik Azni Mohamed Zain

B.A. (English - California State University Sacramento)

Dip. Pendidikan (UK Malaysia)

2. SEJARAH PENUBUHAN

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 13 Mac 1998. Ianya ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan Islam di negara ini.

KUIM memulakan tahun pengajiannya pada sesi akademik 2000/2001. Pada peringkat permulaan tiga fakulti telah ditubuhkan iaitu Fakulti Syariah dan Kehakiman (yang kini dikenali sebagai Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (yang kini dikenali sebagai Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP).

Bagi mencapai matlamat yang direncanakan serta meluaskan skop pengajiannya, mulai sesi 2002/2003 KUIM telah menubuhkan fakulti yang ke empat iaitu Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Manakala sesi 2004/2005 pula menyaksikan pula kewujudan Fakulti Sains dan Teknologi (FST). KUIM juga akan membuka Fakulti Perubatan dan mula ditawarkan pada sesi 2005/2006. Ini menjadikan jumlah fakulti yang ada di KUIM sebanyak enam buah.

KUIM telah mula beroperasi pada awal Januari 2000 dengan menggunakan kemudahan yang ada di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu di Paras 5, Bangunan Fakulti Pengajian Islam. Pada bulan April 2000, KUIM telah berpindah ke kampus semmentaranya yang terletak di Institut Profesional Baitulmal (IPB), Lot 1363, Jalan Perkasa Off Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur.

Pengambilan pertama pelajar iaitu seramai 255 orang telah dimulakan pada sesi akademik 2000/2001. Pada sesi akademik 2001/2002 pula, KUIM telah mengambil seramai 556 orang pelajar baru. Pertambahan tersebut mendorong KUIM untuk menambah kemudahan prasarana pembelajaran serta penginapan. Oleh sebab itu, KUIM telah memperluaskan operasi ke kampus sementara kedua iaitu dengan menggunakan premis di Menara A, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur. Kampus sementara kedua ini menempatkan ruang pengajaran dan pembelajaran. Mulai 21 Januari 2002, semua operasi KUIM telah dilaksanakan sepenuhnya di Menara A, MPAJ, Pandan Indah, Kuala Lumpur.

3. KONSEP DAN SKOP PENGAJIAN

Konsep asas KUIIM berteraskan kepada konsep kesepaduan ilmu naqli dan ilmu akli dalam semua program pengajian yang ditawarkan. KUIIM mempunyai keunikan tersendiri dalam semua bidang pengajiannya supaya ia berjaya mencapai objektif penubuhan yang ditetapkan.

Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar, Bahasa Arab diberi penekanan dalam semua program pengajian Islam, di samping itu penekanan juga diberi kepada bahasa lain terutama Bahasa Inggeris.

Perolehan dan penguasaan ilmu perlu menerusi sumber dan saluran bahasa tradisi bidang ilmu berkenaan, pendekatan semasa dan tradisi, pemahaman dan penguasaan kepada Quran, sunnah dan kitab klasik yang muktabar perlu diberi keutamaan dan disepadukan dalam pengajaran.

KUIIM sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bersifat lebih terfokus dan khusus dalam memberi tumpuan kepada bidang pengajian dan pendidikan Islam. Enrolmen pelajarinya dihadkan kepada maksimum sekitar 10,000 pelajar sahaja supaya ia benar-benar menjadi sebuah institusi yang mempunyai kekuatan dalam ceruknya. Ini membolehkan KUIIM mengeluarkan graduan yang berwibawa dalam disiplinnya, serta memiliki penguasaan bahasa Arab dan Inggeris dalam semua aspek kemahirannya. Ini membolehkan KUIIM diakui di dalam dan di luar negara, sesuai dengan hasrat kerajaan menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan ilmu.

4. OBJEKTIF PENUBUHAN

KUIM merupakan saluran utama bagi pelajar-pelajar aliran agama dari sekolah-sekolah menengah agama untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat pengajian tinggi di Malaysia.

KUIM ditubuhkan untuk:

- i. Memartabatkan Pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
- ii. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
- iii. Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.
- iv. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.
- v. Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

5. PROGRAM PENGAJIAN DAN IJAZAH YANG DIKURNIAKAN

KUIM kini menawarkan tujuh program pengajian pra-siswazah secara sepenuh masa untuk ijazah berikut:

- (i) Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan kepujian
- (ii) Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan kepujian
- (iii) Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan kepujian
- (iv) Sarjana Muda Kaunseling dengan kepujian
- (v) Sarjana Muda Komunikasi dengan kepujian
- (vi) Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan kepujian
- (vii) Sarjana Muda Sains dengan kepujian (Bioteknologi Makanan).

**FAKULTI KEPIMPINAN
DAN PENGURUSAN (FKP)**

FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN (FKP)

1. LATAR BELAKANG FAKULTI

Fakulti ini ditubuhkan serentak dengan penubuhan KUIM yang memulakan tahun pengajiannya pada sesi akademik 2000/2001.

Pada awalnya ia dikenali dengan nama Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam. Memandangkan kepada perkembangan program pengajian yang kini meliputi pelbagai bidang pengajian seperti Kaunseling dan Komunikasi, maka nama Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam telah ditukar kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Program Pengajian yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam
2. Sarjana Muda Kaunseling
3. Sarjana Muda Komunikasi

2. OBJEKTIF FAKULTI

Fakulti ini ditubuhkan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

1. Memartabatkan Pendidikan Islam, khasnya bidang kepimpinan dan pengurusan serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.
2. Melahirkan siswazah yang mendalami bidang kepimpinan dan pengurusan, sesuai dengan perkembangan tuntutan semasa masyarakat dan negara.
3. Mengeluarkan siswazah yang matang dalam bidang kepimpinan dan pengurusan serta menghayati nilai-nilai Islam dan akhlak yang mulia.
4. Melahirkan tenaga manusia yang mampu menjalankan tugas dengan baik dan memberi sumbangan *maknawi* dan *maddi* kepada pembangunan masyarakat dan negara, terutama dalam bidang kepimpinan dan pengurusan.

**PROGRAM
SARJANA MUDA DAKWAH
DAN PENGURUSAN ISLAM**

PROGRAM SARJANA MUDA DAKWAH DAN PENGURUSAN ISLAM

1. Justifikasi Penubuhan Program

Program Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam adalah program pertama Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Ia ditubuhkan atas pertimbangan-pertimbangan berikut:

- 1.1 **Kursus Pengajian Dakwah telah lama diajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam, manakala Kursus Pengurusan Islam hanya diajar di peringkat Diploma Pra-Ijazah di Kolej Islam negeri-negeri. Ianya tidak diajar secara lengkap di peringkat ijazah. Oleh itu sudah tiba masanya program dakwah dan pengurusan Islam ini digabungkan secara bersepadu di peringkat ijazah.**
- 1.2 **Minat pihak kerajaan dan masyarakat dalam dakwah sangat membanggakan dengan tertubuhnya badan-badan dakwah kerajaan dan sukarela. Di samping itu ajaran-ajaran sesat dan menyeleweng juga telah wujud dalam masyarakat. Oleh itu program ini dapat menyahut cabaran menyediakan tenaga mahir dalam bidang dakwah.**
- 1.3 **Pihak kerajaan Malaysia sedang berusaha untuk menyelaraskan pentadbiran dan pengurusan Jabatan-jabatan Agama negeri-negeri untuk diletakkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Oleh itu pihak kerajaan memerlukan pegawai tadbir yang cekap dan berkebolehan dan ini membuka peluang pekerjaan kepada pemegang ijazah daripada program ini.**
- 1.4 **Pada masa ini, belum ada mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam Dengan Kepujian. Justeru itu ia akan menjadi program IPTA Pertama di Malaysia.**

2. Objektif Program

Program Dakwah dan Pengurusan Islam FKP ditubuhkan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

- 2.1 Melahirkan siswazah yang mendalami bidang falsafah dakwah dan pengurusan, sesuai dengan perkembangan tuntutan dakwah semasa.
- 2.2 Mengeluarkan siswazah yang matang dalam bidang pengajian Islam dan menghayati nilai-nilai Islam, di samping itu berminat dengan kerja-kerja dakwah dan pengurusan.
- 2.3 Melahirkan tenaga manusia yang mampu menjalankan tugas dan memberi sumbangan *maknawi* dan *maddi* kepada pembangunan masyarakat dan negara terutama dalam bidang dakwah, penerangan, pengurusan dan sebaran am.

3. Syarat-syarat Masuk dan Keperluan Minimum

- 3.1 Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya lima mata pelajaran iaitu:
 - Bahasa Melayu
 - Bahasa Arab Tinggi
 - **Dua** daripada mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Arab Komunikasi
 - Pendidikan Islam
 - Tasawwur Islam
 - Pendidikan Syariah Islamiyyah
 - Pendidikan al-Quran & al-Sunnah
 - Satu mata pelajaran lain
 - **Serta** lulus dalam Bahasa Inggeris di peringkat tersebut;

DAN

- 3.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:
 - 3.2.1 Memiliki STPM dan lulus penuh dalam mata pelajaran berikut:

- Pengajian Am/Kertas Am
- Bahasa Arab
- Syariah/Usuluddin;

ATAU

- 3.2.2 Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang baik, sekurang-kurangnya di peringkat **Jayyid**; **ATAU**
 - 3.2.3 Mempunyai Diploma dalam bidang yang sesuai dengan kursus yang dipohon (Sertakan transkrip akademik daripada semester 1 hingga semester akhir); **ATAU**
 - 3.2.4 Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti **DAN**
- 3.3 Memenuhi keperluan Malaysian University English Test (MUET) bagi pelajar STPM, STAM dan Diploma bagi tahun semasa.
- 3.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

4. Komponen Kursus Program Dakwah dan Pengurusan Islam

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
1. Kursus Universiti	I. 2 Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia:		
	UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	WU
	UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	WU
	II. 5 Kursus Pengajian Umum:		
	UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat	2	WU
	UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif	2	WU
	UTA2012 Pengantar Komunikasi	2	WU
	UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti	2	WU
	UTA2032 Metodologi Penyelidikan	2	WU
	III. 1 Kursus Latihan Amali		
	AAA3014 Latihan Amali	4	WU
	IV. 2 Kursus Ko-Kurikulum:		
	CAA2011 Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)	1	WU
	CAA2021 Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)	1	WU
	Jumlah Unit	20	

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
2. Kursus Teras Fakulti	I. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Arab:		
	UBA1012 Maharat al-Qiraah	2	WF
	UBA1022 Maharat Muhadathah wa al-Khatabah	2	WF
	UBA2012 Maharat al-Kitabah	2	WF
	UBA2022 Maharat al-Istima' wa al-Fahm	2	WF
	II. 2 Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris:		
	UBE1012 Bahasa Inggeris I	2	WF
	UBE1022 Bahasa Inggeris II	2	WF
	III. 13 Kursus Teras Pengajian Islam:		
	AAA1012 Akidah Islam	2	WF
	AAA2022 Akhlak dan Tasawuf	2	WF
	LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	2	WF
	LAA1052 Fiqh Muamalat dan Jinayat	2	WF
	LAA1042 Usul Fiqh	2	WF
	QAA1012 Ulum al-Quran	2	WF
	QAA1022 Ulum al-Hadith	2	WF
	QAA2012 Pengantar Qiraat dan Hafazan	2	WF
	AAA1022 Metodologi Dakwah	2	WF
	AAA2012 Pemikiran Islam Semasa	2	WF
	QAA1042 Sirah Rasul	2	WF
LAA1022 Tarikh al-Tashri	2	WF	
LAA1032 Sistem Undang-undang di Malaysia	2	WF	
	Jumlah Unit	38	

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus	
3. Kursus Program Dakwah Dan Pengurusan Islam	AAD2033	Metodologi Dakwah	3	WP
	AAD2053	Ilmu Pidato dan Debat	3	WP
	AAD2073	Kajian Budaya Etnik Malaysia	3	WP
	AAD2043	Gerakan Misionari Semasa	3	WP
	AAD2063	Islam dan Isu-Isu Semasa	3	WP
	AAD2083	al-Milal wa al-Nihal	3	WP
	AAD2103	Organisasi Dakwah Masa Kini	3	WP
	AAM3013	Prinsip dan Amalan Pengurusan	3	WP
	AAM3033	Pengurusan Sumber Manusia	3	WP
	AAM3053	Etika Kerja Islam	3	WP
	AAM3023	Adab al-Ikhtilaf	3	WP
	AAM3043	al-Firaq al-Islamiyyah	3	WP
	AAA3063	Projek Ilmiah	3	WP
	Jumlah Unit	39		
4. Kursus Elektif/ Minor #	LAA3053	Siyasah Shar'iyah	3	LP
	LAA2023	al-Fiqh al-Mu'asir	3	LP
	LAA2063	Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia	3	LP
	QAA2093	Sikap Orientalis Terhadap Quran dan Sunnah	3	LP
	QAA3013	Ilmu Takhrij	3	LP
	QAA3033	Sunnah, Bid'ah dan Khurafat	3	LP
	UBE2033	Literature In English	3	LP
	UBE2043	Creative Writing	3	LP
	UBE2053	Bahasa Inggeris III	3	LP
	Jumlah unit	12		
	JUMLAH SEMUA	109		

Di kehendaki 12 unit sahaja.

**5. Senarai Penawaran Kursus Menurut Semester (I hingga VI)
Program Dakwah dan Pengurusan Islam**

Semester	Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
I	UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
	UBA1012 Maharat al-Qiraah	WF	2	3
	UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat	WU	2	3
	UBE1012 Bahasa Inggeris I	WF	2	3
	AAA1012 Akidah Islam	WF	2	3
	LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	WF	2	3
	QAA1012 Ulum al-Quran	WF	2	3
	LAA1022 Tarikh al-Tashri	WF	2	3
	LAA1032 Sistem Undang-undang di Malaysia	WF	2	3
	CAA2011 Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)	WU	1	1
JUMLAH			19	27
II	UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
	UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah	WF	2	3
	UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif	WU	2	3
	UBE1022 Bahasa Inggeris II	WF	2	3
	LAA1042 Usul Fiqh	WF	2	3
	AAA1022 Metodologi Dakwah	WF	2	3
	QAA1022 Ulum al-Hadith	WF	2	3
	QAA1042 Sirah Rasul	WF	2	3
	LAA1052 Fiqh Muamalat dan Jinayat	WF	2	3
JUMLAH			18	26

Semester	Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
III	UTA2012 Pengantar Komunikasi	WU	2	3
	UBA2012 Maharat al-Kitabah	WF	2	3
	AAD2033 Metodologi Dakwah	WP	3	3
	QAA2012 Pengantar Qiraat dan Hafazan	WF	2	3
	AAD2053 Ilmu Pidato dan Debat	WP	3	3
	AAA2012 Pemikiran Islam Semasa	WP	2	3
	AAD2073 Kajian Budaya Etnik Malaysia	WP	3	3
	JUMLAH		17	21
IV	UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti	WU	2	3
	UTA2032 Metodologi Penyelidikan	WU	2	3
	UBA2022 Maharat al-Istima wa al-Fahm	WF	2	3
	AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf	WF	2	3
	AAD2043 Gerakan Misionari Semasa	WP	3	3
	AAD2063 Islam dan Isu-isu Semasa	WP	3	3
	AAD2083 al-Milal wa al-Nihal	WP	3	3
AAD2103 Organisasi Dakwah Masa Kini	WP	3	3	
	JUMLAH		20	24
V	AAM3013 Prinsip dan Amalan Pengurusan	WP	3	3
	AAA3014 Latihan Amali/Industri	WP	4	3
	AAM3053 Pengurusan Sumber Manusia	WP	3	3
	AAM4023 Etika Kerja Islam	WP	3	3
	CAA2021 Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)	WU	1	1
- 2 Kursus elektif/minor fakulti lain	LP	6	6	
	JUMLAH		20	19
VI	AAD3023 Adab al-Ikhtilaf	WP	3	3
	AAD3043 al-Firaq al-Islamiyyah	WP	3	3
	AAA3063 Projek Ilmiah	WP	3	3
	- 2 kursus elektif/minor fakulti lain	LP	6	6
	JUMLAH		15	15
	JUMLAH SEMUA		109	132

6. Liputan Kursus Program Dakwah dan Pengurusan Islam

6.1 Kursus Universiti (WU)

I. 2 Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia:	
Kod	Kursus
UTA1012	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
UTA1022	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
II. 5 Kursus Pengajian Umum:	
Kod	Kursus
UTA1032	Pengantar Teknologi Maklumat
UTA1042	Pemikiran Kritis dan Kreatif
UTA2012	Pengantar Komunikasi
UTA2022	Asas Pengurusan Kualiti
UTA2032	Metodologi Penyelidikan
III. 1 Kursus Latihan Amali	
Kod	Kursus
AAA3014	Latihan Amali
IV. 2 Kursus Ko-Kurikulum:	
Kod	Kursus
CAA2011	Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)
CAA2021	Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)

Kandungan Kursus Universiti (WU)

UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Kursus pengenalan tentang Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini menyentuh aspek-aspek penting dalam tamadun Islam yang membawa dampak yang besar dan perubahan-perubahan mendasar terhadap cara hidup, kebudayaan serta *world-view* masyarakat Islam. Penekanan ditumpukan kepada isu-isu yang mendokong dan mencabar kehidupan bertamadun khususnya berkaitan dengan kemuliaan insan, keadilan sosial, pembangunan bersepadu dan hidup bernegara. Kertas ini juga menghuraikan tentang Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang melalui proses pembinaan negara bangsa (*nation building*) untuk mengangkat kecemerlangan tamadun Islam secara berterusan.

Rujukan:

1. Nazaruddin Mohd Jali, Isamil M. Rashid & Nuazmi Kuntum. 1996. *Kenegaraan Malaysia: Sejarah Awal Kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
2. Zainal Abidin Abd. Wahid. 1979. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Syed Mohamad Dawilah al-Edrus. 1993. *Epistemologi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Seyyed Hossein Nasr. 1981. *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*. Boulder: Shambbala.
5. Seyyed Hossein Nasr. 1984. *Science and Civilization in Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Kursus ini merangkumi interaksi antara tamadun Islam dengan tamadun-tamadun besar Asia yang lain seperti India, China dan Jepun dan termasuklah tamadun peribumi Malaysia. Pendedahan secara ‘thematic’ terhadap tamadun besar Asia yang mempunyai hubungan sejarah dan budaya dengan tamadun Melayu akan mewujudkan sikap kesalingan untuk mengetahui, menghargai dan menghormati kekuatan silam. Selain daripada itu, kertas ini juga meneliti pertembungan budaya dan ciri-ciri peradaban dalam tamadun-

tamadun tersebut yang memandang kehidupan di dunia secara ideal, penuh dengan keharmonian, keseimbangan dan keamanan sejagat.

Rujukan:

1. Syed Naquib al-Attas. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of Malay-Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Romila Thapar. 1966. *A History of India*. Vol. 1. London: Penguin Books.
3. Hilda Hookman. 1972. *A Short History of China*. Ontario: St. Martin's Press, Inc.
4. M. Rajendran. 1988. *Sejarah Jepun*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.
5. t.p. 2001. *Buku Teks Kursus TITAS untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat

Kursus ini memperkenalkan kaedah dan teknik dalam Teknologi Maklumat (IT). Peranan dan dampak IT kepada organisasi-organisasi pengeluaran, spesifikasi kerja dan kemahiran. Hubungan sistem IT dengan pengurusan - sistem kewangan, sistem operasi kawalan, sistem sokongan keputusan, sistem sokongan eksekutif, sistem maklumat pengurusan, sistem pakar, sistem berasas pengetahuan dan lain-lain. Revolusi IT - semasa dan perkembangan masa depan. Penilaian IT: Analisis kos dan manfaat.

Rujukan:

1. Zonkoczy, P. 1990. *Information Technology - An Introduction*. 3rd Ed. Pitman.
2. Forester, T (Ed.). 1985. *The Information Technology Revolution*. Blackwell.
3. London, K. C. & London, J. P. 1991. *Management Information System*. 2nd Ed. MacMillan.
4. Winfield, I. 1991. *Organisations and Information Technology*. Blackwell.

5. Eason, K. 1990. *Information Technology and Organisational Change*. Taylor & Francis.

UTA1042 Pemikiran Kritis Dan Kreatif

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teknik berfikir yang dinamik bagi mewujudkan sikap berani mengeluarkan pendapat yang bernas dan bijak mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Ia mendedahkan pelajar kepada berfikir secara logik sebagai alat untuk menilai dalil dalam proses penghujahan. Antara aspek yang diajar termasuk pendalilan deduktif dan induktif, teori falasi, silogisme, bahasa dan definisi, syarat cukup dan syarat perlu dan makna emotif. Aspek tersebut membolehkan pelajar membezakan antara hujahan yang baik dan hujahan yang tidak berkesan. Kursus ini juga untuk membina kebolehan menginovasi dan berfikir secara kreatif, juga menggalakkan dan memberangsangkan keinginan pelajar-pelajar untuk sentiasa menginovasikan pengetahuan dan kepakaran dalam kursus-kursus lain dan aktiviti-aktiviti lain.

Rujukan:

1. Ainon Muhammad. 1993. *Teknik Berfikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Copi, I. M. & Cohen, Carl. 1990. *Introduction to Logic*. Edisi Ke-8. New York: MacMillan.
3. Dauer, F. W. 1989. *Critical Thinking: An Introduction to Reasoning*. Oxford: Oxford University Press.
4. Twiss Briau. 1985. *Managerial Innovation*. IMCB: Press Ltd.
5. Mckeller, Peter. t.th. *Imagination and Thinking*. Cohen & West.

UTA2012 Pengantar Komunikasi

Kursus ini memperkenalkan dalam konteks apa komunikasi berlaku. Ia akan membincangkan proses dan teori sebagaimana ia berlaku di dalam dan di kalangan individu, kumpulan, organisasi dan masyarakat. Ia meneroka komunikasi antara peribadi, kumpulan dan organisasi. Teknologi komunikasi, perkembangan bahasa, amalan retorik perbahasan, teori komunikasi, pembujukan, aspek komunikasi filem dan televisyen dan berkaitan.

Rujukan:

1. Barker, Larry L. & Deborah, A. Barker. 1993. *Communication*. Edisi Ke-6. Englewood, Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
2. Burgoon, Michael, Frank Hunsakar & Edwin, J. Dawson. 1994. *Human Communication*. Edisi Ke-3. London: Sage.
3. Gamble, Teri & Michael Gamble. 1994. *Public Speaking in the Age of Diversity*. Boston: Allyn & Bacon.
4. McAuley, Jack G. 1988. *Komunikasi Antara Manusia* (terjemahan Mohd Safar Hasim & Fatimah Yusoff). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Ruben, Brent D. 1984. *Communication and Human Behaviour*. New York: MacMillan Publishing Co.

UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada konsep dan isu kualiti termasuk pengurusan dan sistem kualiti. Sejarah perkembangan dan tokoh-tokoh yang telah memajukan konsep ini turut diperkenalkan. Melalui kursus ini, para pelajar akan didedahkan kepada kepentingan kualiti dalam perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran organisasi. Prinsip, kaedah dan pelaksanaan sistem kualiti akan turut diberi penekanan. Huraian tentang sistem-sistem pengurusan kualiti antarabangsa termasuk ISO 9000 turut dilakukan.

Rujukan:

1. Besterfield, D. H. 1995. *Total Quality Management*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
2. Crosby, P. B. 1984. *Quality Without Tears*. New York: McGraw-Hill Book Company.
3. Deming, W. E. 1986. *Out of the Crises*. Cambridge, Massachusetts: MIT Centre for Advanced Engineering.
4. Juran, J. M. 1980. *Quality Control Handbook*. Edisi Ke-4. New York: McGraw-Hill Book Company.
5. Mokhtar Abdullah & Wan Jaafar Wan Endut. 1996. "Asas Pengurusan Kualiti Menyeluruh" *Manuskrip Pusat Peningkatan Kualiti dan Produktiviti*. Fakulti Sains Matematik, UKM.

UTA2032 Metodologi Penyelidikan

Kursus ini akan memberi tumpuan khas kepada proses penyelidikan dari tahap awal mengenalpasti masalah kajian hingga ke tahap menginterpretasi secara menyeluruh penemuan kajian. Perbincangan mengenainya akan merangkumi tajuk-tajuk seperti falsafah dan etika penyelidikan, konsep dan unsur asas penyelidikan, reka bentuk kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data, pengujian dan pengukuran serta pemprosesan dan penganalisan data. Selain daripada itu, kaedah bagi penyediaan proposal serta laporan kajian juga akan dibincangkan.

Rujukan:

1. Kerlinger, F. N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. Edisi Ke-2. London: Holt, Rinehart & Winston.
2. Kiess, H. O. & Bloomquist, D. W. 1985. *Psychological Research Methods*. Boston: Allyn & Bacon, Inc.
3. Marken, R. 1981. *Methods in Experimental Psychology*. California: Brooks/Cole Publishing Co.
4. Ahmad Mahzan Ayob. 1983. *Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi - Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

AAA3014 Latihan Amali

Kursus ini akan memberi peluang kepada pelajar menjalani latihan amali di jabatan atau agensi yang sesuai dan akan ditentukan oleh KUIM. Tujuannya memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dan mewujudkan jalinan kerjasama antara KUIM dengan masyarakat luar.

Ko-Kurikulum

Kursus Ko-Kurikulum ialah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Ia bernilai dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Unit kursus ini akan diambil sebagai

sebahagian daripada syarat pengajian untuk Pengijazahan. Kursus ini bertujuan untuk penyuburan dan pengukuhan intelektual dan jasmani. Bagi melaksanakan kursus ini pelajar akan mengikuti dua modul aktiviti pembelajaran seperti berikut:

i) CAA2011 Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)

Kursus ini adalah pengajian *halaqah* yakni kajian teks bagi memahami dan mendalami teks kitab-kitab *turath* yang muktabar dan berkaitan dengan Dakwah dan Pengurusan Islam. Pengajian ini dijalankan selama empat semester dan bernilai satu unit.

ii) CAA2021 Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)

Kursus ini bertujuan memberi kemahiran berucap dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan Kemahiran Pengucapan Awam (*public speaking skill*) dan dijalankan selama dua semester serta bernilai satu unit. Perlaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

6.2 Kursus Teras Fakulti (WF)

I. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Arab:

Kod	Kursus
UBA1012	Maharat al-Qiraah
UBA1022	Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah
UBA2012	Maharat al-Kitabah
UBA2022	Maharat al-Istima' wal al-Fahm

II. 2 Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris:

Kod	Kursus
UBE1012	Bahasa Inggeris I
UBE1022	Bahasa Inggeris II

III. 13 Kursus Teras Pengajian Islam:

Kod	Kursus
AAA1012	Akidah Islam
AAA2022	Akhlak dan Tasawwuf
LAA1012	Fiqh Ibadat dan Munakahat
LAA1052	Fiqh Muamalat dan Jinayat
LAA1042	Usul Fiqh
QAA1012	Ulum al-Quran
QAA1022	Ulum al-Hadith
QAA2012	Pengantar Qiraat dan Hafazan
AAA1022	Metodologi Dakwah
AAA2012	Pemikiran Islam Semasa
QAA1042	Sirah Rasul
LAA1022	Tarikh al-Tashri'
LAA1032	Sistem Undang-undang di Malaysia

Kandungan Kursus Teras (WF)

UBA1012 Maharat al-Qiraah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar memahami kemahiran *al-qiraah* melalui teks-teks pilihan dengan penekanan kepada kemahiran membariskan petikan, *al-qiraat al-samitah*, *al-qiraah al-jahriyah*, latihan lisan dan kaedah *al-impla' wa al-tarqim*. Kemahiran *al-qiraah* ini disokong oleh kemahiran bahasa dan nahu dengan penekanan kepada *al-nahw al-wazifi*.

Rujukan:

1. Ibrahim, Abd al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-Wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
2. Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-Wafi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
3. Al-Hamlawi, Ahmad. 1965. *Shadh al-Urf*. Al-Qahirah: Maktabat wa Matbaat Mustafa al-Babi al-Halabi.
4. Sini, Mahmud Ismail. 1993. *Al-Qiraat al-Muyassarah*. Arab Saudi: Jami'at al-Malik Su'ud.
5. Petikan akhbar dan majalah Arab semasa.

UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran *al-muhadathah* dan *al-khatabah* melalui teks-teks pilihan daripada perbualan dan dialog semasa dan latihan *al-khatabah* secara spontan. Topik-topik nahu dan *sarf* yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kursus sebelumnya.

Rujukan:

1. Sini, Mahmud Ismail. 1982. *Al-Arabiyah li al-Hayat*. Saudi Arabia: Jamiat al-Malik Su'ud.
2. Ibrahim, Abd al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-Wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
3. Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-Wafi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.

4. Al-Khatib, Muhammad Khalil. 1983. *Khutab al-Mustafa s.a.w.* Al-Qahirah: Dar al-I'tisam.
5. Petikan akhbar dan majalah Arab semasa (berkenaan *muhadathah* dan *khitabah*).

UBA2012 Maharat al-Kitabah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran menulis melalui teks-teks pilihan semasa dan *turath* dalam bidang penulisan *al-insha'*, *al-maqalah*, *al-rasail*, *al-taqrir*, *al-muzakkirah* dan lain-lain dengan fokus kepada kajian gaya bahasa Arab. Topik-topik nahu dan *sarf* yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kemahiran bahasa dan nahu pelajar.

Rujukan:

1. Al-Qalqasyandi, Abu al-Abbas. 1987. *Subh al-'Asha fi Sinaat al-Insha'*. Edit: Mohd. Husain Syamsuddin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
2. Sini, Mahmud Ismail. 1966. *Al-Mu'jam al-Siyaqi*. Lubnan: Maktabat Lubnan.
3. Mansyn, Abdul Aleem El Sayed. t.th. *Sentence Dictionary English/Arabic Sentence*. Cairo: Madbouuly Bookshop.
4. Ibrahim, Abdul al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-Wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
5. Sobih, Ibrahim. 1997. *Al-Lughah al-Arabiyah*. Amman: Dar al-Manahij.

UBA2022 Maharat al-Istima' wa al-Fahm

Kursus ini bertujuan mengukuhkan kemahiran mendengar dan memahami di kalangan pelajar terhadap buku-buku *turath* dan moden, di samping itu penekanan juga diberi bagi kebolehan meringkas, menganalisis serta memberi komen secara lisan dan bertulis.

Rujukan:

1. Badawi, al-Said Muhammad. 1981. *Al-Kitab al-Asasi*. Tunisia: al-Munazzamah al-Arabiah li al-Tarbiah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum.

2. Al-Hashimi, Ahmad. 1983. *Jawahir al-Adab fi Adabiyat wa Insha' Lughat al-Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
3. Diyf, Shauqi. 1976. *Al-Bahth al-Adabi*. Misr: Dar al-Ma'arif.
4. Al-Sayuti, Jalaluddin. t.th. *Tarikh al-Khulafa'*. Beirut: Dar al-Fikr.
5. Buku-buku *Turath Bahasa*, Sastera dan Pengajian Islam.

UBE1012 Bahasa Inggeris I

This is an integrated course that aims at reinforcing the students' command of English to help them gather information and communicate effectively in an academic environment. It focuses on reviewing the rudiments of English grammar and developing the students' reading skills through specific tasks and exercises that provide practice and exposure to the organization and structure of texts. It also includes various approaches, strategies and techniques in academic reading that will contribute towards the development of their study skills.

Reference:

1. Kirn, E. & P. Hartmann. 1985. *Interactions Two: A Reading Skills Book*. 3rd Ed. New York: McGraw-Hill.
2. Werner, P. K., M. M. Church & L. R. Baker. 1985. *Interactions Two: A Communicative Grammar*. New York: McGraw-Hill.
3. Ramsey, J. W. 1997. *Basic Skills Academic Reading*. London: Heinle & Heinle.
4. Pakenham, K. J. 1998. *Making Connections: An Interactive Approach to Academic Reading*. Cambridge: Cambridge University Press.

UBE1022 Bahasa Inggeris II

The course aims at reinforcing the skills attained in English I through interactive reading exercises and practice, and grammar review in context. These skills are further extended to include also the development of writing skills which introduces the students to the general principles of effective writing and the writing process. It also provides practice in logical thinking, organization of ideas and patterns of organization.

Reference:

1. Treckiak, J. & S. E. Mackay. 1997. *Study Skills for Academic Writing*. New Jersey: Prentice-Hall.
2. Leki, I. 1990. *Academic Writing: Exploring Processes and Strategies*. Cambridge: Cambridge University Press.
3. Raimes, A. 1998. *Exploring Through Writing*. Cambridge: Cambridge University Press.
4. Bates, L. 1998. *Transitions: An Interactive Reading, Writing and Grammar Text*. Cambridge: Cambridge University Press.

AAA1012 Akidah Islam

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang akidah dalam Islam mengikut keterangan al-Qur'an dan Sunnah. Ia merupakan kursus asas dan teras untuk memahami, dan mengamalkan cara hidup Muslim. Ia meliputi tajuk-tajuk seperti konsep agama Allah, kefitrahan agama Allah, pengertian Islam, hubungan Islam dan Iman, batas-batas keimanan dan kekufuran dan konsep akidah Islam, konsep makrifah Allah (makrifah zat, sifat, nama dan *af'al*) konsep nubuwwah, wahyu, mukjizat, dalil-dalil kenabian; sifat-sifat dan peranan para nabi dan rasul.

Rujukan:

1. Abdul Ghaniy °Abud. 1976. *Al-°Aqidah al-Islamiyah wa al-Idiulujiyat al-Mu°asirah*. Misr: Dar al-Fikr al-°Arabiy.
2. Al-Tahawiy Abu Ja°far Ahmad. t.th. *Sharh al-°Aqidah al-Tahawiyah*. Misr: Dar al-Fikr al-°Arabiy.
3. Ahmad °Izzuddin al-Bayanuniy. 1990. *Al-Kufr wa al-Mukaffirat*. t.tpt.: Dar al-Salam.
4. Muhammad Abdullah Darraz. 1970. *Al-Din: Buhuth Mumahhidah li Dirasat Tarikh al-Adyan*. Bayrut: Dar al-Kutub.
5. Sabir Tu°aymah. 1398H/1978M. *Al-°Aqidah wa al-Fitrah fi al-Islam*, Bayrut: Dar al-Jayl.

AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada persekitaran umum akhlak Islamiah serta tasawwuf dengan memberikan penekanan khusus kepada peranan kedua-duanya dalam proses pembangunan sakhsyiah muslim setulunya. Pembicaraannya meliputi konsep nilai dan sumber akhlak Islamiah serta kepentingannya dalam kehidupan insan, konsep dan sumber tasawwuf sebagai aspek kerohanian yang sah dalam Islam, hubungan antara akhlak Islamiah dan tasawwuf, proses pembersihan diri (*tazkiyyat al-nafs*) yang meliputi pembicaraan sekitar *al-fada'il* dan *al-radha'il* dan pengenalan kepada *al-maqamat* dan *al-ahwal*.

Rujukan:

1. Hawwa, Sa'id. 1988. *Al-Mustakhlis fi Tazkiyah al-Anfus*. Misr: Dar al-Salam.
2. Al-Sarraj, Abu Nasr al-Tusi. 1960. *Al-Luma'*. Sunt. Abd al-Halim Mahmud & Taha Abd al-Baqi Surur. Misr: Dar al-Kutub al-Hadithah.
3. Al-Taftazaniy, Abu al-Wafa'. 1976. *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*. Qahirah: Dar al-Thaqafah.
4. Yaljin, Miqdad. 1973. *Al-Ittijah al-Akhlaqi fi al-Islam: Dirasah Muqaranah*. Misr: Maktabat al-Khanjiy.

LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat

Kursus ini merupakan pengantar kepada pengajian Fiqh dalam dua bahagian iaitu ibadat dan Munakahat. Bahagian ibadat menyentuh ibadat umum dan ibadat khusus seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji serta persoalan berkaitan dengan ibadat-ibadat tersebut. Manakala bahagian munakahat pula menyentuh pertunangan, perkahwinan, mas kahwin, perceraian, fasakh, khulu', illa', zihar, kesan perkahwinan seperti nafkah dan hadanah, rujuk dan perkara-perkara yang berkaitan. Penekanan kursus ini akan diberikan kepada pendapat Mazhab Syafie.

Rujukan:

1. Al-Sharbini al-Khatib. 1377H/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Misr: al-Halabi.
2. Al-Sharbini al-Khatib. t.th. *al-Iqna'*. Misr: Dar al-Fikr.

3. Al-Shaykh Khalid ibn Abdullah al-Shuqfah. 1409H/1989M. *Kitab al-Dirasat al-Fiqhiyyah 'ala Madhhab al-Shafi'i*. Misr: Dar al-Salam.
4. Mustafa al-Khin (Dr.), Mustafa al-Bugha (Dr.) & Ali al-Shurbaji. 1407H/1987M. *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
5. Al-Sayyid Sabiq. 1403H/1983M. *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr.

LAA1052 Fiqh Muamalat Dan Jinayat

Kursus ini merupakan pengantar kepada Fiqh Muamalat dan Jinayat. Bahagian pertama membincangkan konsep *al-mal*, *al'aqd*, *al-ahliyyah*, jualbeli dan jenis-jenisnya, riba, khiyar, gadaian, hiwalah, jaminan harta dan tubuh, *shufa*, syarikat, *qirad*, *musaqah*, *muzara'ah*, sewa, *ji'alah*, *luqata* dan *wadiah*, *qard al-hasan*, *mudarabah*, insuran dan lain-lain. Bahagian kedua pula membincangkan bahagian jenayah dengan penekanan kepada jenayah-jenayah hudud, pendakwaan dalam jenayah hudud dan keterangannya. Tumpuan juga diberikan kepada beberapa jenayah lain dalam bidang Syariah. Penekanan kursus ini akan diberikan kepada pendapat mazhab Syafie.

Rujukan:

1. Al-Sharbini al-Khatib. 1377H/1958. *Mughni al-Muhtaj*. Misr: al-Halabi.
2. Al-Sayyid Sabiq. 1403H/1983M. *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr.
3. 'Ali Qara'ah. t.th. *Ahkam al-'Uqud Fi-al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Misr: Dar Misr li al-Tiba'ah.
4. Muhammad Yusuf Musa. 1405H/1984M. *Al-Fiqh al-Islami wa Nizam al-Mu'amalat Fih*. t.tpt.: Dar al-Kitab al-'Arabi.
5. Su'adah Ibrahim Saleh. 1405H/1984M. *Ahkam Tasarrufat al-Saghir fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Jeddah: Dar al-Bilad.

LAA1042 Usul Fiqh

Kursus ini akan membincangkan ilmu Usul Fiqh dari segi definisi dan perkembangannya, hukum dan jenis-jenisnya serta sumber hukum berdasarkan wahyu iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Kemudian dinyatakan cara-cara pemahaman nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah bagi mengeluarkan hukum dengan menerangkan konsep-konsep suruhan (*al-amr*) dan tegahan (*al-nahy*), umum (*al-^cumum*) dan khusus (*al-khas*), *al-mutlaq* dan *al-muqayyad*, *al-mujmal* dan *al-mubayyan*, serta *al-mantuq* dan *al-mafhum*. Kursus ini juga akan membincangkan sumber-sumber hukum yang disepakati oleh ulama berdasarkan ijtihad, iaitu *al-Ijma^c* dan *al-Qiyas*.

Rujukan:

1. Al-Asnawiy, Jamal al-Din Abd al-Rahim. t.th. *Nihayat al-Usul Sharh Minhaj al-Wusul*. Al-Qahirah: Matba^cah Muhammad ^cAli al-Sabih.
2. Zuhayr, Muhammad Abu al-Nur. t.th. *Usul al-Fiqh*. Al-Qahirah: Dar al-Ta^rif.
3. Al-Ghazaliy, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1322H. *Al-Mustasfa*. Al-Qahirah: Matba^cat al-Amiriyah.
4. Al-Amidiy, Sayf al-Din, Abu al-Hassan Ali ibn Muhammad. 1388H/1968M. *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Al-Qahirah: Matba^cah Muhammad Ali al-Sabih.
5. Al-Mahalliy, Shams al-Din Muhammad ibn Ahmad. 1356H/1937M. *Sharh al-Mahalliy ^cala Jam^ci al-Jawami^c*. Al-Qahirah: Matba^cah Mustafa al-Babi al-Halabi.

QAA1012 Ulum al-Quran

Kursus ini membincangkan beberapa tajuk permulaan dalam Ulum al-Quran iaitu pengertian Ulum al-Quran dari segi bahasa dan istilah. Sejarah Ulum al-Quran, pengertian penurunan al-Quran dan peringkat-peringkatnya, hikmah diturunkan al-Quran secara berperingkat, ayat yang pertama dan akhir diturunkan, makki dan madani, sebab-sebab nuzul dan pengumpulan al-Quran. Pengenalan ringkas kitab-kitab tafsir dari segi metode penulisan dan fokus tafsirannya.

Rujukan:

1. Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd. Rahman. 1951. *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Al-Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
2. Al-Zarqani, Muhammad Abd. al-Azim. t.th. *Manahil al-'Irfan fi Ulum al-Quran*. Al-Qahirah: Matba'ah Isa al-Babi al-Halabi.
3. Al-Sabuni. Muhammad 'Ali. 1985. *Al-Tibyan fi Ulum al-Quran*. t.tpt.: Maktabah al-Sabuni.
4. Subhi al-Salih. 1979. *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.

QAA1022 Ulum al-Hadith

Kursus ini mengandungi tajuk-tajuk pengenalan Hadith: takrif Hadith, Hadith dirayah, Hadith riwayat, Hadith Qudsi, sejarah perawi Hadith, *al-jarah wa al-ta'dil*, bahagian-bahagian Hadith, Hadith palsu dan takhrij Hadith. Hubungan antara Hadith dengan al-Quran, kedudukan hadith dalam Syariat Islam, pengenalan ringkas tentang kitab-kitab sunan Sittah (Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Termizi, Sunan Abu Daud, Sunan Nasai, Sunan Ibn Majah).

Rujukan:

1. Ibn al-Salah, Abi 'Amru Uthman b. Abd. Rahman. 1978. *Muqaddimah Ibn al-Salah fi Ulum al-Hadith*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
2. Al-Suyuti, Jalal al-Din Abd. Rahman b. Abi Bakr. 1979. *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Ilmiyyah.
3. Al-Salih, Subhi. 1991. *Ulum al-Hadith wa Mustalahuhu*. Bayrut: Dar al-Ilmi li al-Malayin.
4. Al-Khatib, Muhammad Ijaj. 1981. *Usul al-Hadith Ulumuhu wa Mustalahuhu*. t.tpt.: Dar al-Fikr.

QAA2012 Pengantar Qiraat Dan Hafazan

Kursus ini membincangkan perkembangan Ilmu Qiraat, kaedah-kaedah umum mengenai *Qiraat al-Sab'ah* (bacaan Tujuh) disertai dengan latihannya. Penekanan pembacaan berdasarkan riwayat Hafs An 'Asim dengan Kaedah Tajwid yang ada dalamnya. Pelajar juga dikehendaki menghafal beberapa surah seperti Yasin, al-Jumua, al-Munafiqun dan lain-lain.

Rujukan:

1. Al-Baghdadi, Abu al-Qasim 'Ali ibn 'Uthman. 1954. *Sirj al-Qari al-Mubtadi wa Tidhkar al-Muqri' al-Muntaba*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
2. Al-Dabbagh, 'Ali Muhammad. 1938. *al-'Ibda'ah fi Bayan Usul al-Qira'at*. Al-Qahirah: Matba'at al-Mashsad al-Husayni.
3. Muhaysin, Muhammad Muhammad Salim. 1969. *Al-Irshadat al-Jaliyyat fi al-Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah*. Al-Qahirah: Maktabat al-Kuliyyat al-Azhariyyat.
4. 'Abdul Fattah al-Qadi. t.th. *al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-'Ash al-Mutawatirah*.
5. 'Abdul Fattah al-Qadi. t.th. *al-Wafi fi Sharh al-Shatibiyyah*. Al-Qahirah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

AAA1022 Metodologi Dakwah

Kursus ini membincangkan metod-metod penyampaian (manahij) dakwah iaitu hikmah, *maw'izah hasanah*, *mujadalah*, *taqdim al-aham fa al-muhim*, *taghrib*, *tarhib* dan lain-lain. Di samping itu, ia juga membicarakan tentang pelbagai uslub dan pendekatan semasa dalam menjalankan aktiviti dakwah masa kini.

Rujukan:

1. Muhammad Husain Fadhullah. 1972. *Uslub al-Da'wah fi al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Zahra'.
2. Abd. al-Badi' Saqar. 1980. *Kayfa Nad'u al-Nas*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.

3. Fathi Yakan. 1980. *Kayfa Nad'u ila al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
4. Abu al-Majd al-Sayed Naufal. 1977. *Al-Da'wah ila Allah*. Al-Qahirah: Matba'ah al-Hadarah al-Arabiyyah.

AAA2012 Pemikiran Islam Semasa

Kursus ini membincangkan kekeliruan dalam pendefinisan pemikiran Islam, pertumbuhan dan perkembangan pemikiran Islam bermula dari pemikiran al-Afghani, Muhammad Abduh, Rashid Reda dan Hasan al-Banna serta pemikir mutakhir seperti Ismail al-Faruqi, Hasan al-Turabi, Muhammad al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradawi. Antara isi yang dibincangkan ialah isu politik dan ekonomi semasa, sosio-budaya bangsa, globalisasi dan kaitannya dengan syariah dan akidah.

Rujukan:

1. Al-Darimi, Fathi. 1988. *Dirasat wa Buhuth fi al-Fikr al-Islami al-Mu'asir*. Damsyik: Dar al-Qufaybah.
2. Fathi Uthman. 1960. *Al-Din fi Mawqif al-Difa'*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
3. Muhammad Immarah. 1988. *Al-Dawlah al-Islamiyyah Bayna al-Ilmaniyyah wa al-Sultah al-Diniyyah*. Qahirah: Dar al-Shuruq.
4. Ahmad Akbar S. 1992. *Post Modernism and Islam: Predicament and Promise*. London: Routledge.
5. Abdul Rahman Haji Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Penang: PJJ USM.

QAA1042 Sirah Rasul

Kursus ini bertujuan mengkaji kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. berdasarkan al-Qur'an dan hadith serta sumber-sumber awal tentang *sirat al-rasul*. Selain daripada latarbelakang Semenanjung Arab dan kota Makkah sebelum Islam, kursus ini juga membincangkan: kehidupan Nabi s.a.w. serta keluarganya sebelum menerima wahyu, wahyu dan ajaran-ajaran awal, pengikut-pengikutnya yang pertama, penentangan orang Quraysh, langkah-langkah Nabi s.a.w. untuk mengatasinya: penghijrahan ke

Habshah dan ke Yathrib, al-Madinah: negara Islam pertama dan *Sahifat al-Madinah*, perhubungan dengan: orang Quraysh - Yahudi - suku-suku Arab - kuasa-kuasa luar, Islam dan Semenanjung Arab ketika Nabi s.a.w. sebagai seorang insan dan rasul, sebagai pemimpin, suami dan ayah, untuk dijadikan *‘ibrah* dan *uswah* dalam pembinaan peribadi Muslim dan pembangunan masyarakatnya.

Rujukan:

1. Al-Tabari, Muhammad b. Jarir. 1995. *Jami‘ al-Bayan ‘an Ta’wil ay al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Fikr.
2. Al-Tabari, Muhammad b. Jarir. *Tarikh al-Rasul wa al-Muluk*. Jilid 2 & 3. Beirut: Dar Suwaydan.
3. Ibn Hisham, ‘Abd al-Malik. 1995. *Al-Sirah al-Nabawiyyah*. Sunt. Mustafa al-Saqa, Ibrahim al-Abyari dan ‘Abd al-Hafiz Shalabi. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
4. Al-Waqidi, Muhammad b. ‘Umar. 1966. *Kitab al-Maghazi*. Sunt. Marsden Jones. 3 Jilid. London: Oxford University Press.
5. Ibn Sayyid al-Nas. 1982. *Uyun al-Athar*. 2 Jilid. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

LAA1022 Tarikh al-Tashri’

Kursus ini membincangkan syariah, fiqh dan undang-undang ciptaan, sejarah perkembangan undang-undang Islam yang bermula dari zaman permulaan Islam (zaman Rasulullah s.a.w.) hingga zaman kejatuhan Baghdad dan zaman kebekuan fiqh (ijtihad) dengan menumpukan kepada dasar perundangan, sumber perundangan, cara pengithabatan hukum, punca perselisihan hukum, kemunculan mazhab-mazhab fiqh, ijtihad, taqlid dan perkara-perkara berkaitan dengan pertumbuhan pada setiap peringkat di atas.

Rujukan:

1. Al-Khudari, al-Sheikh Muhammad. 1970. *Tarikh al-Tashri‘ al-Islami*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
2. Sais, Muhammad Ali. t.th. *Tarikh al-Fiqh al-Islami*. Misr: Muhammad Ali Sabih.

3. Mahmasani, Subhi. 1961. *Falsafah al-Tashri' fi al-Islam*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Mala'yin.
4. Ahmad Shalabi. 1981. *Tarikh al-Tashri' al-Islami wa Tarikh al-Nuzum al-Qada'iyah fi al-Islam*. Qahirah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.

LAA1032 Sistem Undang-Undang Di Malaysia

Kursus ini membincangkan sumber undang-undang di Malaysia termasuk Islam serta sejarah Perlembagaan dan undang-undang di Malaysia. Membincangkan juga konsep-konsep utama undang-undang, doktrin duluan, tafsiran undang-undang bertulis, undang-undang Islam dan undang-undang adat.

Rujukan:

1. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1984. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Abdul Hamid Omar. 1994. *The Judiciary in Malaysia*. Kuala Lumpur: Asia Pacific Publications Sdn. Bhd.
3. Mohamad Suffian Hashim. 1976. *An Introduction to the Constitution of Malaysia*. 2nd Ed. Kuala Lumpur: Governments Printers.
4. Mohamad Suffian Hashim. 1990. *An Introduction to the Legal System of Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
5. Statut-Statut berkaitan, seperti Interpretation Act 1967; Civil Law Act 1956 (Revised 1973), (as amended); Courts of Judicature Act 1964 (as amended); Legal Profession Act 1976, Juvenile Courts Act, Act 1964 (Revised 1972), Rules of Subordinate Court 1980, Interpretation and General Clauses Ordinance, No. 7, 1948 dan lain-lain.

6.3 Kursus Program Dakwah dan Pengurusan Islam (WP)

Kod	Kursus
AAD2033	Metodologi Dakwah
AAD2053	Ilmu Pidato dan Debat
AAD2073	Kajian Budaya Etnik Malaysia
AAD2043	Gerakan Misionari Kristian
AAD2063	Islam dan Isu-isu Semasa
AAD2083	Al-Milal wa al-Nihal
AAD2103	Organisasi Dakwah Masa Kini
AAM3013	Prinsip dan Amalan Pengurusan
AAM3033	Pengurusan Sumber Manusia
AAM3053	Etika Kerja Islam
AAD3023	Adab al-Ikhtilaf
AAD3043	Al-Firqah al-Islamiyyah
AAA3063	Projek Ilmiah

Kandungan Kursus Program Dakwah dan Pengurusan Islam (WP)

AAD2033 Metodologi Dakwah

Kursus ini membincangkan dakwah sebagai ilmu yang menjurus kepada amali dan profesionalisme bagi para pendakwah. Akan diberi penumpuan kepada metodologi dakwah yang sesuai dan berkesan dengan sasaran dakwah kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Pendekatan dakwah dengan mengenali kelompok sasar dan masyarakat akan juga dibincangkan. Manakala cara mentarbiah pendakwah yang mithali dan menganalisis syarat-syarat dan sifat-sifat yang perlu ada pada pendakwah akan diberi penekanan.

Rujukan:

1. Abd. al-Karim Zaydan. 1975. *Usul al-Da'wah*. Iskandariyah: Dar Umar ibn al-Khattab.
2. Abdullah Muhammad Zin. 1991. *Islamic Da'wah (Mission)*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
3. Muhammad Abu Bakar. 1987. *Penghayatan Sebuah Ideal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

4. Muhammad Abu Zahrah. 1973. *Al-Da'wah ila al-Islam*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabi.
5. Wan Hussain Azmi. 1985. *Al-Da'wah al-Islamiyyah fi Maliziya*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.

AAD2053 Ilmu Pidato dan Debat

Kursus ini membicarakan sejarah perkembangan dan peranan pidato sebagai saluran komunikasi di khalayak ramai. Liputan sejarah umat manusia mencakup peranan pidato dan debat sejak pra-Islam hingga kini. Kaedah-kaedah dan cara-cara berpidato dan berdebat akan dipelajari sebagai media berdakwah. Penekanan diberi kepada teknik dan tata cara penyampaian "khutbah" yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah serta kemahiran sebagai imam dan khatib. Selain itu, akan diadakan latihan amali untuk memahirkan diri dalam bidang pidato dan debat serta penyampaian khutbah ibadah. Latihan ini akan diatur kepada semua yang mengikuti kursus ini bagi melahirkan pendakwah yang mahir berkomunikasi di hadapan khalayak untuk menyampaikan risalah dakwah secara berkesan.

Rujukan:

1. Muhammad Abu Zahrah. 1934. *Al-Khitabah*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabi.
2. Ali Mahfuz. 1947. *Mudhakkirah al-Khitabah*. Al-Qahirah: Dar al-Tiba'ah wa al-Nashr al-Islamiyyah.
3. Muhammad Abd al-Aziz al-Khuli. 1961. *Islah al-Wa'z al-Dini*. Al-Qahirah: al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra.
4. Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni. 1993. *Al-Madkhal ila al-Da'wah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

AAD2073 Kajian Budaya Etnik Malaysia

Kursus ini memberi tumpuan secara lebih mendalam tentang kebudayaan multi-etnik pelbagai bangsa di Malaysia yang menjadi sasaran dakwah. Tumpuan akan diberi kepada mengkaji latarbelakang dan amalan adat dan agama komuniti Cina, India dan Siam di Semenanjung Malaysia dan suku kaum Kadazan, Iban, Bajau, Murut dan lain-lain di Sabah dan Sarawak. Kursus ini bertujuan mendedahkan latarbelakang kehidupan mereka bagi menyampaikan bahan dakwah secara berkesan.

Rujukan:

1. Ann Wan Seng. 1995. *Perayaan Orang Cina*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
2. M. Rajantheran & S. Manimaran. 1994. *Adat dan Pantang Larang Orang India*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
3. Arasaratnam Sinnapah. 1970. *Indians in Malaysia and Singapore*. London: Oxford University Press.
4. H. M. Dahlan. 1986. *The Nascent Malaysian Society*. Bangi: Penerbit UKM.
5. Aziz Deraman (Pnyt.). 1975. *Asas-asas Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

AAD2043 Gerakan Misionari Semasa

Kursus ini membincangkan tentang gerakan misionari Kristian di negara-negara Islam. Aspek-aspek metodologi dan pendekatan yang dijalankan oleh mereka diberi tumpuan. Semangat salibiyah serta bentuk-bentuk pernyataannya dalam mematahkan kebangkitan Islam sejak awal hingga kini. Pengenalan tentang teologi Kristian dan kepelbagaian mazhabnya. Kedatangan kristian ke alam Melayu serta reaksi gerakan dakwah Islamiah. Usaha-usaha dan strategi dakwah Islamiah dalam menghadapi gerakan Kristianisasi.

Rujukan:

1. Abd al-Halim Mahmud. t.th. *Aurubba wa al-Islam*. Al-Qahirah: Dar al-Sya'b.
2. Ahmad Abd. Wahab. 1981. *Haqiqah al-Tabshir Bayna al-Madi wa al-Hadir*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah
3. Ghazali Basri. 1992. *Christian Mission and Islamic Da'wah in Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
4. Muhammad Abduh. 1373H. *Al-Islam wa al-Nasraniyyah Ma'a al-Ilm wa al-Madaniyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Manar.
5. Robert Hunt. 1991. *Christianity in Malaysia*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.

AAD2063 Islam dan Isu-isu Semasa

Kursus ini akan membincangkan sekularisme, orientalisme, pasca modenisme dan globalisasi. Perhatian akan ditumpukan kepada kajian-kajian dan pendapat-pendapat yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Seterusnya kursus ini juga akan membincangkan kedudukan dan status wanita menurut Islam, masalah-masalah wanita zaman moden dan cara penyelesaiannya seperti institusi keluarga, perancangan keluarga, pengguguran, poligami dan masalah wanita kerjaya.

Rujukan:

1. Mahmud Hamdi Zaquq. 1404H/1983M. *Al-Ishtisraq wa al-Khalfiyyah li al-Sira' al-Hadari*. Kuwait: Dar al-Qalam li al-Tiba'ah wa al-Nashr.
2. Muhammad al-Ghazali. 1992. *Qadaya al-Mar'ah*. Beirut: Dar al-Shuruq.
3. Al-Bahi al-Khuli. 1968. *Al-Islam wa Qadaya al-Mar'ah al-Mu'asirah*. Beirut: Dar al-Qalam.
4. Edward W. Said. 1978. *Orientalism*. London: Routledge & Kegan Paul.
5. Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1978. *Islam dan Sekularisme*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.

AAD2083 Al-Milal Wa Al-Nihal

Kursus ini mengandungi kajian mengenai pelbagai agama yang dianuti oleh umat manusia. Perbincangannya meliputi asas ajaran Hinduisme, Buddhisme, Konfucianisme, Kristian dan Yahudi. Pendekatannya mengikuti kaedah analisis (*manhaj tahlili*) menurut ulama Islam. Kursus ini juga akan mendedahkan sejarah, pengertian agama, disiplin dan pengaruhnya menerusi pendekatan kritis dan bandingan.

Rujukan:

1. Ibn Hazm. 1986. *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa' wa al-Nihal*. Beirut: Dar al-Shuruq.
2. Abu Shamah. 1982. *Muqaranah al-Adyan*. Qahirah: Dar al-Wahbah.

3. Al-Shahrestani. 1987. *Al-Milal wa al-Nihal*. Qahirah: Dar al-Madani.
4. Al-Baghdadi. 1970. *Al-Farq Bayn al-Firaq*. Qahirah: Maktabah Mustafa al-Halabi.
5. Al-Darraz, Abdullah. 1970. *Al-Din, Buhuth Mumahhadah li Dirasat Tarikh al-Adyan*. Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah.

AAD2103 Organisasi Dakwah Masa Kini

Kursus ini membincangkan organisasi-organisasi dakwah di Malaysia masa kini seperti ABIM, JIM, YADIM, PERKIM, PUM, IKIM dan lain-lain. Begitu juga organisasi-organisasi dakwah di peringkat ASEAN dan antarabangsa seperti OIC, FOSIS, DDII, (Dewan Dakwah Islamiah Indonesia). Muhammadiyah, NU (Nahdatul Ulama), Rabitah, WAMY, IIIT, Jamaah Islamiah Pakistan dan Jamaah Tabligh India.

Rujukan:

1. Deliar Noer. 1991. *The Future of Islam in Southeast Asia*. Jakarta: Risalah Foundation - Islamic Academy.
2. Gideon Golany & Daniel Walden. 1974. *The Contemporary New Communities Movement in the United States*. USA: University of Illinois Press.
3. Judith Nagata. 1984. *The Reflowering of Malaysian Islam*. Canada: University of British Columbia Press.
4. Muhammad Abu Bakar. 1987. *Penghayatan Sebuah Ideal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Wan Hussain Azmi. 1985. *Al-Da'wah al-Islamiyyah fi Maliziya, Zuhuruha wa Intisharuha*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.

AAM3013 Prinsip Dan Amalan Pengurusan

Kursus ini membincangkan tentang prinsip pengurusan antaranya pembahagian dan pengkhususan kerja, autoriti, disiplin, kepaduan arahan dan tindakan, pengorbanan individu, ganjaran, prinsip pemusatan, rekabentuk kerja, pengurusan, persamaan dan kerjasama. Amalan pengurusan ialah

membuat keputusan, perancangan, pengurusan dan pengorganisasian, dorongan, komunikasi, penyelarasan dan penilaian. Termasuk juga konsep asas dalam pentadbiran Islam: konsep Tauhid, Syura, keadilan, persamaan hak, kooperatif dan kepimpinan.

Rujukan:

1. Ussaf, Mahmud. 1976. *Usul al-Idarah*. Al-Qahirah: Dar al-Nashr al-'Arabi.
2. Robbins S. P. 1988. *Management Conceptual Applications*. New York: Prentice Hall.
3. Bedian A. G. 1986. *Management*. Chicago: Druden Press.
4. Abu Sin, Ahmad Ibrahim. 1984. *Al-Idarah Fi al-Islam*. Al-Khurtum: Al-Dar al-Sudaniyah li al-Kutub.
5. Newman, W. H. et. al. 1972. *The Process of Management: Concept, Behaviour and Practice*. 3rd Ed. Englewood Cliff, New Jersey: Prentice Hall, Inc.

AAM3033 Pengurusan Sumber Manusia

Kursus ini menekankan pengurusan sahsiah Islam melalui proses tarbiyah dan latihan sepadu antara aspek rohani, mental, emosi dan fizikal sebagai seorang khalifah Allah di bumi. Kemahiran khusus diberi tumpuan utama kepada aspek pengurusan personaliti sebagai pendakwah dan pemimpin. Di samping itu diberi penekanan dari aspek perancangan gunatenaga, pengambilan dan pemilihan tenaga kerja, penilaian, motivasi dan keselamatan.

Rujukan:

1. Abu al-Fadl, Abd. al-Shafy Muhammad. 1996M/1417H. *Al-Qiyadah al-Idariyah fi al-Islam*. Al-Qahirah: Al-Ma'had al-'Alamy li al-Fikr al-Islamy.
2. Al-Thalib, Hisyam. 1994M/1414H. *Dalil al-Tanmiyah al-Basyariyah*. Al-Qahirah: al-Ma'had al-'Alamy li al-Fikr al-Islamy.
3. Mondy, R. W. & R. M. Noe. 1990. *Human Resource Management*. Allyn & Bacon.

4. Rowland, K. M. & G. R. Ferris. 1986. *Current Issues in Personnel Management*. Allyn & Bacon.
5. Shaharom TM Sulaiman. 1997. *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Selangor: Thinker's Library Sdn Bhd.

AAM3053 Etika Kerja Islam

Kursus ini akan membincangkan mengenai konsep kerja yang meliputi *al-itqan*, *al-tajdid* dan *al-ibda'*, serta perkhidmatan awam yang merangkumi akhlak kerja, kelayakan, tata tertib pentadbiran, muhasabah, kebebasan bersuara, ketaatan dan keadilan. Konsep, ciri-ciri kerja dan perkhidmatan awam juga akan dibicarakan secara umum. Etika kerja Islam menjadi tajuk utama dalam perbincangan kursus ini.

Rujukan:

1. Al-Mawardi, Abu al-Hasan °Ali bin Muhammad bin Habib al-Basry al-Baghdady. 1966. *Al-Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayah al-Diniyah*. Misr: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
2. Badwy, Ahmad Zaky. 1983. *Mu°jam Mustalahat al-°Ulum al-Idariyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Misr.
3. Kattani, °Abd. Hayy. t.th. *Nuzum al-Hukumat al-Nabawiyyah: Al-Tartib al-Idariy*. Beirut: Hassan Jana.
4. Mustafa Haji Daud. 1996. *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
5. Nasr, Sayyed Hossein. 1989. *Etika Kerja dalam Tradisi Islam*. Terj. oleh Nasir Muhammad. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

AAD3023 Adab al-Ikhtilaf

Kursus ini akan membincangkan tentang konsep *al-khilaf* dan *al-ikhtilaf* dan perbezaannya dengan *al-iftiraq*. Pengajian akan meliputi sejarah ringkas *khilaf*, bermula zaman Nabi Adam hingga zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Ia juga mengkaji sebab-sebab *khilaf*, pembahagian *khilaf* kepada terpuji dan tercela, *khilaf usul* dan *furu*, *khilaf* fiqh dan *khilaf* dalam soal Usuluddin serta *khilaf* dalam gerakan Islam masa kini. Kursus ini juga akan menggariskan sikap dan adab *khilaf*, di samping akan menganalisis secara

kritis beberapa contoh *khilaf* sepanjang sejarah Islam untuk dijadikan sebagai panduan para pendakwah zaman ini.

Rujukan:

1. Shalah al-Shawie. 1414H/1994M. *Al-Wajiz fi Fiqh al-Ikhtilaf*. Qahirah: Dar al-ʿIlam al-Dawlie.
2. ʿUmar Sulaiman al-ʿAshqer. 1414H/1994M. *Fiqh al-Ikhtilaf*. Amman: Dar al-Nafaʿis, Amman.
3. Muhammad Ibn ʿUmar Ibn Salim Bazmul. 1415H/1995M. *Al-Ikhtilaf wa ma Ilayhi*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
4. Yusuf al-Qardhawi. 1412H/1991M. *Al-Sohwah al-Islamiyyah Bayn al-Ikhtilaf al-Mashruʿ wa al-Tafarruq al-Madhmum*. Mesir: Dar al-Wafa, al-Mansourah.
5. Taha Jabir al-ʿAlwaani. 1401H/1988M. *Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam*. U.S.A: IIIT.

AAD3043 al-Firqah al-Islamiyyah

Kursus ini membincangkan pertumbuhan dan perkembangan aliran pemikiran akidah Islam. Penekanan kepada metodologi, doktrin dan pengaruh. Antara golongan tersebut ialah Maturidiah, Khawarij, Syiah, Murjiah, Muktaẓilah, Ahli Sunnah dan kesannya kepada pemikiran Islam di Nusantara, dan Malaysia khususnya.

Rujukan:

1. Al-Ashʿariy, Abu al-Hassan. 1969. *Maqalat al-Islamiyyin*. 2 Jilid. Qahirah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
2. ʿAbd al-Jabbar. 1985. *Sharh Usul al-Khamsah*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
3. Al-Shahrastaniy. 1984. *Al-Milal wa al-Nihal*. Bayrut: Dar al-Maʿarif.
4. Al-Baghdadiy. t.th. *al-Farq Bayn al-Firqah*. Qahirah: Al-Madani.
5. Al-Hashimiyy, Muhammad Kamil. 1988. *ʿAqaʿid al-Syiah fi al-Mizan*.

AAA3063 Projek Ilmiah

Projek Ilmiah diwajibkan ke atas semua pelajar Program ini bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi ijazah. Ia bernilai 3 unit. Pendaftaran kursus ini dibuat pada semester keenam, tetapi para pelajar digalakkan memulakan kajiannya pada awal semester kelima. Bagi membimbing pelajar menyiapkan Projek Ilmiah, seorang penyelia dari kalangan tenaga akademik Fakulti akan dilantik bagi setiap orang pelajar. Fokus Projek Ilmiah hendaklah sesuai dengan bidang pengajian/ pengkhususan program serta kepakaran tenaga akademik yang terdapat di Fakulti. Projek Ilmiah akan diberi penilaian berdasarkan gred A hingga E, di mana gred A adalah gred tertinggi dan gred E ialah gred terendah (gagal). Gred yang diberikan kepada Projek Ilmiah akan diambil kira dalam pengiraan PNG.

6.4 Kursus Elektif/Minor Program Dakwah dan Pengurusan Islam (LP)

Kod	Kursus
LAA3053	Siyasah Shar'iyah
LAA2023	Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia
LAA2063	Al-Fiqh al-Mu'asir
QAA3033	Sunnah, Bid'ah dan Khurafat
QAA3013	Ilmu Takhrij
QAA2093	Sikap Orientalis Terhadap Quran dan Sunnah
UBE2033	Literature In English
UBE2043	Creative Writing
UBE2053	Bahasa Inggeris III

Dikehendaki 12 unit sahaja.

Kandungan Kursus Elektif/Minor (LP)

LAA3053 Siyasah Syar'iyah

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dasar awam Islam, yang berasaskan siyasah syar'iyah, dengan merujuk kepada pelaksanaan dan contoh-contoh pada zaman Rasulullah s.a.w. dan Khulafa' al-Rashidin. Perbincangan merangkumi sumber-sumber dan bidang perlaksanaannya, kuasa pentadbiran, hak-hak awam, hak persendirian, prinsip *shura* dan budibicara, tujuan dan cara pelaksanaan hukum Allah s.w.t secara nas dan ijhtihad. Kursus ini juga membincangkan beberapa prinsip siyasah syar'iyah seperti *al-maslahah* (kepentingan awam), *dar'u al-darar*, *daf'u al-mashaqqah* (mengelak bahaya dan kesukaran), *al-'adah/al-'urf* (adat kebiasaan) dan *sadd al-Dhara'i* (mencegah keburukan).

Rujukan:

1. Ibn Qayyim al-Jauziyah. 1380H/1961M. *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyah*. Al-Qahirah: al-Muassa'sah al-Arabiah.
2. Abi Muhammad Izzuddin Assullami. t.th. *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
3. Ab. Wahab Khalaf. t.th. *Al-siyasah al-Shar'iyah fi al-Shu'un al-Dusturiyyah wa al-Kharijiah wa al-Maliah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
4. Ibn Taymiyah. t.th. *Al-Siyasah al-shar'iyah fi Islam al-Ra'ii wa al-Ra'iyah*. Al-Jazair: Qash al-Kutub al-Bulaidah.
5. Abd. °Al Ahmad °Atwah. t.th. *Al-Madkhal iIa al-Siyasah al-Shar'iyah*. Al-Riyadh: Jami'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiah.

LAA2023 Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia

Kursus ini bertujuan mengkaji tentang kedudukan dan pelaksanaan undang-undang Islam di zaman sebelum penjajah (zaman Melaka), zaman penjajahan dan zaman selepas organisasi pentadbiran agama Islam di Malaysia. Majlis Agama dan Jabatan Agama, dengan memusatkan perbincangan ke atas bahagian pentadbirannya seperti bahagian-bahagian zakat, wakaf, baitulmal,

penerangan, masjid dan Majlis Fatwa. Akhirnya kursus ini akan memeriksa dan menilai kuasa-kuasa Mahkamah Qadi dalam perkara mal dan jenayah, merangkum perkara-perkara yang berhubung dengan undang-undang keluarga Islam, nikah, cerai, nafkah dan jagaan anak.

Rujukan:

1. Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam bagi negeri-negeri di Malaysia.
2. Salleh Buang. 1990. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Central Law Book Company.
3. Ahmad Ibrahim. 1975. *Islamic Law in Malaya*. Singapore: Malaysia Sociological Research Institute Ltd.
4. Abdul Monir bin Yaacob. 1989. *An Introduction to Malaysia Law*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1992. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAA2063 al-Fiqh al-Mu'asir

Kursus ini bertujuan membincangkan persoalan-persoalan fiqh semasa bagi mencari sesuatu penyelesaian dan hukum. Ia akan memberi penekanan kepada perbandingan antara mazhab-mazhab Fiqh Islam dengan undang-undang ciptaan. Antara persoalan-persoalan yang diberi tumpuan ialah pengguguran, pemindahan anggota manusia, tabung susu, darah, tabung uji, perancang keluarga dan lain-lain isu semasa.

Rujukan:

1. Mahmud Shaltut. 1972. *Al-Fatawa*. Qahirah: Dar al-Shuruk.
2. Muhammad Makhluf. 1971. *Fatawa Syariyah*. Qahirah: Matba'ah Madani.
3. Yusof al-Qaradawi. 1993. *Fatawa Mu'asirah*. Qahirah: Dar al-Wafa.
4. Ahmad Sharbasi. 1972. *Yasalunaka*. Lubnan: Dar al-Raid.

QAA3033 Sunnah, Bid'ah dan Khurafat

Kursus ini mengkaji pengertian sunnah dan bahagiannya. Pengertian bid'ah dan khurafat serta perbezaan antara keduanya. Bahagian-bahagian bid'ah. Sejarah pertumbuhan bid'ah dan punca-punca pertumbuhannya. Mengkaji ayat-ayat al-Quran dan hadith yang menolak bid'ah. Kursus ini juga akan membincangkan adat-adat yang masih diamalkan oleh masyarakat Malaysia yang merupakan bid'ah dan khurafat.

Rujukan:

1. °Ali Mahfuz. t.th. *Al-Ibda' fi Madhar al-Ibtida'*. Qahirah: Al-Maktabat al-Mahmudiyat al-Tijariyyah.
2. °Atiyyah, Ezzat Ali. t.th. *Al-Bid'ah*. Qahirah: Dar al-Kutub.
3. Muhammad al-Ghazali. t.th. *Laysa min al-Islam*. Qahirah: Dar al-Kutub.
4. Muhammad Sulaiman. 1991. *Af'al Rasulallah Salla Allah Alayhi wa Sallam: Dilalatuha °Ala al-Ahkam al-Shar'iyah*. Beirut: Muassasat al-Risalah.
5. Syed Alwi bin Sheikh al-Hadi. 1960. *Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

QAA3013 Ilmu al-Takhrij

Kursus ini bertujuan untuk membimbing para pelajar mencari dan menentukan sumber asal bagi sesebuah hadith, bagi menentukan darjah hadith berkenaan, sama ada sahih atau *da'if* dan sebagainya. Faedahnya ialah untuk menentukan sama ada hadith itu boleh dipakai (dijadikan hujah) atau tidak dalam sesuatu permasalahan.

Rujukan:

1. Abu Muhammad, °Abd al-Mahdi bin °Abd al-Qadir bin Abd al-Hadi. t.th. *Turuq Takhrij Hadith Rasulallah s.a.w.* Qahirah: Dar al-Itisam.
2. Al-Sakhawi, Sham al-Din, Abu al-Khayr, Muhammad bin °Abd al-Rahman, al-Imam al-Hafiz. 1979. *Al-Maqasid al-Hasanah li Bayan Kathir min al-Hadith al-Mushtahirah °ala al-Asinah*. Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah.

3. A. Y. Wensink & lain-lain. 1986. *Al-Muʿjam al-Mufahras li Alfaz al-Hadith al-Nabawi*. Istanbul: Dar Daʿwat.
4. A. Y. Wensink. 1985. *Miftah Kunuz al-Sunnah*. Terj. Muhammad Fuʿad ʿAbd al-Baqi. Beirut: Dar al-Qalam.

QAA2093 Sikap Orientalis Terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah

Kursus ini membicarakan secara ringkas sejarah kemunculan Orientalis dan matlamat utama mereka. Juga akan dibincangkan perkara-perkara seperti sikap orientalis terhadap Islam dan Nabi Muhammad, pandangan dan sikap mereka terhadap al-Qur'an dan al-Sunnah. Contoh-contoh dan isu-isu yang ditimbulkan oleh mereka.

Rujukan:

1. ʿAfaf Sabarah. 1979. *Al-Mustashriqun wa Mushkilat al-Hadharah*. Qahirah: Dar al-Nahdah.
2. Anwar al-Jundiyy. t.th. *Al-Islam fi Wajh al-Thaghrib Mukhattat al-Istishraq wa al-Tabshir*. Al-Qahirah: Dar al-Itisam.
3. ʿAli Muhammad Jarjish, Muhammad Sharif al-Zibaq. *Asalib Ghazwa al-Fikr li al-ʿAlam al-Islami*. t.tpt.: t.pt.
4. Mohammad Khalifa. 1994. *Al-Qur'an dan Orientalisme*. Terj. Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Indriaty (Ed.). 1998. *Islam Dalam Persepsi Orientalis*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah FPI, UKM.

UBE2033 Literature In English

This course introduces students to the different genres found in literature, namely novels, short stories, dramatic plays and poems. Students will be exposed to language that is genuine and undistorted and the many different linguistic uses, forms and conventions of the written mode: irony, exposition, argument, narration and others. Emphasis will cover fundamental human issues which will be discussed using the different genres as a means. In addition, through the study of texts by authors of diverse backgrounds, students will learn more about different cultures, beliefs and norms. They will

also become more open to new attitudes, perspectives and ways of looking at life, thus able to carry out dakwah activities, present an attractive picture of the Muslim Ummah, and strengthen the self-esteem and confidence of the Muslims.

Textbook:

1. Paton, A. t.th. *Cry, the Beloved Country*. Penguin Readers. Pearson Education Limited London.

OR

2. Frank, A. t.th. *The Diary of a Young Girl*. Penguin Readers. Pearson Education Limited London.

Other References:

1. Shakespeare, W. t.th. *Three Great Plays of Shakespeare*. Penguin Readers. Pearson Education Limited London.
2. Jegadeva, G. 1992. *Wordscapes: An Anthology of Poems and Prose*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
3. Muhammad Haji Salleh. 1978. *Time and Its People*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

UBE2043 Creative Writing

Students will learn the basic principles of the different forms of literary expression. In addition, they will be required to write a short story or a play, an essay, a letter, and a poem. Brainstorming, outlining, mind mapping, group work, as well as presentations are planned. There will be two term tests and a final examination. It is expected that all literary expression by the students will have a didactic function, one that is in harmony with, and indeed upholds, Islamic values.

Textbook:

1. Whitley, Carol. 2002. *The Everything Creative Writing Book*. Massachusetts: Adams Media Corporation.

UBE2053 Bahasa Inggeris III

This course aims to further equip students with the various language skills namely listening, speaking, reading and writing as well as the vocabulary and rudiments of the English Language. It also aims to expose students to the specific answering techniques for Malaysian University English Test (MUET). In addition, through the exposure to the various academic genres such as formal essays, term papers, reports and summaries as well as other genres in the social contexts, it is hoped that students will be able to enhance their communicative competence and perform effectively in their academic pursuits at tertiary level.

References:

1. Ng Keat Siew et. al. 2002. *Study Skills for the Malaysian University English Test*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
2. Ng Keat Siew et. al. 2000. *Preparation for the Malaysian University English Test*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
3. Teoh Swee Ai & Zainab Mohd. Noor. 2000. *Test-taking Strategies for MUET*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4. t.p. 2001. *Mainstream English 1: A Basic Course for MUET*. Kuala Lumpur: Longman.

**PERATURAN-PERATURAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
(KUIM)**

(Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian) 2000

**PERATURAN-PERATURAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN) 2000**

1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 16 Jun 2000.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat ijazah KUIM selepas tarikh Peraturan ini berkuatkuasa.
- 1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tujuan pengijazahan untuk ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman Dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah Dengan Kepujian; dan Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam Dengan Kepujian.

2. Syarat Kemasukan

- 2.1 Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya lima mata pelajaran iaitu:
 - Bahasa Melayu
 - Bahasa Arab Tinggi
 - **Dua** daripada mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Arab Komunikasi
 - Pendidikan Islam
 - Tasawwur Islam
 - Pendidikan Syariah Islamiyyah
 - Pendidikan al-Quran & al-Sunnah
 - Satu mata pelajaran lain
 - **Serta** lulus dalam Bahasa Inggeris di peringkat tersebut;

DAN

- 2.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:

2.2.1 Memiliki STPM dan lulus penuh dalam mata pelajaran berikut:

- Pengajian Am/Kertas Am
- Bahasa Arab
- Syariah/Usuluddin;

ATAU

2.2.2 Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang baik, sekurang-kurangnya di peringkat Jayyid; ATAU

2.2.3 Mempunyai Diploma dalam bidang yang sesuai dengan kursus yang dipohon (Sertakan transkrip akademik daripada semester 1 hingga semester akhir); ATAU

2.2.4 Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengan-nya dan diperakukan oleh Senat Universiti DAN

2.3 Memenuhi keperluan Malaysian University English Test (MUET) bagi pelajar STPM, STAM dan Diploma bagi tahun semasa.

2.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

3. Struktur Pengajian Dan Pengijazahan

3.1 Jumlah Unit

Untuk memperolehi ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya seratus sembilan (109) unit kursus yang ditetapkan (seperti yang terkandung dalam 3.2).

3.2 Komposisi Kursus

Bagi tujuan pengijazahan, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus-kursus yang meliputi komposisi seperti berikut:

3.2.1 **Kursus Universiti (WU)** sebanyak 20 unit.

Kursus Universiti (WU) terdiri daripada empat komponen kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua

kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:

- a) Empat (4) unit kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia.
- b) Sepuluh (10) unit kursus Pengajian Umum.
- c) Empat (4) unit kursus Latihan Amali.
- d) Dua (2) unit kursus Ko-Kurikulum.

3.2.2 **Kursus Teras Fakulti (WF)** sebanyak 38 unit.

Kursus Teras Fakulti ialah kursus asas yang wajib diambil oleh pelajar. Ia ditawarkan selama empat semester, mulai semester I hingga semester IV. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:

- a) Lapan (8) unit kursus Bahasa Arab (UBA).
- b) Empat (4) unit kursus Bahasa Inggeris (UBE).
- c) Dua Puluh Enam (26) unit kursus Teras Pengajian Islam (AAA, LAA, QAA).

3.2.3 **Kursus Program (WP)** sebanyak 39 unit

Kursus Program ialah kursus pengkhususan yang wajib diambil oleh pelajar. Ia ditawarkan selama enam semester, mulai dari semester I hingga semester VI. Pelajar dikehendaki lulus dan memperolehi sebanyak 39 unit. Pelajar diwajibkan mendaftar Projek Ilmiah pada semester ke VI dan menyiapkan Projek Ilmiah tersebut dengan jaya sehingga memperolehi tiga (3) unit yang diperlukan.

3.2.4 **Kursus Elektif/Minor (LP)** sebanyak 12 unit.

Kursus Elektif/minor ialah mana-mana kursus yang ditawarkan kepada pelajar secara pilihan daripada fakulti-fakulti lain. Pelajar dikehendaki lulus dan memperolehi sekurang-kurangnya dua belas (12) unit.

3.3 **Kursus Latihan Amali**

Kursus Latihan Amali ialah kursus bertaraf “Kursus Universiti (WU)” yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Kursus ini bernilai empat (4) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Pelajar dikehendaki menjalani Latihan Amali di jabatan/agensi yang sesuai dan akan ditentukan oleh KUIM. Ia bertujuan memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dan mewujudkan jalinan kerjasama antara KUIM dengan masyarakat luar.

3.4 **Ko-Kurikulum**

Kursus Ko-Kurikulum ialah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Ia bernilai dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Unit kursus ini akan diambil sebagai sebahagian daripada syarat pengajian untuk Pengijazahan.

Kursus ini bertujuan untuk penyuburan dan pengukuhan intelektual dan jasmani. Antara aktiviti ko-kurikulum ialah:

- 3.4.1 Pengajian *Halaqah* bagi memahami dan mendalami kitab-kitab *turath* yang berkaitan dengan Dakwah dan Pengurusan Islam. Pengajian ini dijalankan selama empat (4) semester dan bernilai satu (1) unit.
- 3.4.2 *Muhadathah Hurrah* bertujuan memberi kemahiran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan Pengucapan Awam dan dijalankan selama dua (2) semester serta bernilai satu (1) unit. Pelaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

3.5 Pengecualian

Senat KUIM boleh memberi pengecualian daripada Peraturan 3.1 di atas kepada seseorang pelajar dengan syarat:

- 3.5.1 Pelajar dianggap telah mencapai nilai unit bagi kursus-kursus yang dikecualikan itu.
- 3.5.2 Pengecualian daripada mencapai jumlah unit itu tidak melibatkan Kursus Universiti (WU).
- 3.5.3 Pengecualian maksimum jumlah unit yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar adalah tertakluk kepada persetujuan program pengajian berkenaan berdasarkan kepada rekod pencapaian akademik pelajar berkenaan.

3.6 Tempoh Pengajian

- 3.6.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian peringkat ijazah ialah tidak kurang daripada enam (6) semester dan tidak lebih daripada sepuluh (10) semester. Pengiraan tempoh pengajian dikira bermula dari tarikh pendaftaran pertama pelajar memasuki pengajian peringkat ijazah.
- 3.6.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum sepuluh semester itu boleh diberi oleh Senat KUIM kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.
- 3.6.3 Pelajar yang diberi pengecualian daripada sebilangan unit kursus semasa penerimaan masuk, maka tempoh minimum yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada bilangan unit yang dikecualikan.

3.7 Pendaftaran Kursus

- 3.7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada setiap permulaan semester.
- 3.7.2 Pendaftaran kursus hendaklah tidak kurang daripada lima belas (15) unit dan tidak melebihi dua puluh (20) unit pada setiap semester. Pendaftaran yang kurang daripada

lima belas (15) unit dan yang lebih daripada dua puluh (20) unit hanya boleh diberikan dengan kebenaran Dekan.

- 3.7.3 Pelajar boleh melakukan penukaran kursus yang telah didaftar dengan kursus lain dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 3.7.4 Pelajar juga dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester. Pengguguran yang dibuat selepas minggu keempat tidak akan diterima dan calon dianggap gagal dalam kursus berkenaan.
- 3.7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum lima belas (15) unit kursus bagi sesuatu semester, kecuali bagi pelajar yang diberi kebenaran mendaftar seperti yang diperuntukkan dalam 3.7.2 di atas. Bagi kursus yang diberi kebenaran penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG).
- Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004
- 3.7.6 Pelajar turut dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut hendaklah mendapat kebenaran Dekan dan dibuat di antara minggu keempat (4) hingga minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

4. Struktur Penilaian

- 4.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini akan diberi kepada aspek penyediaan kerja kursus sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.
- 4.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada 40% daripada kerja kursus atau peperiksaan pertengahan semester dan 60% lagi daripada peperiksaan akhir semester.
- 4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	
A-	3.67	Cemerlang
B+	3.33	
B	3.00	Kepujian
B-	2.67	
C+	2.33	
C	2.00	
C-	1.67	
D+	1.33	
D	1.00	Lulus
E	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal	
TL	Tidak Lengkap	
SM	Sedang Maju	
U	Audit	
TD	Tarik Diri	
TG	Tangguh Pengajian	
TP	Tangguh Peperiksaan	
X	Tidak Hadir	

Pindaan
Senat Khas
Bil 1/2003

Pindaan
Senat Kali
Ke-19/2004

4.4 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred ialah:

- 4.4.1 L/G (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 4.4.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Program berkenaan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu

selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.

- 4.4.3 SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila gred SM digantikan dengan gred biasa.
- 4.4.4 U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.
- Pindaan Senat Kali Ke-19/2004 4.4.5 TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh di antara minggu keempat (4) hingga minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.
- Pindaan Senat Kali Ke-19/2004 4.4.6 TG (Tangguh Pengajian) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.
- 4.4.7 TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perkara “8.6 Penangguhan Peperiksaan”. Jika diluluskan, peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang boleh.

5. Sistem Penilaian Dan Purata Nilai Gred (PNG)

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), kecuali kursus Latihan Amali dan Ko-Kurikulum.

- 5.2 Kursus yang mendapat gred “E” (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
- 5.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan dengan ini gred “E” (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNG dan PNGK tersebut.
- 5.4 Pengiraan PNG dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:
- 5.4.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester
- Jumlah nilai gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3;

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

yang mana

G_i = Nilai gred kursus ke-i

U_i = Unit kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.33	3	09.99
AAA 1053	A-	3.67	3	11.01
AAA 1073	E	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.33	3	06.99
JUMLAH			15	39.99

$$\begin{aligned} \text{PNG Semester} &= 39.99/15 \\ &= 2.67 \end{aligned}$$

5.4.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perkara 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.33	3	09.99
AAA 1053	A-	3.67	3	11.01
AAA 1073	E	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.33	3	06.99
JUMLAH			15	39.99

$$\begin{aligned} \text{PNG Semester} &= 39.99/15 \\ &= 2.67 \end{aligned}$$

Semester II

Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1023	A	4.00	3	12.00
AAA 1043	B+	3.33	3	09.99
AAA 1063	C+	2.33	3	06.99
AAA 1083	A	4.00	3	12.00
AAA 1103	D	1.00	3	03.00
JUMLAH			15	43.98
JUMLAH BESAR			30	83.97

$$\begin{aligned}\text{PNG Kumulatif} &= 83.97/30 \\ &= 2.80\end{aligned}$$

6. Syarat kelayakan Meneruskan Pengajian

- 6.1 **Lulus:** Seseorang pelajar dianggap lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNG 2.00 atau lebih (> 2.00).
- 6.2 **Lulus Bersyarat:**
- 6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNG antara 1.00 hingga 1.99.
- 6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperoleh PNG kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, pelajar tersebut dianggap gagal dan diberhentikan.
- 6.3 **Gagal:** Seseorang pelajar dianggap gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh perkara 6.2.2 di atas.
- 6.4 **Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah**
- 6.4.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian:

6.4.1.1 Memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas.

6.4.1.2 Mendapat sekurang-kurangnya seratus sembilan (109) unit daripada kursus-kursus yang diambilnya sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada komposisi kursus yang terdapat dalam 3.2 di atas. Bagi tujuan ini, pelajar dibenarkan untuk mengumpul unit tambahan dengan tujuan meningkatkan PNGKnya. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang ditetapkan atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada perkara 6.5 berikutnya.

6.4.2 Pengurniaan ijazah

6.4.2.1 Ijazah yang dikurniakan oleh KUIM ialah Sarjana Muda Dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Kelas
3.67-4.00	Pertama
3.00-3.66	Kedua Bahagian Atas
2.50-2.99	Kedua Bahagian Bawah
2.00-2.49	Ketiga

6.4.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah:

- Memenuhi semua kehendak Akta Sarjana Muda Dengan Kepujian.
- Memenuhi semua kehendak peraturan ini.
- Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Lembaga Peperiksaan dan Senat KUIM.
- Menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

6.5 Pengulangan Kursus

Calon-calon dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred C-, D+ dan D sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

7. Peruntukan-peruntukan Lain

- 7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan oleh KUIM, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan kursus berkenaan setelah Dekan/Ketua Program dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.
- 7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademiknya.
- 7.3 Peperiksaan Ulangan Khas
 - 7.3.1 Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah.
 - 7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian ijazah. Gred yang diberikan hanya L atau G (Lulus atau Gagal).
 - 7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Bayaran yang dikenakan untuk tujuan ini ialah RM50.00.
 - 7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program yang berkenaan. Dekan/Ketua Program, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

8. Penggantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan

8.1 Bagi tujuan peraturan ini:

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

“Penggantungan pendaftaran” bermaksud kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;

“Penangguhan pengajian” bermaksud kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;

“Penangguhan peperiksaan” bermaksud kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;

“Pegawai perubatan/doktor bertauliah” bermaksud pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti; dan

“Sakit” bermaksud ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan.

8.2 Penggantungan Pendaftaran

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

8.2.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar.

8.2.2 Tempoh penggantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.3 Penangguhan Pengajian

8.3.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada pegawai perubatan/doktor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pegawai selain daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/doktor yang memberi rawatan.

8.3.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

8.3.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perkara 8.3.1 dan perkara 8.3.2 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.

8.3.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh (10) tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan perkara 8.3.1 atau perkara 8.3.2 di atas.

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

8.3.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada pendaftar (Bahagian Akademik).

8.4 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

8.4.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perkara 8.3.1, perkara 8.3.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam perkara 8.3.4 di atas tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 Peraturan ini.

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

8.4.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 8.4.1 di atas diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 Peraturan ini.

8.4.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.5 Status Sebagai Seorang Pelajar KUIM

Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar KUIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan KUIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

8.6 Penangguhan Peperiksaan

8.6.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan.

- 8.6.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.
- 8.6.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam perkara 8.3.1 di atas.
- 8.6.4 Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.

9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan

- 9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.
- 9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 9.3 Tertakluk kepada perkara 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga bulan seperti yang tersebut di dalam perkara 9.2 di atas.
- 9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus

- 10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas

keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.

- 10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 10.3 Bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program yang berkaitan. Dekan/Ketua Program selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Penyelaras Kursus, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 10.6 Perakuan Panel Pemeriksa dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti/Program. Keputusan mesyuarat Fakulti/Program mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

11. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian

- 11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.

- 11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak RM50.00 dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program. Dekan/Ketua Program hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan/Ketua Program yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, Penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti/Program pengajian yang berkaitan.
- 11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
 - 11.5.1 Menerima atau menolak sesuatu rayuan;
 - 11.5.2 Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;
 - 11.5.3 Memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.
- 11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
- 11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

12. Umum

- 12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat KUIM dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh penguatkuasaan Peraturan ini.
- 12.2 Senat KUIM mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan peraturan ini.

**PROGRAM
SARJANA MUDA KAUNSELING**

SARJANA MUDA KAUNSELING

1. Justifikasi Penubuhan Program

- 1.1 KUIM ialah sebuah IPTA yang memberikan tumpuan kepada pelajar lulusan dari sekolah-sekolah menengah agama Islam di Malaysia yang berlatarbelakangkan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar aliran tersebut untuk menceburi satu bidang profesional, di samping mendapat pendidikan Islam yang lebih mantap.
- 1.2 Dengan pendidikan agama yang mantap dapat meningkatkan taraf keprofesionalan kaunselor yang dilahirkan terutama untuk menghadapi pemasalahan yang berkaitan dengan persoalan kehidupan umat Islam serta hubungan mereka dengan masyarakat bukan Islam.
- 1.3 Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia masa kini telahpun mengadakan latihan dalam bidang kaunseling ini. Tetapi KUIM mempunyai keistimewaannya tersendiri di mana hasil didikan KUIM nanti merupakan mereka yang mahir dan mempunyai autoriti dalam bidang Islam.
- 1.4 Pemasalahan masyarakat di Malaysia kini bukan sahaja memerlukan kaunselor yang terlatih, tetapi juga kaunselor yang mempunyai pengetahuan dan ilmu yang mendalam dalam bidang keIslaman.
- 1.5 Masyarakat Malaysia masa kini juga bukan hanya memerlukan pendakwah, tetapi pendakwah yang mempunyai ilmu dan kemahiran kaunseling. Inilah yang akan dilahirkan oleh KUIM yang diyakini sebagai hasil yang istimewa memenuhi keperluan negara yang sedang pesat membangun.
- 1.6 Pemasalahan terutama di kalangan umat Islam di Malaysia memperlihatkan perangkaan yang sangat membimbangkan. Umat Islam menghadapi masalah penyalahgunaan dadah, pelacuran, keganasan, jenayah dan lain-lain. Dalam hal ini mereka memerlukan bukan sahaja kaunselor, tetapi kaunselor yang berkebolehan memberikan khidmat pembangunan, pencegahan, pemulihan yang berlandaskan hukum dan syariat Islam. Hasrat ini hanya akan dipenuhi dengan melatih kaunselor

dengan pemberatan yang seimbang antara bidang keIslaman dan kaunseling.

- 1.7 Pemasalahan sosial dan berbagai gejala yang timbul dalam masyarakat di negara ini memerlukan para ahli kaunselor terlatih secara profesional. Oleh itu, program ini menjadi penting kerana ia dirangka supaya memenuhi keperluan untuk menjadi kaunselor bertauliah sejajar dengan keperluan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) serta keperluan Lembaga Kaunselor Malaysia. Akta-akta lain yang berkaitan seperti Akta Kanak-kanak 2001 juga turut memerlukan kaunselor bertauliah yang profesional bagi menangani kes-kes berkaitan.
- 1.8 Program ini sangat penting diperkenalkan di peringkat pengajian tinggi kerana metodologi dakwah secara *bi al-hal*, menerusi amal kebajikan, contoh teladan dan kerja sosial didapati lebih berkesan. Maka program ini menyediakan landasan yang kukuh bagi menyediakan tenaga kerja serta sumber manusia yang profesional serta diperlukan untuk memartabatkan Islam di negara ini menerusi pendekatan tersebut.
- 1.9 Tuntutan masyarakat kepada para pendakwah yang berwibawa semakin meningkat. Tugas dakwah tidak boleh lagi difahami dalam lingkungan pengembangan Islam secara sempit tetapi hendaklah difahami sebagai satu tugas professional. Untuk tujuan tersebut, para pendakwah hendaklah dibekalkan dengan pelbagai pengetahuan serta kemahiran terkini yang melayakkan mereka berkhidmat secara profesional. Oleh itu, program kaunseling ini dapat memenuhi keperluan tersebut.
- 1.10 Usaha meningkatkan kefahaman Islam di kalangan masyarakat serta memartabatkan Islam dalam seluruh aspek kehidupan di negara ini menyebabkan munculnya beberapa jabatan, agensi dan pertubuhan sama ada oleh kerajaan ataupun bukan kerajaan bagi menangani usaha-usaha tersebut. Usaha seperti itu hendaklah diikuti dengan penawaran program pengajian yang sesuai serta diperlukan. Maka program ini diharap dapat mengisi kekosongan yang dihadapi oleh jabatan, agensi dan pertubuhan tersebut dalam usaha mereka mencapai matlamat yang dirancang. Maka program ini mampu menyediakan sumber manusia yang profesional bagi memenuhi keperluan tersebut.

- 1.11 Kehidupan masyarakat kini semakin kompleks dan mencabar. Ini membawa kepada peningkatan bilangan kes pelbagai penyakit sosial. Fenomena ini memerlukan para kaunselor profesional. Program ini mampu melahirkan satu kumpulan baru para kaunselor profesional yang bukan sahaja berkemahiran dalam bidang kaunseling secara teori dan praktik, tetapi juga berpengetahuan mendalam dalam bidang pengajian Islam.
- 1.12 Kebangkitan kesedaran Islam, peningkatan penghayatan Islam serta perkembangan semasa dalam negara memerlukan lebih ramai golongan profesional dalam pelbagai bidang yang juga memiliki pendidikan Islam secara mendalam. Oleh itu, penawaran program baru ini diharap dapat mengisi keperluan tersebut.
- 1.13 Di negara-negara maju, khususnya di Eropah, kaunseling telah menjadi satu bidang profesional yang sistematik dan boleh dipercayai. Di Malaysia juga bidang kaunseling semakin berkembang namun ia ditawarkan secara berasingan daripada bidang pengajian Islam. Dengan penawaran program ini, tugas-tugas kemasyarakatan, terutama yang melibatkan pemulihan, kepimpinan dan pencegahan dapat dipertingkatkan serta dapat diberi nafas Islam dalam pelaksanaannya.
- 1.14 Keadaan semasa dalam negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai keturunan dan berbagai kepercayaan agama serta ditambah pula dengan perkembangan dunia tanpa sempadan kini memerlukan program pengajian Islam, khususnya pengajian dakwah, tidak boleh lagi membungkus dirinya dalam disiplin sempit yang terhad, tetapi memerlukan satu bentuk program yang lebih bersifat proaktif, profesional, liberal serta berupaya menyelesaikan permasalahan semasa masyarakat.
- 1.15 Sesuai dengan “Agama itu adalah satu nasihat” maka program kaunseling ini perlu diperkenalkan kerana ia didapati selari dengan matlamat untuk memperbaiki, mencegah dan memulihkan segolongan ahli masyarakat negara ini daripada sebarang gejala buruk. Ini menjadikan Kolej Universiti Islam Malaysia sentiasa terkehadapan dalam usaha memperkenalkan program yang boleh memberi sumbangan kepada masyarakat serta relevan dengan keperluan semasa negara.

2. Objektif Program

Program kaunseling ini ditawarkan bagi melahirkan kaunselor profesional yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan menghayati etika kerja kaunseling serta mempunyai asas pengajian Islam yang kukuh bagi memenuhi tuntutan semasa.

- 2.1 Melahirkan kaunselor yang berpengetahuan dalam bidang kaunseling dan pengajian Islam yang dapat menjalankan tugas-tugas pembangunan, pencegahan, penasihat, bimbingan dan pemulihan insan.
- 2.2 Memberi kefahaman mendalam kepada pelajar tentang falsafah, teori dan konsep yang berkaitan dengan kaunseling dan pengajian Islam supaya dapat diaplikasikan dalam tugas dan kehidupan.
- 2.3 Meningkatkan kemahiran dalam bidang kaunseling, pengurusan, program pembangunan insan dan pembangunan Islam menerusi pendekatan kaunseling secara profesional.
- 2.4 Mewujudkan kesedaran perihal pentingnya kaunseling sebagai mekanisme dakwah yang relevan dengan tuntutan semasa.
- 2.5 Melahirkan individu yang berkebolehan mengaplikasikan ilmu, teori dan konsep kaunseling dalam menjalankan tugas di pelbagai sektor pekerjaan.

3. Syarat-syarat Masuk dan Keperluan Minimum

- 3.1 Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya lima mata pelajaran iaitu:
 - Bahasa Melayu
 - Bahasa Arab Tinggi
 - **Dua** daripada mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Arab Komunikasi
 - Pendidikan Islam
 - Tasawwur Islam
 - Pendidikan Syariah Islamiyyah
 - Pendidikan al-Quran & al-Sunnah
 - Satu mata pelajaran lain
 - **Serta** lulus dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di peringkat tersebut;

DAN

3.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:

3.2.1 Memiliki STPM dan lulus penuh dalam mata pelajaran berikut:

- Pengajian Am/Kertas Am
- Bahasa Arab
- Syariah/Usuluddin;

ATAU

3.2.2 Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang baik, sekurang-kurangnya di peringkat Jayyid; ATAU

3.2.3 Mempunyai Diploma dalam bidang yang sesuai dengan kursus yang dipohon (sertakan transkrip akademik daripada semester 1 hingga semester akhir); ATAU

3.2.4 Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengan-nya dan diperakukan oleh Senat Universiti DAN

3.3 Memenuhi keperluan Malaysian University English Test (MUET) bagi pelajar STPM, STAM dan Diploma bagi tahun semasa.

3.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

4. Komponen Kursus Program Kaunseling

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
1. Kursus Universiti	I. 2 Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia:		
	UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	WU
	UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	WU
	II. 5 Kursus Pengajian Umum:		
	UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat	2	WU
	UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif	2	WU
	UTA2012 Pengantar Komunikasi	2	WU
	UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti	2	WU
	UTA2032 Metodologi Penyelidikan	2	WU
	III. 1 Kursus Latihan Amali/Industri		
	ABA4016 Praktikum (Amali Kaunseling)	6	WU
	IV. 2 Kursus Ko-Kurikulum:		
	CAA2011 Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)	1	WU
CAA2021 Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)	1	WU	
	Jumlah Unit	22	

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
2. Kursus Teras Fakulti	I. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Arab:		
	UBA1012 Maharat al-Qiraah	2	WF
	UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah	2	WF
	UBA2012 Maharat al-Kitabah	2	WF
	UBA2022 Maharat al-Istima' wa al-Fahm	2	WF
	II. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris:		
	UBE1012 Bahasa Inggeris I	2	WF
	UBE1022 Bahasa Inggeris II	2	WF
	UBE2312 English for Counsellors I	2	WF
	UBE2322 English for Counsellors II	2	WF
	III. 8 Kursus Teras Pengajian Islam:		
	AAA1012 Akidah Islam	2	WF
	AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf	2	WF
	LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	2	WF
	LAA1052 Fiqh Muamalat dan Jinayat	2	WF
	LAA1032 Sistem Undang-undang di Malaysia	2	WF
	QAA2012 Pengantar Qiraat dan Hafazan	2	WF
	AAA1022 Metodologi Dakwah	2	WF
	AAA2012 Pemikiran Islam Semasa	2	WF
		Jumlah Unit	32

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
3. Kursus Program Kaunseling dengan Kepujian	AAA1033 Prinsip dan Teori Kepimpinan	3	WP
	ABA1013 Falsafah, Prinsip dan Etika Kaunseling	3	WP
	ABA1023 Teori Kaunseling	3	WP
	ABA1033 Teori Kaunseling Mengikut Perspektif Islam	3	WP
	ABA2043 Kaunseling Dalam al-Quran dan Hadith	3	WP
	ABA2023 Teknik dan Proses Kaunseling	3	WP
	ABA2033 Makmal Kaunseling Individu	3	WP
	ABA3023 Ujian dan Penilaian Psikologi Dalam Kaunseling	3	WP
	ABA2013 Psikologi Perkembangan Sepanjang Hayat	3	WP
	ABA3063 Psikologi Bilazim	3	WP
	ABA3033 Perkembangan Kerjaya	3	WP
	ABA3113 Kaunseling Kerjaya	3	WP
	ABA4043 Kaunseling di Tempat Kerja	3	WP
	ABA3013 Teori dan Teknik Kaunseling Kelompok	3	WP
	ABA3073 Makmal Kaunseling Kelompok	3	WP
	ABA3043 Kaunseling Keluarga	3	WP
	ABA4033 Kaunseling Silang Budaya	3	WP
	ABA3093 Kaunseling Pemulihan Dadah	3	WP
	ABA4023 Kaunseling Pemulihan Akhlak	3	WP
	ABA3053 Undang-undang Keluarga di Malaysia	3	WP

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
	ABA4063 Isu-isu Sosial Masa Kini	3	WP
	ABA3083 Aplikasi Komputer Dalam Kaunseling	3	WP
	ABA4013 Projek Ilmiah	3	WP
	ABA4073 Pra-Praktikum Kaunseling	3	WP
	ABA4053 Penyelidikan Dalam Kaunseling	3	WP
	Jumlah Unit	75	
4. Kursus Elektif/ Minor #	LAA2063 Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia	3	LP
	MEA3023 Ekonomi Malaysia	3	LP
	AAD2053 Ilmu Pidato dan Debat	3	LP
	AAM3053 Etika Kerja Islam	3	LP
	AAM3033 Pengurusan Sumber Manusia	3	LP
	UBE2033 Literature In English	3	LP
	UBE2043 Creative Writing	3	LP
	UBE2053 Bahasa Inggeris III	3	LP
	Jumlah Unit	6	
	JUMLAH SEMUA	135	

Di kehendaki 6 unit sahaja.

**5. Senarai Penawaran Kursus Menurut Semester (I hingga VIII)
Program Kaunseling**

Semester	Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
I	UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
	UBA1012 Maharat al-Qiraah	WF	2	3
	UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat	WU	2	3
	UBE1012 Bahasa Inggeris I	WF	2	3
	AAA1012 Akidah Islam	WF	2	3
	LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	WF	2	3
	LAA1032 Sistem Undang-undang di Malaysia	WF	2	3
	ABA1013 Falsafah, Prinsip dan Etika Kaunseling	WP	3	3
	CAA2011 Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)	WU	1	1
	JUMLAH		18	23
II	UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
	UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah	WF	2	3
	UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif	WU	2	3
	UBE1022 Bahasa Inggeris II	WF	2	3
	AAA1022 Metodologi Dakwah	WF	2	3
	LAA1052 Fiqh Muamalat dan Jinayat	WF	2	3
	ABA1023 Teori Kaunseling	WP	3	3
	AAA1033 Prinsip dan Teori Kepimpinan	WP	3	3
	JUMLAH		18	23

Semester	Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
III	UTA2012 Pengantar Komunikasi	WU	2	3
	UBA2012 Maharat al-Kitabah	WF	2	3
	ABA2013 Psikologi Perkembangan Sepanjang Hayat	WP	3	3
	QAA2012 Pengantar Qiraat dan Hafazan	WF	2	3
	ABA1033 Teori Kaunseling Mengikut Perspektif Islam	WP	3	3
	AAA2012 Pemikiran Islam Semasa	WF	2	3
	UBE2312 English for Counsellors I	WF	2	3
	JUMLAH		16	21
IV	UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti	WU	2	3
	UTA2032 Metodologi Penyelidikan	WU	2	3
	UBA2022 Maharat al-Istima' wa al-Fahm	WF	2	3
	AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf	WF	2	3
	ABA2023 Teknik dan Proses Kaunseling	WP	3	3
	ABA2043 Kaunseling Dalam al-Quran dan Hadith	WP	3	3
	UBE2322 English for Counsellors II	WF	2	3
	JUMLAH		16	21
V	ABA2033 Makmal Kaunseling Individu	WP	3	3
	ABA3023 Ujian dan Penilaian Psikologi Dalam Kaunseling	WP	3	3
	ABA3033 Perkembangan Kerjaya	WP	3	3
	ABA3053 Undang-undang Keluarga di Malaysia	WP	3	3
	ABA3043 Kaunseling Keluarga	WP	3	3
	CAA2021 Ko-kurikulum (Muhadathah Hurrah)	WU	1	1
	JUMLAH		16	16

Semester	Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan
VI	ABA3013 Teori dan Teknik Kaunseling Kelompok	WP	3	3
	ABA3063 Psikologi Bilazim	WP	3	3
	ABA3093 Kaunseling Pemulihan Dadah	WP	3	3
	ABA3113 Kaunseling Kerjaya	WP	3	3
	ABA3083 Aplikasi Komputer Dalam Kaunseling	WP	3	3
	Satu Kursus Elektif/Minor	LP	3	3
	JUMLAH		18	18
VII	ABA3073 Makmal Kaunseling Kelompok	WP	3	3
	ABA4023 Kaunseling Pemulihan Akhlak	WP	3	3
	ABA4033 Kaunseling Silang Budaya	WP	3	3
	ABA4043 Kaunseling di Tempat Kerja	WP	3	3
	ABA4053 Penyelidikan Dalam Kaunseling	WP	3	3
	Satu Kursus Elektif/Minor	LP	3	3
	JUMLAH		18	18
VIII	ABA4063 Isu-isu Sosial Masa Kini	WP	3	3
	ABA4073 Pra-Praktikum Kaunseling	WP	3	3
	ABA4013 Projek Ilmiah	WP	3	3
	ABA4016 Praktikum (Amali Kaunseling)	WU	6	3
	JUMLAH		15	12
	JUMLAH SEMUA		135	150

6. Liputan Kursus Program Kaunseling

6.1 Kursus Universiti (WU)

I. 2 Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia:	
Kod	Kursus
UTA1012	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
UTA1022	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
II. 5 Kursus Pengajian Umum:	
Kod	Kursus
UTA1032	Pengantar Teknologi Maklumat
UTA1042	Pemikiran Kritis dan Kreatif
UTA2012	Pengantar Komunikasi
UTA2022	Asas Pengurusan Kualiti
UTA2032	Metodologi Penyelidikan
III. 1 Kursus Latihan Amali/Industri:	
Kod	Kursus
ABA4016	Praktikum (Amali Kaunseling)
IV. 2 Kursus Ko-Kurikulum:	
Kod	Kursus
CAA2011	Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)
CAA2021	Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)

Kandungan Kursus Universiti (WU)

UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Kursus pengenalan tentang Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini menyentuh aspek-aspek penting dalam Tamadun Islam yang membawa dampak yang besar dan perubahan-perubahan mendasar terhadap cara hidup, kebudayaan serta *world-view* masyarakat Islam. Penekanan ditumpukan kepada isu-isu yang mendokong dan mencabar kehidupan bertamadun khususnya berkaitan dengan kemuliaan insan, keadilan sosial, pembangunan bersepadu dan hidup bernegara. Kertas ini juga menghuraikan tentang Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang melalui proses pembinaan negara bangsa (*nation building*) untuk mengangkat kecemerlangan Tamadun Islam secara berterusan.

Rujukan:

1. Nazaruddin Mohd Jali, Isamil M. Rashid & Nuazmi Kuntum. 1996. *Kenegaraan Malaysia: Sejarah Awal Kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
2. Zainal Abidin Abd. Wahid. 1979. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Syed Mohamad Dawilah al-Edrus. 1993. *Epistemologi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Seyyed Hossein Nasr. 1981. *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*. Boulder: Shambhala.
5. Seyyed Hossein Nasr. 1984. *Science and Civilization in Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Kursus ini merangkumi interaksi antara Tamadun Islam dengan tamadun-tamadun besar Asia yang lain seperti India, China dan Jepun dan termasuklah tamadun peribumi Malaysia. Pendedahan secara '*thematic*' terhadap tamadun besar Asia yang mempunyai hubungan sejarah dan budaya dengan tamadun Melayu akan mewujudkan sikap kesalingan untuk mengetahui, menghargai dan menghormati kekuatan silam. Selain daripada itu, kertas ini juga meneliti pertembungan budaya dan ciri-ciri peradaban dalam tamadun-tamadun tersebut yang memandangkan kehidupan di dunia secara ideal, penuh dengan keharmonian, keseimbangan dan keamanan sejagat.

Rujukan:

1. Syed Naquib al-Attas. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of Malay-Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Romila Thapar. 1966. *A History of India*. Vol. 1. London: Penguin Books.
3. Hilda Hookman. 1972. *A Short History of China*. Ontario: St. Martin's Press, Inc.
4. M. Rajendran. 1988. *Sejarah Jepun*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.
5. t.p. 2001. *Buku Teks Kursus TITAS untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat

Kursus ini memperkenalkan kaedah dan teknik dalam Teknologi Maklumat (TM). Peranan dan dampak TM kepada organisasi-organisasi pengeluaran, spesifikasi kerja dan kemahiran. Hubungan sistem TM dengan pengurusan - sistem kewangan, sistem operasi kawalan, sistem sokongan keputusan, sistem sokongan eksekutif, sistem maklumat pengurusan, sistem pakar, sistem berasas pengetahuan dan lain-lain. Revolusi TM - semasa dan perkembangan masa depan. Penilaian TM - analisis kos dan manfaat.

Rujukan:

1. Zonkoczy, P. 1990. *Information Technology - An Introduction*. 3rd Ed. Pitman.
2. Forester, T. (Ed.). 1985. *The Information Technology Revolution*. Blackwell.
3. London, K. C. & London, J. P. 1991. *Management Information System*. 2nd Ed. MacMillan.
4. Winfield, I. 1991. *Organisations and Information Technology*. Blackwell.
5. Eason, K. 1990. *Information Technology and Organisational Change*. Taylor & Francis.

UTA1042 Pemikiran Kritis Dan Kreatif

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teknik berfikir yang dinamik bagi mewujudkan sikap berani mengeluarkan pendapat yang bernas dan bijak mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Ia mendedahkan pelajar kepada berfikir secara logik sebagai alat untuk menilai dalil dalam proses penghujahan. Antara aspek yang diajar termasuk pendalilan deduktif dan induktif, teori falasi, silogisme, bahasa dan definisi, syarat cukup dan syarat perlu dan makna emotif. Aspek tersebut membolehkan pelajar membezakan antara hujahan yang baik dan hujahan yang tidak berkesan. Kursus ini juga untuk membina kebolehan menginovasi dan berfikir secara kreatif, juga menggalakkan dan memberangsangkan keinginan pelajar-pelajar untuk sentiasa menginovasikan pengetahuan dan kepakaran dalam kursus-kursus lain dan aktiviti-aktiviti lain.

Rujukan:

1. Ainon Muhammad. 1993. *Teknik Berfikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Copi, I. M. & Cohen, Carl. 1990. *Introduction to Logic*. Edisi Ke-8. New York: MacMillan.
3. Dauer, F. W. 1989. *Critical Thinking: An Introduction to Reasoning*. Oxford: Oxford University Press.
4. Twiss Briau. 1985. *Managerial Innovation*. IMCB Press Ltd.
5. Mckeller, Peter. *Imagination and Thinking*. Cohen & West.

UTA2012 Pengantar Komunikasi

Kursus ini memperkenalkan dalam konteks apa komunikasi berlaku. Ia akan membincangkan proses dan teori sebagaimana ia berlaku di dalam dan di kalangan individu, kumpulan, organisasi dan masyarakat. Ia meneroka komunikasi antara peribadi, kumpulan dan organisasi. Teknologi komunikasi, perkembangan bahasa, amalan retorik perbahasan, teori komunikasi, pembujukan, aspek komunikasi filem dan televisyen dan berkaitan.

Rujukan:

1. Barker, Larry L. & Deborah A. Barker. 1993. *Communication*. Edisi Ke-6. Englewood, Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.

2. Burgoon, Michael, Frank Hunsakar & Edwin J. Dawson. 1994. *Human Communication*. Edisi Ke-3. London: Sage.
3. Gamble, Teri & Michael Gamble. 1994. *Public Speaking in the Age of Diversity*. Boston: Allyn & Bacon.
4. McAuley, Jack G. 1988. *Komunikasi Antara Manusia* (terjemahan Mohd Safar Hasim & Fatimah Yusoff). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Ruben, Brent D. 1984. *Communication and Human Behaviour*. New York: MacMillan Publishing Co.

UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada konsep dan isu kualiti termasuk pengurusan dan sistem kualiti. Sejarah perkembangan dan tokoh-tokoh yang telah memajukan konsep ini turut diperkenalkan. Melalui kursus ini, para pelajar akan didedahkan kepada kepentingan kualiti dalam perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran organisasi. Prinsip, kaedah dan pelaksanaan sistem kualiti akan turut diberi penekanan. Huraian tentang sistem-sistem pengurusan kualiti antarabangsa termasuk ISO 9000 turut dilakukan.

Rujukan:

1. Besterfield, D. H. 1995. *Total Quality Management*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
2. Crosby, P. B. 1984. *Quality Without Tears*. New York: McGraw-Hill Book Company.
3. Deming, W. E. 1986. *Out of the Crises*. Cambridge, Massachusetts: MIT Centre for Advanced Engineering.
4. Juran, J. M. 1980. *Quality Control Handbook*. Edisi Ke-4. New York: McGraw-Hill Book Company.
5. Mokhtar Abdullah & Wan Jaafar Wan Endut. 1996. "Asas Pengurusan Kualiti Menyeluruh" *Manuskrip Pusat Peningkatan Kualiti dan Produktiviti*. Fakulti Sains Matematik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

UTA2042 Metodologi Penyelidikan

Kursus ini akan memberi tumpuan khas kepada proses penyelidikan dari tahap awal mengenalpasti masalah kajian hingga ke tahap menginterpretasi secara menyeluruh penemuan kajian. Perbincangan mengenainya akan merangkumi tajuk-tajuk seperti falsafah dan etika penyelidikan, konsep dan unsur asas penyelidikan, reka bentuk kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data, pengujian dan pengukuran serta pemprosesan dan penganalisan data. Selain daripada itu, kaedah bagi penyediaan proposal serta laporan kajian juga akan dibincangkan.

Rujukan:

1. Kerlinger, F. N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. Edisi Ke-2. London: Holt, Rinehart & Winston.
2. Kiess, H. O. & Bloomquist, D. W. 1985. *Psychological Research Methods*. Boston: Allyn & Bacon, Inc.
3. Marken, R. 1981. *Methods in Experimental Psychology*. California: Brooks/Cole Publishing Co.
4. Ahmad Mahzan Ayob. 1983. *Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi - Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

ABA4016 Praktikum (Amali Kaunseling)

Kursus ini menggantikan kursus AAA3014 Latihan Amali/Industri yang diambil oleh pelajar dari program lain. Ia akan memberi peluang kepada pelajar menjalani latihan amali kaunseling di jabatan atau agensi yang sesuai yang akan ditentukan oleh Ketua Program. Praktikum wajib dilaksanakan oleh semua pelajar program kaunseling. Kursus ini memberi tumpuan kepada perancangan dan pelaksanaan amalan kaunseling sesuai dengan penempatan, penyempurnaan 12 minggu (320 jam) meliputi membuat perancangan dan pengurusan program perkhidmatan, pengendalian kaunseling individu, aktiviti kelompok dan bimbingan. Praktikum juga bertujuan memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja serta mewujudkan jalinan kerjasama antara KUIM dengan masyarakat luar.

Ko-Kurikulum

Kursus Ko-Kurikulum ialah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Ia bernilai dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Unit kursus ini akan diambil sebagai sebahagian daripada syarat pengajian untuk Pengijazahan. Kursus ini bertujuan untuk penyuburan dan pengukuhan intelektual dan jasmani. Bagi melaksanakan kursus ini pelajar akan mengikuti dua modul aktiviti pembelajaran seperti berikut:

i) CAA2041 Ko-Kurikulum (Pengajian *Halaqah*)

Kursus ini adalah pengajian *halaqah* yakni kajian teks bagi memahami dan mendalami teks kitab-kitab *turath* yang muktabar dan berkaitan dengan kaunseling. Pengajian ini dijalankan selama empat semester dan bernilai satu unit.

ii) CAA2051 Ko-Kurikulum (*Muhadathah Hurrah*)

Kursus ini bertujuan memberi kemahiran berucap dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan Kemahiran Pengucapan Awam (*public speaking skill*) dan dijalankan selama dua semester serta bernilai satu unit. Perlaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

6.2 Kursus Teras Fakulti (WF)

I. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Arab:

Kod	Kursus
UBA1012	Maharat al-Qiraah
UBA1022	Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah
UBA2012	Maharat al-Kitabah
UBA2022	Maharat al-Istima' wa al-Fahm

II. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris:

Kod	Kursus
UBE1012	Bahasa Inggeris I
UBE1022	Bahasa Inggeris II
UBE2312	English for Counsellors I
UBE2322	English for Counsellors II

III. 13 Kursus Teras Pengajian Islam:

Kod	Kursus
AAA1012	Akidah Islam
AAA2022	Akhlak dan Tasawwuf
LAA1012	Fiqh Ibadat dan Munakahat
LAA1052	Fiqh Muamalat dan Jinayat
LAA1032	Sistem Undang-undang di Malaysia
QAA2012	Pengantar Qiraat dan Hafazan
AAA1022	Metodologi Dakwah
AAA2012	Pemikiran Islam Semasa

Kandungan Kursus Teras Fakulti (WF)

UBA1012 Maharat al-Qiraah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar memahami kemahiran *al-qiraah* melalui teks-teks pilihan dengan penekanan kepada kemahiran membariskan petikan, *al-qiraat al-samitah*, *al-qiraah al-jahriyah*, latihan lisan dan kaedah *al-impla' wa al-tarqim*. Kemahiran *al-qiraah* ini disokong oleh kemahiran bahasa dan *nahu* dengan penekanan kepada *al-nahw al-wazifi*.

Rujukan:

1. Ibrahim, Abd al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-Wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
2. Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-Wafi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
3. Al-Hamlawi, Ahmad. 1965. *Shadh al-Urf*. Al-Qahirah: Maktabat wa Matbaat Mustafa al-Babi al-Halabi.
4. Sini, Mahmud Ismail. 1993. *Al-Qiraat al-Muyassarah*. Arab Saudi: Jami'at al-Malik Su'ud.
5. Petikan akhbar dan majalah Arab semasa.

UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran *al-muhadathah* dan *al-khatabah* melalui teks-teks pilihan daripada perbualan dan dialog semasa dan latihan *al-khatabah* secara spontan. Topik-topik *nahu* dan *sarf* yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kursus sebelumnya.

Rujukan:

1. Sini, Mahmud Ismail. 1982. *Al-Arabiyyah li al-Hayat*. Saudi Arabia: Jamiat al-Malik Su'ud.
2. Ibrahim, Abd al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-Wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
3. Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-Wafi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.

4. Al-Khatib, Muhammad Khalil. 1983. *Khutab al-Mustafa s.a.w.* Al-Qahirah: Dar al-I'tisam.
5. Petikan akhbar dan majalah Arab semasa (berkenaan *muhadathah* dan *khitabah*).

UBA2012 Maharat al-Kitabah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran menulis melalui teks-teks pilihan semasa dan *turath* dalam bidang penulisan *al-insha'*, *al-maqalah*, *al-rasail*, *al-taqrir*, *al-muzakkirah* dan lain-lain dengan fokus kepada kajian gaya bahasa Arab. Topik-topik *nahu* dan *sarf* yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kemahiran bahasa dan *nahu* pelajar.

Rujukan:

1. Al-Qalqasyandi, Abu al-Abbas. 1987. *Subh al-'Asha fi Sinaat al-Insha'*. Edit: Mohd. Husain Syamsuddin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
2. Sini, Mahmud Ismail. 1966. *Al-Mu'jam al-Siyaqi*. Lubnan: Maktabat Lubnan.
3. Mansyn, Abdul Aleem El Sayed. t.th. *Sentence Dictionary English/Arabic Sentence*. Cairo: Madbouuly Bookshop.
4. Ibrahim, Abdul al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-Wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
5. Sobih, Ibrahim. 1997. *Al-Lughah al-Arabiyyah*. Amman: Dar al-Manahij.

UBA2022 Maharat al-Istima' wa al-Fahm

Kursus ini bertujuan mengukuhkan kemahiran mendengar dan memahami di kalangan pelajar terhadap buku-buku *turath* dan moden, di samping itu penekanan juga diberi bagi kebolehan meringkas, menganalisis serta memberi komen secara lisan dan bertulis.

Rujukan:

1. Badawi, al-Said Muhammad. 1981. *Al-Kitab al-Asasi*. Tunisia: Al-Munazzamah al-Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum.

2. Al-Hashimi, Ahmad. 1983. *Jawahir al-Adab fi Adabiyat wa Insha' Lughat al-Arab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
3. Diyf, Shauqi. 1976. *Al-Bahth al-Adabi*. Misr: Dar al-Ma'arif.
4. Al-Sayuti, Jalaluddin. t.th. *Tarikh al-Khulafa'*. Beirut: Dar al-Fikr.
5. Buku-buku *Turath* Bahasa, Sastra dan Pengajian Islam.

UBE1012 Bahasa Inggeris I

This is an integrated course that aims at reinforcing the students' command of English to help them gather information and communicate effectively in an academic environment. It focuses on reviewing the rudiments of English grammar and developing the students' reading skills through specific tasks and exercises that provide practice and exposure to the organization and structure of texts. It also includes various approaches, strategies and techniques in academic reading that will contribute towards the development of their study skills.

Reference:

1. Kirn, E. & P. Hartmann. 1985. *Interactions Two: A Reading Skills Book*. 3rd Ed. New York: McGraw-Hill.
2. Werner, P. K., M. M. Church. & L. R. Baker. 1985. *Interactions Two: A Communicative Grammar*. New York: McGraw-Hill.
3. Ramsey, J. W. 1997. *Basic Skills Academic Reading*. London: Heinle & Heinle.
4. Pakenham, K. J. 1998. *Making Connections: An Interactive Approach to Academic Reading*. Cambridge: Cambridge University Press.

UBE1022 Bahasa Inggeris II

The course aims at reinforcing the skills attained in English I through interactive reading exercises and practice, and grammar review in context. These skills are further extended to include also the development of writing skills which introduces the students to the general principles of effective writing and the writing process. It also provides practice in logical thinking, organization of ideas and patterns of organization.

Reference:

1. Treckiak, J. & S. E. Mackay. 1997. *Study Skills for Academic Writing*. New Jersey: Prentice-Hall.
2. Leki, I. 1990. *Academic Writing: Exploring Processes and Strategies*. Cambridge: Cambridge University Press.
3. Raimes, A. 1998. *Exploring Through Writing*. Cambridge: Cambridge University Press.
5. Bates, L. 1998. *Transitions: An Interactive Reading, Writing and Grammar Text*. Cambridge: Cambridge University Press.

UBE2312 English for Counsellors I

This course is designed for counselling students who wish to apply their knowledge of English in the counselling world. The aim of the course is to prepare students with knowledge of English in order to practise effective counselling. It will focus on the various listening and speaking skills involved in handling effective counselling sessions. The listening and speaking components will cover central micro and macro skills needed to listen effectively, process information efficiently and respond appropriately in any given scenario. Emphasis is also given to main language functions in order to enable students to interact effectively and efficiently, and to engage in problem solving situations. The reading component is also given importance in order to expose students to the counselling genre and the skills required to process the vast information.

Reference:

1. Haarman, L., P. Leech & J. Murray. 1997. *Reading Skills for the Social Sciences*. Oxford: Oxford University Press.
2. Muuss, R. E. 1998. *Adolescent Behavior and Society: A Book of Reading*. New York: McGraw Hill.
3. Chan Swee Heng et. al. 2000. *Reading and Discussion Skills*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
4. Galanes, G. J., K. Adams & J. K. Brilhart. 2002. *Communicating in Groups: Application and Skills*. New York: McGraw Hill.
5. Rosenthal, L. & Rowland, S. B. 1986. *Academic Reading and Study Skills for International Students*. London: Prentice-Hall International (UK) Limited.

UBE2322 English for Counsellors II

English for Counsellors II is an extension of English for Counsellors I. The aim of the course is to prepare students with the required knowledge in order to practise effective counselling, communicate clearly and accurately, present ideas and produce precise reports and analysis on counselling cases. It will focus on the various writing skills required in order to produce accurate reports and summaries. Emphasis is also given to main language functions in order to enable students to interact effectively and efficiently, and to engage in problem solving situations. All the four language skills i.e. listening, speaking, reading and writing will be dealt with in an integrated manner in order to equip students with relevant skills needed for effective counselling.

Reference:

1. Trimmer, J. F. 1998. *Writing With a Purpose*. Boston: Houghton Mifflin Company.
2. Corey, G., M. S. Corey & P. Callanan. 1998. *Issues and Ethics in the Helping Professions*. California: Brook/Cole Publishing Company.
3. Galanes, G. J., K. Adams & J. K. Brillhart. 2002. *Communicating in Groups: Application and Skills*. New York: McGraw Hill.
4. Rosenthal, L. & Rowland, S. B. 1986. *Academic Reading and Study Skills for International Students*. London: Prentice-Hall International (UK) Limited.
5. Reep, D. C. 2000. *Technical Writing: Principles, Strategies, and Readings*. 4th Ed. Boston: Allyn & Bacon.

AAA1012 Akidah Islam

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang akidah dalam Islam mengikut keterangan al-Qur'an dan Sunnah. Ia merupakan kursus asas dan teras untuk memahami, dan mengamalkan cara hidup Muslim. Ia meliputi tajuk-tajuk seperti konsep agama Allah, kefitrahan agama Allah, pengertian Islam, hubungan Islam dan Iman, batas-batas keimanan dan kekufuran dan konsep akidah Islam, konsep makrifah Allah (makrifah zat, sifat, nama dan

af'al konsep *nubuwwah*, wahyu, mukjizat, dalil-dalil kenabian, sifat-sifat dan peranan para nabi dan rasul.

Rujukan:

1. Abdul Ghaniy °Abud. 1976. *Al-°Aqidah al-Islamiyah wa al-Idiulujiyat al-Mu°asirah*. Misr: Dar al-Fikr al-°Arabiy.
2. Al-Tahawiy Abu Ja°far Ahmad. t.th. *Sharh al-°Aqidah al-Tahawiyah*. Misr: Dar al-Fikr al-°Arabiy.
3. Ahmad °Izzuddin al-Bayanuniy. 1990. *Al-Kufr wa al-Mukaffirat*. t.tpt.: Dar al-Salam.
4. Muhammad Abdullah Darraz. 1970. *Al-Din: Buhuth Mumahhidah li Dirasat Tarikh al-Adyan*. Bayrut: Dar al-Kutub.
5. Sabir Tu°aymah. 1398H/1978M. *Al-°Aqidah wa al-Fitrah fi al-Islam*. Bayrut: Dar al-Jayl.

AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada persekitaran umum akhlak Islamiah serta tasawwuf dengan memberikan penekanan khusus kepada peranan kedua-duanya dalam proses pembangunan sakhsiyyah Muslim setulunya. Pembicaraannya meliputi konsep nilai dan sumber akhlak Islamiah serta kepentingannya dalam kehidupan insan, konsep dan sumber tasawwuf sebagai aspek kerohanian yang sah dalam Islam, hubungan antara akhlak Islamiah dan tasawwuf, proses pembersihan diri (*tazkiyyat al-nafs*) yang meliputi pembicaraan sekitar *al-fada' il* dan *al-radha' il* dan pengenalan kepada *al-maqamat* dan *al-ahwal*.

Rujukan:

1. Hawwa, Sa°id. 1988. *Al-Mustakhlis fi Tazkiyah al-Anfus*. Misr: Dar al-Salam.
2. Al-Sarraj, Abu Nasr al-Tusi. 1960. *Al-Luma°*. Sunt. Abd al-Halim Mahmud & Taha Abd al-Baqi Surur. Misr: Dar al-Kutub al-Hadithah.
3. Al-Taftazaniy, Abu al-Wafa°. 1976. *Madkhal ila al-Tasawwuf al-Islami*. Qahirah: Dar al-Thaqafah.
4. Yaljin, Miqdad. 1973. *Al-Ittijah al-Akhlaqi fi al-Islam: Dirasah Muqaranah*. Misr: Maktabat al-Khanjiy.

LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat

Kursus ini merupakan pengantar kepada pengajian Fiqh dalam dua bahagian iaitu ibadat dan munakahat. Bahagian ibadat menyentuh ibadat umum dan ibadat khusus seperti sembahyang, puasa, zakat dan haji serta persoalan berkaitan dengan ibadat-ibadat tersebut. Manakala bahagian munakahat pula menyentuh pertunangan, perkahwinan, mas kahwin, perceraian, fasakh, khulu', illa', zihar, kesan perkahwinan seperti nafkah dan hadanah, rujuk dan perkara-perkara yang berkaitan. Penekanan kursus ini akan diberikan kepada pendapat Mazhab Syafie.

Rujukan:

1. Al-Sharbini al-Khatib. 1377H/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Misr: Al-Halabi.
2. Al-Sharbini al-Khatib. t.th. *al-Iqna'*. Misr: Dar al-Fikr.
3. Al-Shaykh Khalid ibn Abdullah al-Shuqfah. 1409H/1989M. *Kitab al-Dirasat al-Fiqhiyyah 'ala Madhhab al-Shafi'i*. Misr: Dar al-Salam.
4. Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Shurbaji. 1407H/1987M. *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
5. Al-Sayyid Sabiq. 1403H/1983M. *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr.

LAA1052 Fiqh Muamalat Dan Jinayat

Kursus ini merupakan pengantar kepada Fiqh Muamalat dan Jinayat. Bahagian pertama membincangkan konsep *al-mal*, *al-‘aqd*, *al-ahliyyah*, jualbeli dan jenis-jenisnya, riba, khiyar, gadaian, hiwalah, jaminan harta dan tubuh, *shuf'a*, syarikat, *qirad*, *musaqah*, *muzara'ah*, sewa, *ji'alah*, *luqata* dan *wadiah*, *qard al-hasan*, *mudarabah*, insuran dan lain-lain. Bahagian kedua pula membincangkan bahagian jenayah dengan penekanan kepada jenayah-jenayah hudud, pendakwaan dalam jenayah hudud dan keterangannya. Tumpuan juga diberikan kepada beberapa jenayah lain dalam bidang Syariah. Penekanan kursus ini akan diberikan kepada pendapat mazhab Syafie.

Rujukan:

1. Al-Sharbini al-Khatib. 1377H/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Misr: Al-Halabi.
2. Al-Sayyid Sabiq. 1403H/1983M. *Fiqh al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr.
3. 'Ali Qara'ah. t.th. *Ahkam al-'Uqud fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Misr: Dar Misr li al-Tiba'ah.
4. Muhammad Yusuf Musa. 1405H/1984M. *Al-Fiqh al-Islami wa Nizam al-Mu'amalat Fih*. t.tpt: Dar al-Kitab al-'Arabi.
5. Su'adah Ibrahim Saleh. 1405H/1984M. *Ahkam Tasarrufat al-Saghir fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Jeddah: Dar al-Bilad.

QAA2012 Pengantar Qiraat Dan Hafazan

Kursus ini membincangkan perkembangan Ilmu Qiraat, kaedah-kaedah umum mengenai *Qiraat al-Sab'ah* (bacaan Tujuh) disertai dengan latihannya. Penekanan pembacaan berdasarkan riwayat Hafis An 'Asim dengan Kaedah Tajwid yang ada dalamnya. Pelajar juga dikehendaki menghafal beberapa surah seperti Yasin, al-Jumuah, al-Munafiqun dan lain-lain.

Rujukan:

1. Al-Baghdadi, Abu al-Qasim 'Ali ibn 'Uthman. 1954. *Sirj al-Qari al-Mubtadi wa Tidhkar al-Muqri' al-Muntaba*. Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
2. Al-Dabbagh, 'Ali Muhammad. 1938. *Al-'Ibda'ah fi Bayan Usul al-Qira'at*. Al-Qahirah: Matba'at al-Mashsad al-Husayni.
3. Muhaysin, Muhammad Muhammad Muhammad Salim. 1969. *Al-Irshadat al-Jaliyyat fi al-Qira'at al-Sab' Tariq al-Shatibiyyah*. Al-Qahirah: Maktabat al-Kuliyyat al-Azhariyyat.
4. 'Abdul Fattah al-Qadi. t.th. *Al-Budur al-Zahirah fi al-Qira'at al-'Ash al-Mutawatirah*.
5. 'Abdul Fattah al-Qadi. t.th. *Al-Wafi fi Sharh al-Shatibiyyah*. Al-Qahirah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

AAA1022 Metodologi Dakwah

Kursus ini membincangkan metod-metod penyampaian dakwah iaitu hikmah, *maw'izah hasanah*, *mujadalah*, *taqdim al-aham fa al-muhim*, *taghrib*, *tarhib* dan lain-lain.

Rujukan:

1. Muhammad Husain Fadhullah. 1972. *Uslub al-Da'wah fi al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Zahra'.
2. Abd. Al-Badi' Saqar. 1980. *Kayfa Nad'u al-Nas*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
3. Fathi Yakan. 1980. *Kayfa Nad'u ila al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
4. Abu al-Majd al-Sayed Nawfal. 1977. *Al-Da'wah ila Allah*. Al-Qahirah: Matba'ah al-Hadarah al-Arabiyyah.

AAA2012 Pemikiran Islam Semasa

Kursus ini membincangkan kekeliruan dalam pendefinisian pemikiran Islam, pertumbuhan dan perkembangan pemikiran Islam bermula dari pemikiran Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, Rashid Reda dan Hasan al-Banna serta pemikir mutakhir seperti Ismail al-Faruqi, Hasan al-Turabi, Muhammad al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradawi. Antara isi yang dibincangkan ialah isu politik dan ekonomi semasa, sosio-budaya bangsa, globalisasi dan kaitannya dengan syariah dan akidah.

Rujukan:

1. Al-Darimi, Fathi. 1988. *Dirasat wa Buhuth fi al-Fikr al-Islami al-Mu'asir*. Damshik: Dar al-Qufaybah.
2. Fathi Uthman. 1960. *Al-Din fi Mawqif al-Difa'*. Qahirah: Maktabah Wahbah.
3. Muhammad Immarah. 1988. *Al-Dawlah al-Islamiyyah Bayna al-Ilmaniyyah wa al-Sultah al-Diniyyah*. Qahirah: Dar al-Shuruq.
4. Ahmad Akbar S. 1992. *Post Modernism and Islam: Predicament and Promise*. London: Routledge.
5. Abdul Rahman Haji Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Penang: PJJ USM.

LAA1032 Sistem Undang-undang di Malaysia

Kursus ini membincangkan sumber undang-undang di Malaysia termasuk Islam serta sejarah Perlembagaan dan undang-undang di Malaysia. Membincangkan juga konsep-konsep utama undang-undang, doktrin duluan, tafsiran undang-undang bertulis, undang-undang Islam dan undang-undang adat.

Rujukan:

1. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned. 1984. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Abdul Hamid Omar. 1994. *The Judiciary in Malaysia*. Kuala Lumpur: Asia Pacific Publications Sdn. Bhd.
3. Mohamad Suffian Hashim. 1976. *An Introduction to the Constitution of Malaysia*. 2nd Ed. Kuala Lumpur: Governments Printers.
4. Mohamad Suffian Hashim. 1990. *An Introduction to the Legal System of Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
5. Statut-Statut berkaitan, seperti Interpretation Act 1967; Civil Law Act 1956 (Revised 1973), (as amended); Courts of Judicature Act 1964 (as amended); Legal Profession Act 1976, Juvenile Courts Act, Act 1964 (Revised 1972), Rules of Subordinate Court 1980, Interpretation and General Clauses Ordinance, No. 7, 1948 dan lain-lain.

6.3 Kursus Program Kaunseling (WP)

Kod	Kursus
AAA1033	Prinsip dan Teori Kepimpinan
ABA1013	Falsafah, Prinsip dan Etika Kaunseling
ABA1023	Teori Kaunseling
ABA1033	Teori Kaunseling Mengikut Perspektif Islam
ABA2043	Kaunseling Dalam al-Quran dan Hadith
ABA2023	Teknik dan Proses Kaunseling
ABA2033	Makmal Kaunseling Individu
ABA4053	Penyelidikan Dalam Kaunseling
ABA3023	Ujian dan Penilaian Psikologi Dalam Kaunseling
ABA2013	Psikologi Perkembangan Sepanjang Hayat
ABA3063	Psikologi Bilazim
ABA3033	Perkembangan Kerjaya
ABA3113	Kaunseling Kerjaya
ABA4043	Kaunseling di Tempat Kerja
ABA3013	Teori dan Teknik Kaunseling Kelompok
ABA3073	Makmal Kaunseling Kelompok
ABA3043	Kaunseling Keluarga
ABA4033	Kaunseling Silang Budaya
ABA3093	Kaunseling Pemulihan Dadah
ABA4023	Kaunseling Pemulihan Akhlak
ABA3053	Undang-undang Keluarga di Malaysia
ABA4063	Isu-isu Sosial Masa Kini
ABA3083	Aplikasi Komputer Dalam Kaunseling
ABA4013	Projek Ilmiah
ABA4073	Pra-Praktikum Kaunseling

Kandungan Kursus Program (WP)

ABA1013 Falsafah, Prinsip dan Etika Kaunseling

Kursus ini merupakan pengenalan kepada perkhidmatan kaunseling. Latar belakang perkhidmatan kaunseling; sejarah kaunseling secara sejagat dengan memberi tumpuan kepada perkembangan di Malaysia, keperluan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat masa kini, definisi kaunseling, falsafah, konsep dan prinsip kaunseling, perbincangan mengenai ciri kaunselor, perbincangan dibuat mengenai etika kaunseling dengan memberi tumpuan kepada etika kaunseling yang diperkenalkan oleh PERKAMA dan Akta Kaunseling Malaysia (Akta 580).

Rujukan:

1. Brown, D. & Srebalus, D. J. 1996. *Introduction to the Counselling Profession*. 2nd Ed. Boston: Needham Heights.
2. Cappuzi, D. & Gross, D. R. 1997. *Introduction to the Counselling Profession*. Boston: Needham Heights.
3. Cottone, R. R. & Tarvydas, V. M. 2003. *Ethical and Professional Issues in Counselling*. 2nd Ed. New Jersey: Prentice Hall.
4. Egan, G. 2002. *The Skilled Helper*. Pacific Grove: Brooks Cole.
5. Welfel, E. R. 1998. *Ethics in Counselling & Psychotherapy. Standard, Research and Emerging Issues*. Pacific Grove: Brook Coles.

ABA1023 Teori Kaunseling

Kursus ini memperkenalkan beberapa teori/pendekatan utama dalam kaunseling. Antara teori pendekatan yang akan dibicarakan ialah Psikoanalisis. *Person-centered, Rational-emotive theory, Reality-therapy, Transactional analysis* dan Psikologi individu. Perbincangan akan berfokus kepada implikasi teori kepada perspektif kaunseling dan psikoterapi.

Rujukan:

1. Capuzzi, D. & Gross, D. R. 1995. *Counselling and Psychotherapy Theories and Interventions*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

2. Corey, G. 1982. *Theory and Practice of Counselling and Psychotherapy*. Monterey, California: Brooks/Cole Pub. Company.
3. Corsini, R. 1983. *Current Psychotherapies*. Illinois: Peacock Publishers Inc.
4. George, R. L. & Cristiani, T. S. 1995. *Counselling: Theory and Practice*. Boston: Allyn & Bacon.
5. Ivey, A. E., Ivey, M. B. & Downing, L. S. 1987. *Counselling and Psychotherapy: Integrating Skills, Therapy and Practice*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

ABA1033 Teori Kaunseling Mengikuti Perspektif Islam

Kursus ini akan membicarakan pelbagai teori kebahagiaan hidup dan ketenangan jiwa. Ia juga memperkenalkan cara-cara mengatasi kegelisahan, rasa bersalah, rasa takut dan pengendalian perasaan. Ia memperkenalkan fenomena *qalb* (hati) dan roh dari perspektif Islam, menerangkan bagaimana cara untuk memiliki hati yang sihat serta mengawalinya daripada serangan pelbagai jenis penyakit rohani yang boleh menyebabkan ketidakselesaian hidup serta sehingga membawa kepada gejala sosial. Konsep-konsep seperti *Takhliyah* dan *Tahliyah* dan kesannya dalam pembersihan *al-Nafs* dan *al-Qalb* serta pengaruhnya dalam aktiviti kehidupan. Kursus ini juga mengkaji metode mengenali diri sendiri dan latihan mengurangkan ketegangan jiwa dengan memberi fokus kepada teori Imam Ghazali, Ibnu Taymiyyah, Narsico Irala dan Lewis.

Rujukan:

1. Al-Ghazaliyy, Abu Hamid. t.th. *Ihya Ulum al-Din*. Cairo: Dar Ihya al-Kutub al-Arabiyyah.
2. Al-Ghazaliyy, Abu Hamid. 1985. *Ayyuha al-Walad*. Cairo: Darul I'tisam.
3. Hawwa, Said. 1992. *Tarbiyatuna al-Ruhaniyyah*. Cairo: Maktabat Wahbah.
4. Abu Mua Mahmud Imam. t.th. *Hatta Yantasir al-Insan fi Ma'rakatih Ma'a al-Jan*. Cairo: Darul Bashir.
5. Muhamad bin Abi Bakr al-Zar'yy. t.th. *Miftah Dar al-Sa'adah wa Manshur Wilayat al-Ilmi wa al-Iradah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

6. Al-Makky, Abu Talib. 1932. *Qut al-Qulub*. Al-Matba'ah al-Husayniyah.

ABA2043 Kaunseling Dalam al-Quran Dan Hadith

Kursus ini bertujuan untuk memahami serta menganalisis konsep kaunseling berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah. Ia juga akan mengkaji falsafah kehidupan manusia, konsep 'ubudiyah dan hala tuju setiap insan. Analisis al-Quran terhadap kejadian manusia daripada unsur kerohanian dan juga fizikal, seterusnya bagaimana jiwa manusia harus diuruskan untuk membawanya keluar dari setiap permasalahan yang timbul sehingga memerlukan bimbingan, penasihat, pencegahan, pemulihan dan pembaikan. Ayat al-Quran yang relevan dengan isu kaunseling akan menjadi bahan utama perbincangan.

Rujukan:

1. Muhammad Uthman Najati. 1982. *Al-Quran wa 'Ilm al-Nafs*. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
2. Ahmad Farid. t.th. *Tazkiyah al-Nufus wa Tarbiyatuha*. Beirut: Dar al-Qalam
3. Sa'id Hawa. 1988. *Al-Mustakhlash fi Tazkiyat al-Anfus*. Al-Qahirah: Dar al Salam.
4. 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud. 1995. *Al-Tarbiyyah al-Ruhaniyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
5. Muhammad Zain al-Din. 2002. *'Ilm al-Nafs al-Da'wah*. Al-Qahirah: Al-Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
6. Muhammad Qutb. 1979. *Dirasah fi al-Nafs al-Insaniyyah*. Beirut: Dar al-Shuruq.

ABA2023 Teknik dan Proses Kaunseling

Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan dan mempraktikkan kemahiran-kemahiran asas kaunseling. Kemahiran-kemahiran yang dipelajari akan dipraktik dan dijadikan asas untuk digunakan semasa menjalani sesi kaunseling. Kemahiran-kemahiran yang akan diperkenalkan ialah: melayan, mendengar, membuat refleksi isi dan perasaan, bertanya secara terbuka dan

tertutup, parafrasa, konfrontasi dan lain-lain. Kemahiran asas diperkenalkan mengikut tahap proses kaunseling dijalankan iaitu penstrukturan, penerokaan, mengenal pasti masalah, menganalisis masalah, membuat intervensi dan menamatkan sesi kaunseling.

Rujukan:

1. Egan, G. 2002. *The Skilled Helper*. Pacific Grove CA: Brooks Cole.
2. Dillard, J. & Reilley, R. 1988. *Systematic Interviewing: Communicational Effectiveness*. Columbus: Mrrill Pub.
3. Dyer, W. S. & Vriend, J. 1988. *Counselling Techniques That Work*. Alexandria, VA: American Association for Counselling and Development.
4. Egan, G. 1994. *The Skilled Helper: A Systematic Approach to Effective Helping*. Edisi Ke-5. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
5. Epstein, L. 1985. *Talking and Listening: A Guide to the Helping Interview*. Columbus: Myrrill Pub.
6. Ivey, A. E. 1993. *Intentional Interviewing and Counselling: Facilitating Client Development*. Edisi Ke-3. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.
7. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim & Halimatun Halaliah Mokhtar. 1996. *Kaunseling Individu Apa dan Bagaimana*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti

ABA2033 Makmal Kaunseling Individu

Kursus ini memberi latihan kemahiran, teknik dan proses kaunseling dengan mengintegrasikan kemahiran asas kaunseling dengan pendekatan yang dipilih seperti pendekatan pemusatan klien, *rational emotive behaviour therapy*, *behavior therapy*, *reality therapy* atau mana-mana pendekatan pilihan yang sesuai.

Rujukan:

1. Brown, D. & Srebalus. D. J. 1996. *Introduction to the Counselling Profession*. 2nd Ed. Boston: Needham Heights.
2. Cappuzi, D. & Gross, D. R. 1997. *Introduction to the Counselling Profession*. Boston: Needham Heights.

3. Egan, G. 2002. *The Skilled Helper*. 7th Ed. Pacific Grove: Brooks Cole.
4. Lauver, P. & Harvey, D. R. 1997. *The Practical Counsellor*. Pacific Grove: Brooks Cole
5. Thompsom, R. A. 1996. *Counselling Techniques*. United States: Taylor Francis.

ABA4053 Penyelidikan Dalam Kaunseling

Kursus ini membincangkan pengertian, kepentingan, tatacara dan pelbagai kaedah penyelidikan dalam bidang kaunseling. Para pelajar diminta membentangkan hasil penyelidikan mereka berhubung kes-kes kaunseling terpilih. Kes-kes kaunseling tersebut meliputi kes kaunseling individu dan kaunseling kelompok.

Rujukan:

1. Butterworth, G. & Harris, M. C. 1994. *Principles of Developmental Psychology*. United Kingdom: Lawrence Erlbaum.
2. Feldman, R. S. 2000. *Developmental Across the Life-Span*. 2nd Ed. New Jersey: Prentice-Hall.
3. Papalia, D. E. & Olds, S. W. 2000. *Human Development*. 8th Ed. New York: McGraw Hill.
4. Rice, F. P. 2001. *Human Development: A Lifespan Approach*. 4th Ed. New Jersey: Prentice-Hall
5. Santrock, J. W. 1995. *Lifespan Development*. United Kingdom: Brown Communication.

ABA3023 Ujian dan Penilaian Psikologi Dalam Kaunseling

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar tentang prinsip, isu dan penggunaan ujian psikologi untuk diaplikasikan dalam kaunseling. Pelajar akan didedahkan dengan beberapa jenis ujian psikologi yang digunakan dalam perkhidmatan kaunseling. Pelajar diberikan kemahiran menggunakan beberapa jenis ujian sebagai alat bantuan kepada proses kaunseling.

Rujukan:

1. Aiken, L. R. 1997. *Psychological Testing and Assessment*. 9th Ed. Boston: Allyn & Bacon.
2. Anastasi, A. & Urbina, S. 1997. *Psychological Testing*. New Jersey: Prentice-Hall.
3. Coleman, A. M. 1995. *Psychological Research Methods and Statistics*. New York: Longman.
4. Gregory, P. J. 1992. *Psychological Testing: History, Principles and Applications*. Boston: Allyn & Bacon.
5. Jackson, W. 1995. *Methods Doing Social Research*. Ontario: Prentice-Hall.

ABA2013 Psikologi Perkembangan Manusia Sepanjang Hayat

Kursus ini membicarakan definisi dan konsep-konsep asas psikologi perkembangan manusia sepanjang hayat, teori-teori perkembangan manusia, faktor genetik dan persekitaran yang mempengaruhi perkembangan, perubahan peranan sosial, cara hidup dan penglibatan sosial sepanjang hayat, peranan kaunselor dalam membantu klien dalam pelbagai peringkat umur.

Rujukan:

1. Dacey, J. S. 1996. *Human Development Across Lifespan*. 3rd Ed. Madison: Brown & Benchmark.
2. Gormly, A. V. 1997. *Lifespan Human Development*. 6th Ed. FortWorth: Harcourt Brace College.
3. Papalia, D. E. Olds, S. W. & Fieldman, R. D. 1998. *Human Development*. Edisi Ke-7. New York: McGraw-Hill.
4. Seifert, K. L. 1997. *Lifespan Development*. Boston: Hughton Mufflin.
5. Thomas, R. M. 1999. *Human Development Theories: Window on Culture*. Thousand Oaks, California: Sage.

ABA3063 Psikologi Bilazim

Kursus ini bertujuan membolehkan pelajar memahami konsep tingkah laku abnormal (bilazim), teori, faktor penyebab, kaedah terapi dan rawatan, serta juga isu kontemporari dan perundangan yang berkaitan dengan tingkah laku tidak adaptif dan menyimpang. Antara topik yang dibicarakan adalah pengkonsepsian tingkah laku bilazim, perspektif teori dan pendekatan pelbagai dimensi dalam menerangkan faktor penyebab, pengklasifikasian, taksiran dan pendiagnosisan kecelaruan, kaedah terapi dan rawatan. Antara kecelaruan yang akan dibincangkan adalah kecelaruan kebimbangan, kecelaruan mood, kecelaruan somatofom dan dissosiatif, kecelaruan pemakanan dan tidur, kecelaruan seksual, kecelaruan perkembangan dan kognisi, dan juga isu-isu semasa serta perundangan.

Rujukan:

1. Durand, V. M. & Barlow, D. H. 1997. *Abnormal Psychology: An Introduction*. Pacific Grove: Brooks/Cole Publishing Company.
2. Kendall, P. C. & Hammen, C. 1998. *Abnormal Psychology: Understanding Human Problems*. Edisi ke-2. Boston: Houghton Mifflin.
3. Nevid, J. S., Rathus, S. A. & Greene, B. 1994. *Abnormal Psychology in a Changing World*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
4. Olthmanns, T. F. & Emery, R. E. 1998. *Abnormal Psychology*. Edisi Ke-2. New Jersey: Prentice Hall.
5. Sarason, I. G. & Sarason, B. R. 1999. *Abnormal Psychology: The Problem of Maladaptive Behaviour*. Edisi Ke-9. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.

ABA3033 Perkembangan Kerjaya

Tujuan utama kursus ini ialah untuk memperkenalkan teori-teori utama dalam perkembangan kerjaya. Tatacara mengumpul maklumat, menilai dan menyebarkan maklumat kerjaya, pendidikan kerjaya.

Rujukan:

1. Brown, D. & Brooks, L. 1984. *Career Choice and Development*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.

2. Crites, J. O. 1981. *Career Counselling Models, Methods and Materials*. New York: McGraw-Hill.
3. Herr, E. L. 1996. *Carreer Guidance and Counselling Through the Life Span*. New York: Harper Collins Coll. Pub.
4. Osipow, S. H. & Fitzgerald, L. F. 1996. *Theories of Career Development*. Edisi Ke-4. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
5. Srebalus, D. J., Marinelli, R. P. & Messing, J. K. 1982. *Career Development, Concepts and Procedure*. Monterey, California: Brooks/Cole Publishing Company.

ABA3113 Kaunseling Kerjaya

Kursus ini membincangkan aplikasi teori perkembangan kerjaya dalam kaunseling kerjaya, proses kaunseling kerjaya dan kaunseling kerjaya dalam pelbagai *setting*. Pelajar akan mendapat pengetahuan dan kemahiran mengendalikan kaunseling kerjaya dengan menggunakan model-model yang terpilih.

Rujukan:

1. Gysbers, N. C., Hepner, M. J. & Johnston, J. A. 1998. *Career Counseling Process, Issues and Technique*. Boston: Allyn & Bacon.
2. Isaacson, L. E. & Brown, D. 1997. *Career Information, Career Counseling, and Career Development*. 6th Ed. Boston: Allyn & Bacon.
3. Sidek Mohd Noah. 2002. *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra.
4. Burnard, P. 1992. *Counseling Skills for Training*. London: Kegan Paul.
5. Brown, D., Brooks, L. & Associate. 1990. *Career Choice and Development: Applying Contemporary Theories to Practice*. 2nd Ed. San Francisco: Jossey Bass.

ABA4043 Kaunseling di Tempat Kerja

Kursus ini memberi penerangan mengenai keperluan dan kepentingan kaunseling di tempat kerja. Aspek-aspek yang berkaitan dengan kaunseling di tempat kerja seperti kaunseling personel, bimbingan dan perkembangan, perancangan program, pekerjaan dan sumber maklumat, *performance appraisal* adalah antara tajuk-tajuk yang akan dibincangkan. Kursus ini akan turut membincangkan faktor-faktor yang berkaitan dengan kepuasan kerja, motivasi, kepimpinan, komunikasi antara pekerja serta pengendalian kaunseling di tempat kerja yang bersesuaian.

Rujukan:

1. Burnard, P. 1992. *Counselling Skills for Training*. London: Kegan Paul.
2. Brown, D., Brooks, L. & Associate. 1990. *Career Choice and Development: Applying Contemporary Theories to Practice*. 2nd Ed. San Francisco: Jossey Bass.
3. Gysbers, N. C., Hepnner, M. J. & Johnston, J. A. 1998. *Career Counselling Process, Issues and Technique*. Boston: Allyn & Bacon.
4. Isaacson, L. E. & Brown, D. 1997. *Career Information, Career Counselling and Career Development*. 6th Ed. Boston: Allyn & Bacon.
5. Sidek Mohd Noah. 2002. *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra.

ABA3013 Teori dan Teknik Kaunseling Kelompok

Kursus ini membincangkan bagaimana kemahiran asas dalam kaunseling boleh diaplikasikan untuk menghasilkan sesi kaunseling kelompok yang berkesan. Pelajar juga akan diberi pendedahan tentang peringkat dalam proses kaunseling kelompok iaitu peringkat sebelum, semasa dan selepas sesi kaunseling dilaksanakan. Selain daripada itu, pelajar juga akan didedahkan dengan teknik-teknik kaunseling kelompok seperti “*modelling*” dan simulasi.

Rujukan:

1. Petterson, J. V. & Nisenholz, B. 1995. *Orientation to Counselling*. 3rd Ed. Boston: t.pt.
2. Mcleod, J. 1996. *An Introduction to Counselling*. Philadelphia: Open University Press.
3. Corey, G. 1996. *Theory and Practice of Counselling and Psychotherapy*. 5th Ed. t.pt: t.pt.
4. Belikin, G. S. 1988. *Introduction to Counselling*. 3rd Ed. USA: Wm. C. Brown Publisher.
5. Gladding, T. S. 1996. *Counselling: A Comprehensive Profession*. 3rd Ed. Englewood Cliffs.

ABA3073 Makmal Kaunseling Kelompok

Kursus ini akan memberi latihan dan kemahiran yang mendalam kepada pelajar mengenai kaunseling kelompok. Pelajar-pelajar akan dilatih membuat amali dan aplikasi kemahiran kaunseling kelompok. Pelajar-pelajar akan menyepadukan teori-teori dan teknik kelompok dengan tahap perkembangan sesi, kemahiran sesi yang diperlukan mengikut perkembangan proses bagi mengintegrasikan kemahiran-kemahiran asas dalam pengendalian kaunseling kelompok, kemahiran menamatkan dan memberhentikan sesi kaunseling kelompok.

Rujukan:

1. Gazda, G. M. 1989. *Group Counselling*. Massachussets: Allyn & Bacon.
2. Gladding, S. T. 2003. *Group Work a Counselling Specialty*. Upper Saddle River: Prentice Hall.
3. Barker, L. L., Wahlers, K. J., Watson, K. W. & Kibler, R. J. 1991. *Groups in Process, an Introduction to Small Group Communication*. 4th Ed. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
4. Gazda, G. M., Earl, J. G. & Arthur, M. H. 2001. *Group Counselling and Group Psychotherapy. Theory Counselling and Group Psychotherapy*. Boston: Ally & Bacon.
5. Posthuma, B. W. 2002. *Small Groups in Counselling and Therapy. Process and Leadership*. Boston: Allyn & Bacon.

ABA3043 Kaunseling Keluarga

Kursus ini memberikan definisi kaunseling keluarga. Ia juga akan membincangkan tajuk seperti teori sistem keluarga - teori psikoanalisis, sistem keluarga Bowen's, Adlerian, proses model Satir, terapi keluarga berstruktur Minuchin. Kursus ini akan turut menyentuh proses dalam praktis kaunseling keluarga. Pendekatan yang digunakan adalah seperti pendekatan tingkahlaku, teknik pemetaan dan pengukiran dan teknik *absurd*.

Rujukan:

1. Becvar & Becvar. 1993. *Family Therapy: A Systematic Integration*. 2nd Ed. Massachusetts, New York: Allyn & Bacon.
2. Brock, G. W. & Bernard, C. P. 1992. *Procedures in Marriage and Family Therapy*. 2nd Ed. Massachusetts: Allyn & Bacon.
3. Gazda, G. M. 1989. *Group Counselling*. Massachusetts: Allyn & Bacon.
4. Gunasara, Y. S. D. & Gunasara S. D. 1982. *Psikologi untuk Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Snider, M. 1992. *Process Family Therapy: A Eclectic Approach to Family Therapy*. Massachusetts: Allyn & Bacon.
6. Street, E. 1994. *Counselling for Family Problems*. London: Sage Publications.

ABA4033 Kaunseling Silang Budaya

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kaunseling pelbagai budaya. Ia merangkumi tajuk-tajuk seperti pengenalan kaunseling pelbagai budaya, kelompok etnik di Malaysia, peranan budaya dalam hubungan sosial dan proses kaunseling dengan budaya setempat, ciri-ciri kaunselor pelbagai budaya, persamaan dan perbezaan tingkah laku antara kaunseling silang budaya. Kursus ini akan juga turut membincangkan masalah-masalah dalam kaunseling silang budaya.

Rujukan:

1. Wehrly, B. 1995. *Pathways to Multicultural Counselling Competence: A Developmental Journey*. Brooks/Cole Publishing Company.

2. Baruth, L. G. & Manning, M. L. 1991. *Multicultural Counselling and Psychotherapy. A Lifespan Perspective*. New York: Merrill.
3. Adler, L. & Gielen, U. 1994. *Cross-cultural Topics in Psychology*. USA: Greenwood Publishing Group Inc.
4. Matsumoto, D. 1994. *People-Psychology From a Perspective*. California: Brooks/Cole Publishing Co.
5. Wan Rafaei Abdul Rahman. 1993. *Psikologi Dalam Konteks. Satu Pendekatan*. Bangi: Penerbit UKM.

ABA3093 Kaunseling Pemulihan Dadah

Kursus ini akan membincangkan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan pengenalan dan pemulihan dadah. Beberapa teori sosial dan tingkah laku mengenai penggunaan, penagihan dan pemulihan dadah akan dibincangkan. Selain daripada itu, tajuk-tajuk seperti program-program tindakan daripada pencegahan asas kepada peringkat pemulihan penagih-penagih, kaunseling dadah, teori-teori dan terapi turut dibincangkan.

Rujukan:

1. Abdul Ghafar Taib. 1991. *Dadah Strategi dan Kawalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Choo Piang Fong & Maznah Ismail. 1986. *A Comparative Study of the Psychosocial Profile of Drug Using and Non-Drug Using School Children*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
3. Bender, D & Leone, B. 1994. *Drug Abuse*. San Diego: Greenhaven Press Inc.
4. Schulman, E. D. 1991. *Intervention in Human Services*. New York: Merrill Publishing Company.
5. Deem, R. 1995. *Youth, Culture & Society*. London: Open University Press.

ABA4023 Kaunseling Pemulihan Akhlak

Kursus ini akan membincangkan aspek-aspek berkaitan dengan pemulihan akhlak. Faktor-faktor keruntuhan akhlak, faktor penyembuh, teori-teori yang berkaitan, program-program dan kaedah tindakan daripada peringkat pencegahan asas kepada peringkat pemulihan akhlak akan dibincangkan.

Rujukan:

1. Schulman, E. D. 1991. *Intervention in Human Services*. New York: Merrill Publishing Company.
2. Gilbert, L. A. & Scher, M. 1999. *Gender and Sex in Counselling and Psychotherapy*. Boston: Allyn & Bacon.
3. Bodiford-McNeil, C., Hembree-Kigin, T. L. & Eyberg, S. M. 1996. *Short-term Play Therapy for Disruptive*. King of Prussia, PA: Center for Applied Psychology.
4. Schulman, E. D. 1991. *Intervention in Human Services*. New York: Merrill Publishing Company.
5. Deem, R. 1995. *Youth, Culture & Society*. London: Open University Press.

ABA3053 Undang-undang Keluarga di Malaysia

Kursus ini akan membincangkan aspek-aspek yang berkaitan dengan undang-undang keluarga di Malaysia dan menyentuh serba sedikit berkenaan undang-undang kanak-kanak. Tajuk-tajuk yang berkaitan seperti pengenalan kepada undang-undang keluarga Malaysia dan isu-isu perkahwinan dan perceraian di bawah undang-undang sivil dan syariah. Bagi undang-undang kanak-kanak pula, beberapa aspek yang akan ditekankan termasuk definisi kanak-kanak, konsep hak kanak-kanak yang termasuk janin dan pengaplikasian undang-undang berkaitan kanak-kanak. Perbincangan juga akan mengambil kira permasalahan kekeluargaan seperti hak nafkah, penjagaan, anak angkat serta isu-isu sosial seperti penglibatan juvenil dalam kes-kes jenayah.

Rujukan:

1. Ahmad Ibrahim. 1999. *Family Law in Malaysia*. 4th Ed. Kuala Lumpur: Malaysian Law Journal.
2. Mimi Kamariah. 1999. *Family Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: Malaysian Law Journal.
3. Andrew Bainham. 1998. *Children, Parents and the State*. London: Sweet & Maxwell.
4. United Nation Convention on the Rights of the Child.
5. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri.

6. Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976.
7. Child Act 2001.

ABA4063 Isu-isu Sosial Masa Kini

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai isu sosial masa kini. Memandangkan tren dan perubahan sosial yang pesat pada masa ini memberi kesan kepada psikologi masyarakat, kursus ini akan meninjau faktor-faktor yang menyumbang kepada perubahan sosial. Kesan perubahan sosial kepada masyarakat, teori-teori yang berkaitan dengan perubahan dan isu sosial, kaedah dan intervensi yang bersesuaian dalam menangani isu sosial akan juga dibincangkan.

Rujukan:

1. Scarpitti, F. R. 1992. *Social Problems*. 2nd Ed. London: Harper Collins.
2. Shamsul Amri Baharuddin. 1990. *Masyarakat Malaysia yang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
3. Allatt, P. & Yeadle, S. 1992. *Youth Unemployment and the Family*. London: Routledge.
4. Azizan Bahari. 1995. *Belia dan Masyarakat*. Pulau Pinang: Institut Kajian Dasar.
5. Jones, G. 1995. *Leaving Home*. Buckingham: Biddles Limited.

ABA3083 Aplikasi Komputer dalam Perkhidmatan Kaunseling

Kursus ini meliputi aplikasi komputer dalam perkhidmatan kaunseling, memahami perkakasan komputer, pemilihan dan penggunaan perisian komputer, pengurusan khidmat kaunseling menggunakan komputer, etika dalam penggunaan teknologi maklumat dan komputer.

Rujukan:

1. Bloom, J. W. & Walz, G. R. (Eds.). 2000. *Cybercounseling and Cyberlearning: Strategies and Resources for the Millenium*. Alexandria, VA: American Counselling Association.

2. Drummond, R. J. 1996. *Appraisals Procedure for Counsellors and Helping Professionals*. Upple Saddle River, NJ: Prentice Hall.
3. Eason, K. 1990. *Information Technology and Organisational Change*. t.tpt: Taylor & Francis.
4. London, K. C. & London, J. P. 1991. *Management Information System*. 2nd Ed. London: MacMillan.
5. Zonkoczy, P. 1990. *Information Technology an Introduction*. London: Pittman.

ABA4013 Projek Ilmiah

Projek ilmiah merupakan satu projek penyelidikan yang dijalankan di bawah bimbingan seorang atau lebih penyelia. Penyelidikan adalah berbentuk empirikal yang dilakukan di lapangan, makmal dan/atau perpustakaan, dan penyelidikan perpustakaan berbentuk esei yang membuat ulasan secara analitikal. Objektif kursus ini ialah untuk memberi pendedahan dan pengalaman praktik kepada pelajar cara-cara menjalankan kajian ilmiah, membolehkan pelajar meneliti sesuatu permasalahan psikologi yang diminati, menilai kemampuan pelajar dalam mengumpul, mengorganisasi, menganalisis, mengintepretasi dan menerapkan maklumat dan data dalam bentuk tulisan ilmiah, dan menilai kematangan, pemikiran kritikal dan tahap pengetahuan pelajar tentang bidang yang dikaji. Antara kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar ialah kebolehan mengarang dengan baik, menguasai statistik dan analisis data dan pengetahuan tentang prinsip-prinsip serta aplikasi ujian dan pengukuran psikologi.

Rujukan:

1. Alias Baba. 1997. *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
2. American Psychological Association. 1994. *Publication Manual of the American Psychological Association*. 4th Ed. Washington: Author.
3. Murphy, K. R. & Davidshofer, C. O. 2000. *Psychological Testing: Principles and Application*. 5th Ed. New Jersey: Prentice-Hall.
4. Shaughnessy, J. J., Zechmeister, E. B. & Zechmeister, J. S. 2000. *Research Method in Psychology*. Chicago: McGraw-Hill.

5. Coleman, A. M. 1995. *Psychological Research Methods and Statistics*. New York: Longman.
6. Gregory, P. J. 1992. *Psychological Testing: History, Principles and Applications*. Boston: Allyn & Bacon.
7. Jackson, W. 1995. *Methods Doing Social Research*. Ontario: Prentice-Hall.

ABA4073 Pra-Praktikum Kaunseling

Kursus ini merupakan pendedahan awal kepada pelajar sebelum mereka menjalani praktikum dan sebelum mereka menempuh alam pekerjaan sebenar. Dalam latihan ini pelajar diminta membuat pemerhatian kajian keperluan di tempat yang dipilih, diminta merancang cadangan program praktikum dan menyenaraikan tugas praktikum. Pelajar akan dibimbing menggunakan alat ujian dan pengukuran psikologi/kaunseling yang sesuai. Kursus ini juga akan membincangkan perancangan dan pembentukan program perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, pengurusan rekod, fail dan laporan perkhidmatan bimbingan atau kaunseling.

Rujukan:

1. Abdul Halim Othman (Ed.). 1997. *Manual Retreat: Kaunseling Kelompok*. Bangi: UKM.
2. Baird, N. B. 1996. *The Internship, Practicum and Field Placement Handbook*. New Jersey: Prentice-Hall.
3. Corey, G. M. & Callahan, P. 1988. *Issues and Ethics in the Helping Professions*. California: Brooks/Cole Publishing Co.
4. American Psychological Association. 1987. *Ethical Principles of Psychologists*. Washington DC: American Psychological Association Inc.
5. Cottone, R. R. & Tarvydas, V. M. t.th. *Ethical and Professional Issues in Counseling*. 2nd Ed. New Jersey: Prentice Hall.
6. Egan, G. 2002. *The Skilled Helper*. Pacific Grove: Brooks Cole.
7. Welfel. E. R. 1998. *Ethics in Counseling & Psychotherapy. Standard, Research and Emerging Issues*. Pacific Grove: Brook Coles.

AAA1033 Prinsip dan Teori Kepimpinan

Kursus ini diperkenalkan kepada pelajar dengan tujuan memberi kefahaman akan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepimpinan, khususnya menurut perspektif Islam. Kursus ini meliputi perbincangan seperti definisi dan pengenalan kepimpinan, prinsip-prinsip kepimpinan, teori-teori kepimpinan, ciri-ciri kepimpinan, sejarah kepimpinan, kewajipan dan tanggungjawab pemimpin, corak dan bidang kepimpinan dan kemahiran dalam kepimpinan. Semua perbincangan akan dianalisis menurut perspektif Islam.

Rujukan:

1. Rahim Abdullah. 1994. *Asas Pengurusan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
2. F. E. Fiedler. 1967. *A Theory of Leadership Effectiveness*. New York: McGraw Hill.
3. L. Huges Richard et. al. 2002. *Leadership Enhancing the Lessons of Experience*. McGraw Hill.
4. J. P. Kotter. 1990. *What Leaders Really Do*. Harvard Business Review. May-June.
5. H. Johari Hj. Alias. 1997. *Menunaikan Kewajipan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Kan'an Nawaf. 1999. *Al-Qiadah al-Idarah*. Amman: Maktabah Dar Thaqaifah.

6.4 Kursus Elektif/Minor Program Kaunseling

Kod	Kursus
LAA2063	Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia
MEA3023	Ekonomi Malaysia
AAD2053	Ilmu Pidato dan Debat
AAM3053	Etika Kerja Islam
AAM3033	Pengurusan Sumber Manusia
UBE2033	Literature In English
UBE2043	Creative Writing
UBE2053	Bahasa Inggeris III

dikehendaki 6 unit sahaja.

Kandungan Kursus Elektif/Minor (LP)

LAA2063 Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia

Kursus ini bertujuan mengkaji tentang kedudukan dan pelaksanaan undang-undang Islam di zaman sebelum penjajah (zaman Melaka), zaman penjajahan dan zaman selepas organisasi pentadbiran agama Islam di Malaysia. Majlis Agama dan Jabatan Agama, dengan memusatkan perbincangan ke atas bahagian pentadbirannya seperti bahagian-bahagian zakat, wakaf, baitulmal, penerangan, masjid dan Majlis Fatwa. Akhirnya kursus ini akan memeriksa dan menilai kuasa-kuasa Mahkamah Qadi dalam perkara mal dan jenayah, merangkum perkara-perkara yang berhubung dengan undang-undang keluarga Islam, nikah, cerai, nafkah dan jagaan anak.

Rujukan:

1. Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam bagi negeri-negeri di Malaysia.
2. Salleh Buang. 1990. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Central Law Book Company.
3. Ahmad Ibrahim. 1975. *Islamic Law in Malaya*. Singapore: Malaysia Sociological Research Institute Ltd.

4. Abdul Monir Yaacob. 1989. *An Introduction to Malaysian Law*. Bangi: Penerbit UKM.
5. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones. 1992. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

AAM3053 Etika Kerja Islam

Kursus ini akan membincangkan mengenai konsep kerja yang meliputi *al-itqan*, *al-tajdid* dan *al-ibda*, serta perkhidmatan awam yang merangkumi akhlak kerja, kelayakan, tatatertib pentadbiran, muhasabah, kebebasan bersuara, ketaatan dan keadilan. Konsep, ciri-ciri kerja dan perkhidmatan awam juga akan dibicarakan secara umum. Etika kerja Islam menjadi tajuk utama dalam perbincangan kursus ini.

Rujukan:

1. Al-Mawardi, Abu al-Hasan °Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdady. 1966. *Al-Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayah al-Diniyah*. Misr: Syarikah Maktabah wa Matba°ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
2. Badwy, Ahmad Zaky. 1983. *Mu°jam Mustalahat al-°Ulum al-Idariyyah*. Al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Misr.
3. Kattani, °Abd. Hayy. t.th. *Nuzum al-Hukumat al-Nabawiyyah: al-Tartib al-Idariy*. Beirut: Hassan Jana.
4. Mustafa Haji Daud. 1996. *Etika Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
5. Nasr, Sayyed Hossein. 1989. *Etika Kerja Dalam Tradisi Islam*. Terj. oleh Nasir Muhammad. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

AAD2053 Ilmu Pidato dan Debat

Kursus ini membicarakan sejarah perkembangan dan peranan pidato sebagai saluran komunikasi di khalayak ramai. Liputan sejarah umat manusia mencakupi peranan pidato dan debat sejak pra-Islam hingga kini. Kaedah-kaedah dan cara-cara berpidato dan berdebat akan dipelajari sebagai media berdakwah. Penekanan diberi kepada teknik dan tata cara penyampaian khutbah yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah serta kemahiran sebagai iman dan khatib. Selain itu akan diadakan latihan amali untuk

memahirkan diri dalam bidang pidato dan debat serta penyampaian khutbah ibadah. Latihan ini akan diatur kepada semua yang mengikuti kursus ini bagi melahirkan pendakwah yang mahir berkomunikasi di hadapan khalayak untuk menyampaikan risalah dakwah secara berkesan.

Rujukan:

1. Muhamad Abu Zahrah. t.th. *Al-Khitabah*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabi.
2. Ali Mahfuz. 1947. *Mudhakkirah al-Khitabah*. Al-Qahirah: Dar al-Tiba'ah wa al-Nashr al-Islamiyyah.
3. Muhammad Abd al-Aziz al-Khuli. 1961. *Islah al-Wa'z al-Dini*. Al-Qahirah: Al-Maktabah al-Tijarah al-Kubra.
4. Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni. 1993. *Al-Madkhal ila al-Da'wah*. Beirut: Muassassah al-Risalah.

AAM3033 Pengurusan Sumber Manusia

Kursus ini menekankan pengurusan sahsiah Islam melalui proses tarbiyah dan latihan sepada antara aspek rohani, mental, emosi dan fizikal sebagai seorang khalifah Allah di bumi. Kemahiran khusus diberi tumpuan utama kepada aspek pengurusan personaliti sebagai pendakwah dan pemimpin. Di samping itu diberi penekanan dari aspek perancangan gunatenaga, pengambilan dan pemilihan tenaga kerja, penilaian, motivasi dan keselamatan.

Rujukan:

1. Abu al-Fadl, Abd al-Shafy Muhammad. 1996. *Al-Qiyadah al-Idariyah fi al-Islam*. Al-Qahirah: Al-Ma'had al-'Alamy li al-Fikr al-Islamy.
2. Al-Thalib, Hisyam. 1994M/1414H. *Dalil al-Tanmiyah al-Basyariyah*. Al-Qahirah: Al-Ma'had al-'Alamy li al-Fikr al-Islamy.
3. Mondy, R. W. & R. M. Noe. 1990. *Human Resource Management*. Allyn & Bacon.
4. Rowland, K. M. & G. R. Ferris. 1986. *Current Issues in Personnel Management*. Allyn & Bacon.

5. Shaharom TM Sulaiman. 1997. *Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.

MEA3023 Ekonomi Malaysia

Memahami ekonomi Malaysia adalah merupakan suatu pengetahuan penting kepada graduan yang akan beroperasi di negara ini. Aspek-aspek berkaitan dengan dasar-dasar ekonomi dan kewangan negara adalah merupakan antara topik-topik utama yang ditekankan, iaitu selain daripada topik-topik berkaitan dengan hubungan ekonomi serantau, blok-blok ekonomi dan prinsip ekonomi bebas.

Rujukan :

1. Chamhuri Siwar & Surtahman Kastin Hasan. 1985. *Ekonomi Malaysia*. Kuala Lumpur: Longman Malaysia.
2. Khor, K. P. 1983. *The Malaysian Economy: Structure and Dependence*. Kuala Lumpur: Marican & Son.
3. Bank Negara Malaysia. *Annual Economics Reports*.
4. Ministry of Finance Malaysia. *Annual Economic Reports*.

UBE2033 Literature In English

This course introduces students to the different genres found in literature, namely novels, short stories, dramatic plays and poems. Students will be exposed to language that is genuine and undistorted and the many different linguistic uses, forms and conventions of the written mode: irony, exposition, argument, narration and others. Emphasis will cover fundamental human issues which will be discussed using the different genres as a means. In addition, through the study of texts by authors of diverse backgrounds, students will learn more about different cultures, beliefs and norms. They will also become more open to new attitudes, perspectives and ways of looking at life, thus able to carry out dakwah activities, present an attractive picture of the Muslim Ummah, and strengthen the self-esteem and confidence of the Muslims.

Textbook:

1. Paton, A. t.th. *Cry, the Beloved Country*. London: Pearson Education Limited.

OR

2. Frank, A. t.th. *The Diary of a Young Girl*. London: Pearson Education Limited.

Other References:

1. Shakespeare, W. t.th. *Three Great Plays of Shakespeare*. London: Pearson Education Limited London.
2. Jegadeva, G. 1992. *Wordscapes: An Anthology of Poems and Prose*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
3. Muhammad Haji Salleh. 1978. *Time and Its People*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

UBE2043 Creative Writing

Students will learn the basic principles of the different forms of literary expression. In addition, they will be required to write a short story or a play, an essay, a letter, and a poem. Brainstorming, outlining, mind mapping, group work, as well as presentations are planned. There will be two term tests and a final examination. It is expected that all literary expression by the students will have a didactic function, one that is in harmony with, and indeed upholds, Islamic values.

Textbook:

1. Whitley, Carol. 2002. *The Everything Creative Writing Book*. Massachusetts: Adams Media Corporation.

UBE2053 Bahasa Inggeris III

This course aims to further equip students with the various language skills namely listening, speaking, reading and writing as well as the vocabulary and rudiments of the English Language. It also aims to expose students to the specific answering techniques for Malaysian University English Test (MUET). In addition, through the exposure to the various academic genres such as formal essays, term papers, reports and summaries as well as other genres in the social contexts, it is hoped that students will be able to enhance their communicative competence and perform effectively in their academic pursuits at tertiary level.

References:

1. Ng Keat Siew et. al. 2002. *Study Skills for the Malaysian University English Test*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
2. Ng Keat Siew et. al. 2000. *Preparation for the Malaysian University English Test*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
3. Teoh Swee Ai & Zainab Mohd. Noor. 2000. *Test-taking Strategies for MUET*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4. t.p. 2001. *Mainstream English 1: A Basic Course for MUET*. Kuala Lumpur: Longman.

**PERATURAN-PERATURAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
(KUIM)**

(Pengajian Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian) 2003

**PERATURAN-PERATURAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN SARJANA MUDA KAUNSELING DENGAN KEPUJIAN) 2003**

1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan hendaklah mula berkuatkuasa pada Mei 2003.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat ijazah KUIM selepas tarikh Peraturan ini berkuatkuasa.
- 1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tujuan pengijazahan untuk ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian.

2. Syarat Kemasukan

- 2.1 Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya lima mata pelajaran iaitu:

- Bahasa Melayu
- Bahasa Arab Tinggi
- **Dua** daripada mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Arab Komunikasi
 - Pendidikan Islam
 - Tasawwur Islam
 - Pendidikan Syariah Islamiyyah
 - Pendidikan al-Quran & al-Sunnah
- Satu mata pelajaran lain

Serta lulus dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di peringkat tersebut;

DAN

- 2.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:
 - 2.2.1 Memiliki STPM dan lulus penuh dalam mata pelajaran berikut:

- Pengajian Am/Kertas Am
- Bahasa Arab
- Syariah/Usuluddin;

ATAU

- 2.2.2 Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang baik, sekurang-kurangnya di peringkat Jayyid; ATAU
- 2.2.3 Mempunyai Diploma dalam bidang yang sesuai dengan kursus yang dipohon (sertakan transkrip akademik daripada semester 1 hingga semester akhir); ATAU
- 2.2.4 Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti DAN
- 2.3 Memenuhi keperluan Malaysian University English Test (MUET) bagi pelajar STPM, STAM dan Diploma bagi tahun semasa.
- 2.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

3. Struktur Pengajian Dan Pengijazahan

3.1 Jumlah Unit

Untuk memperolehi ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya seratus tiga puluh lima (135) unit kursus yang ditetapkan (seperti yang terkandung dalam 3.2).

3.2 Komposisi Kursus

Bagi tujuan pengijazahan, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus-kursus yang meliputi komposisi seperti berikut:

3.2.1 Kursus Universiti (WU) sebanyak 22 unit.

Kursus Universiti (WU) terdiri daripada empat komponen kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:

- a) Empat (4) unit kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia.
- b) Sepuluh (10) unit kursus Pengajian Umum.
- c) Enam (6) unit kursus Latihan Amali.
- d) Dua (2) unit kursus Ko-Kurikulum.

3.2.2 **Kursus Teras Fakulti (WF)** sebanyak 32 unit.

Kursus Teras Fakulti (WF) ialah kursus asas yang wajib diambil oleh pelajar. Ia ditawarkan selama empat semester, mulai semester I hingga semester IV. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:

- a) Lapan (8) unit kursus Bahasa Arab (UBA).
- b) Lapan (8) unit kursus Bahasa Inggeris (UBE).
- c) Enam Belas (16) unit kursus Teras Pengajian Islam (LAA, QAA, AAA).

3.2.3 **Kursus Program (WP)** sebanyak 75 unit

Kursus Program ialah kursus pengkhususan yang wajib diambil oleh pelajar. Ia mengandungi kursus-kursus asas dan kursus-kursus pengkhususan dalam bidang psikologi dan kaunseling. Pelajar dikehendaki lulus dan memperolehi sebanyak 75 unit.

3.2.4 **Kursus Elektif/Minor (LP)** sebanyak 6 unit.

Kursus Elektif/minor ialah mana-mana kursus yang ditawarkan kepada pelajar secara pilihan daripada fakulti-fakulti lain. Pelajar dikehendaki lulus dan memperolehi sekurang-kurangnya enam (6) unit.

3.3 **Kursus Latihan Amali**

Kursus Latihan Amali ialah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Kursus ini bernilai enam (6) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Pelajar dikehendaki menjalani Latihan Amali

di jabatan/agensi yang sesuai dan akan ditentukan oleh KUIM. Ia bertujuan memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dan mewujudkan jalinan kerjasama antara KUIM dengan masyarakat luar. Bagi program Sarjana Muda Kaunseling, kursus ini ditawarkan menerusi ABA 4016 Praktikum (Amali Kaunseling). Kursus ini bernilai enam (6) unit.

3.4 Ko-Kurikulum

Kursus Ko-Kurikulum ialah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Ia bernilai dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Unit kursus ini akan diambil sebagai sebahagian daripada syarat pengajian untuk Pengijazahan.

Kursus ini bertujuan untuk penyuburan dan pengukuhan intelektual dan jasmani. Antara aktiviti ko-kurikulum ialah:

- 3.4.1 Pengajian *Halaqah* bagi memahami dan mendalami kitab-kitab *turath* yang berkaitan dengan kaunseling. Pengajian ini dijalankan selama empat (4) semester dan bernilai satu (1) unit.
- 3.4.2 *Muhadathah Hurrah* bertujuan memberi kemahiran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan Pengucapan Awam dan dijalankan selama dua (2) semester serta bernilai satu (1) unit. Pelaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

3.5 Pengecualian

Senat KUIM boleh memberi pengecualian daripada Peraturan 3.1 di atas kepada seseorang pelajar dengan syarat:

- 3.5.1 Pelajar dianggap telah mencapai nilai unit bagi kursus-kursus yang dikecualikan itu.
- 3.5.2 Pengecualian maksimum jumlah unit yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar adalah tertakluk kepada

persetujuan program pengajian berkenaan berdasarkan kepada rekod pencapaian akademik pelajar berkenaan.

3.6 Tempoh Pengajian

- 3.6.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian peringkat ijazah ialah tidak kurang daripada lapan (8) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) semester. Pengiraan tempoh pengajian dikira bermula dari tarikh pendaftaran pertama pelajar memasuki pengajian peringkat ijazah.
- 3.6.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum dua belas (12) semester itu boleh diberi oleh Senat KUIM kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.
- 3.6.3 Pelajar yang diberi pengecualian daripada sebilangan unit kursus semasa penerimaan masuk, maka tempoh minimum yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada bilangan unit yang dikecualikan.

3.7 Pendaftaran Kursus

- 3.7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada setiap permulaan semester.
- 3.7.2 Pendaftaran kursus hendaklah tidak kurang daripada lima belas (15) unit dan tidak melebihi dua puluh (20) unit pada setiap semester. Pendaftaran yang kurang daripada lima belas (15) unit dan yang lebih daripada dua puluh (20) unit hanya boleh diberikan dengan kebenaran Dekan.
- 3.7.3 Pelajar boleh melakukan penukaran kursus yang telah didaftar dengan kursus lain dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 3.7.4 Pelajar juga dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester. Pelajar yang ingin menggugurkan kursus selepas minggu keempat akan dianggap sebagai Tarik Diri (TD) tertakluk kepada peraturan 4.4.5.

3.7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum lima belas (15) unit kursus bagi sesuatu semester, kecuali bagi pelajar yang diberi kebenaran mendaftar seperti yang diperuntukkan dalam 3.7.2 di atas. Bagi kursus yang diberi kebenaran penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG).

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

3.7.6 Pelajar turut dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut hendaklah mendapat kebenaran Dekan dan dibuat di antara minggu keempat (4) hingga minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

4. Struktur Penilaian

4.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini akan diberi kepada aspek penyediaan kerja kursus sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.

4.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada 40% daripada kerja kursus atau peperiksaan pertengahan semester dan 60% lagi daripada peperiksaan akhir semester.

4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf
A	4.00	Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	
B	3.00	Kepujian
B-	2.67	
C+	2.33	
C	2.00	Lulus
C-	1.67	
D+	1.33	
D	1.00	

Pindaan
Senat Khas
Bil 1/2003

E	0.00	Gagal
L/G	Lulus/Gagal	
TL	Tidak Lengkap	
SM	Sedang Maju	
U	Audit	
TD	Tarik Diri	
TG	Tangguh Pengajian	
TP	Tangguh Peperiksaan	
X	Tidak Hadir	

Pindaan
Senat Kali
Ke-19/2004

4.4 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred ialah:

- 4.4.1 L/G (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 4.4.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Program berkenaan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.
- 4.4.3 SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata penilaian apabila gred SM digantikan dengan gred biasa.
- 4.4.4 U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

4.4.5 TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh antara minggu keempat (4) hingga minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

4.4.6 TG (Tanggung Pengajian) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menanggungkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.

4.4.7 TP (Tanggung Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menanggungkan peperiksaan di bawah perkara “8.6 Penanggungkan Peperiksaan”. Jika diluluskan, peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang boleh.

5. Sistem Penilaian Dan Purata Nilai Gred (PNG)

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), kecuali kursus Latihan Amali dan Ko-Kurikulum.
- 5.2 Kursus yang mendapat gred “E” (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
- 5.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan dengan ini gred “E” (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNG dan PNGK tersebut.
- 5.4 Pengiraan PNG dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

5.4.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Jumlah nilai gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3;

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

yang mana

G_i = Nilai gred kursus ke-i

U_i = Unit kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.33	3	09.99
AAA 1053	A-	3.67	3	11.01
AAA 1073	E	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.33	3	06.99
JUMLAH			15	39.99

PNG Semester = 39.99/15

PNG = 2.67

5.4.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perkara 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.33	3	09.99
AAA 1053	A-	3.67	3	11.01
AAA 1073	E	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.33	3	06.99
JUMLAH			15	39.99

PNG Semester = 39.99/15

PNG = 2.67

Semester II

Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1023	A	4.00	3	12.00
AAA 1043	B+	3.33	3	09.99
AAA 1063	C+	2.33	3	06.99
AAA 1083	A	4.00	3	12.00
AAA 1103	D	1.00	3	03.00
JUMLAH			15	43.98
JUMLAH BESAR			30	83.97

PNG Semester = 33.97/30

PNG = 2.80

6. Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

6.1 **Lulus:** Seseorang pelajar dianggap lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNG 2.00 atau lebih (> 2.00).

6.2 Lulus Bersyarat:

6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNG antara 1.00 hingga 1.99.

6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperoleh PNG kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, pelajar tersebut dianggap gagal dan diberhentikan.

6.3 **Gagal:** Seseorang pelajar dianggap gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh perkara 6.2.2 di atas.

6.4 **Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah**

6.4.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian:

6.4.1.1 Memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas.

6.4.1.2 Mendapat sekurang-kurangnya seratus tiga puluh lima (135) unit daripada kursus-kursus yang diambilnya sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada komposisi kursus yang terdapat dalam 3.2 di atas. Bagi tujuan ini, pelajar dibenar untuk mengumpul unit tambahan dengan tujuan meningkatkan PNGKnya. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang ditetapkan atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada perkara 6.5 berikutnya.

Pindaan
Senat
Kali
ke-10/2002

6.4.2 **Pengurniaan Ijazah**

6.4.2.1 Ijazah yang dikurniakan oleh KUIM ialah Sarjana Muda Dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Kelas
3.67-4.00	Pertama
3.00-3.66	Kedua Bahagian Atas
2.50-2.99	Kedua Bahagian Bawah
2.00-2.49	Ketiga

6.4.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah:

- (a) Memenuhi semua kehendak Akta Sarjana Muda Kaunseling Dengan Kepujian.
- (b) Memenuhi semua kehendak peraturan ini.
- (c) Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Lembaga Peperiksaan dan Senat KUIM.
- (d) Menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

6.5 Pengulangan Kursus

Pindaan
Senat Kali
ke-10/2002

Calon-calon dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred C-, D+ dan D sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

7. Peruntukan-peruntukan Lain

- 7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan oleh KUIM, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan kursus berkenaan setelah Dekan/Ketua Program dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.
- 7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademikya.
- 7.3 Peperiksaan Ulangan Khas
 - 7.3.1. Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah.
 - 7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian ijazah. Gred yang diberikan hanya L atau G (Lulus atau Gagal).
 - 7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas

keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Bayaran yang dikenakan untuk tujuan ini ialah RM50.00.

- 7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program yang berkenaan. Dekan/Ketua Program, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

8. Penggantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan

Pindaan
Senat Kali
ke-19/2004

8.1 Bagi tujuan peraturan ini:

“Penggantungan pendaftaran” bermaksud kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;

Pindaan
Senat Kali
ke-19/2004

“Penangguhan pengajian” bermaksud kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;

“Penangguhan peperiksaan” bermaksud kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;

“Pegawai perubatan/doktor bertauliah” bermaksud pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti; dan

“Sakit” bermaksud ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan.

8.2 Penggantungan Pendaftaran

- 8.2.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar.

Pindaan
Senat Kali
ke-19/2004

- 8.2.2 Tempoh penggantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.3 Penangguhan Pengajian

8.3.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester tertentu oleh Dekan. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada pegawai perubatan/doktor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pegawai selain daripada pegawai perubatan/doktor berkenaan boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/doktor yang memberi rawatan.

Pindaan
Senat Kali
ke-19/2004

8.3.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.

8.3.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perkara 8.3.1 dan perkara 8.3.2 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.

Pindaan
Senat Kali
ke-19/2004

8.3.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu kesepuluh (10) tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan perkara 8.3.1 atau perkara 8.3.2 di atas.

8.3.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).

8.4 Tempoh Pendaftaran Semester semasa Penangguhan Pengajian

8.4.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perkara 8.3.1, perkara 8.3.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam perkara 8.3.4 di atas tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 peraturan ini.

Pindaan
Senat Kali
ke-19/2004

8.4.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 8.4.1 di atas diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 peraturan ini.

Pindaan
Senat Kali
ke-19/2004

8.4.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.5 Status Sebagai Seorang Pelajar KUIM

Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar KUIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan KUIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

8.6 Penangguhan Peperiksaan

8.6.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan

untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan.

- 8.6.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.
- 8.6.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam perkara 8.3.1 di atas.
- 8.6.4 Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.

9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan

- 9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.
- 9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 9.3 Tertakluk kepada perkara 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga bulan seperti yang tersebut di dalam perkara 9.2 di atas.
- 9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus

- 10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 10.3 Bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
- 10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program yang berkaitan. Dekan/Ketua Program selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Penyelaras Kursus, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 10.6 Perakuan Panel Pemeriksa dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti/Program. Keputusan mesyuarat Fakulti/Program mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

11. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian

- 11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak RM50.00 dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program. Dekan/Ketua Program hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.
- 11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan/Ketua Program yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, Penyelaras kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti/Program pengajian yang berkaitan.
- 11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
 - 11.5.1 Menerima atau menolak sesuatu rayuan;
 - 11.5.2 Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;
 - 11.5.3 Memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.
- 11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
- 11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

12. Umum

- 12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat KUIM dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh penguatkuasaan Peraturan ini.
- 12.2 Senat KUIM mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan peraturan ini.

**PROGRAM
SARJANA MUDA KOMUNIKASI**

SARJANA MUDA KOMUNIKASI

1. Justifikasi Penubuhan Program

- 1.1 Penawaran program Komunikasi menjadikan KUIM sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama di Malaysia yang menawarkan program yang menggabungkan bidang komunikasi dengan bidang Islam sebagai satu program akademik. Sebelum ini program pengajian komunikasi di IPTA yang ditawarkan adalah secara konvensional.
- 1.2 Program ini sangat penting diperkenalkan di peringkat pengajian tinggi kerana metodologi dakwah secara *bi al-hal* semakin mendapat perhatian daripada pihak yang terlibat dengan aktiviti dakwah. Maka program ini menyediakan landasan yang kukuh bagi menyediakan tenaga kerja serta sumber manusia yang diperlukan untuk memartabatkan Islam di negara ini menerusi program pembangunan manusia dengan menggunakan pendekatan komunikasi.
- 1.3 Program komunikasi dengan pengkhususan penyiaran dan kewartawanan dipilih sebagai melengkapkan bidang komunikasi sedia ada dengan falsafah, prinsip dan nilai-nilai Islam.
- 1.4 Tuntutan masyarakat kepada para pendakwah yang berwibawa semakin meningkat. Tugas dakwah tidak boleh lagi difahami dalam lingkungan pengembangan Islam secara sempit tetapi hendaklah difahami sebagai suatu tugas profesional. Untuk tujuan tersebut, para pendakwah hendaklah dibekalkan dengan pengetahuan serta kemahiran terkini dalam bidang dakwah. Oleh itu, program yang menggabungkan komunikasi dengan dakwah diharap dapat memenuhi keperluan tersebut.
- 1.5 Usaha meningkatkan kefahaman Islam di kalangan masyarakat serta usaha memartabatkan dalam seluruh aspek kehidupan di negara ini menyebabkan munculnya beberapa jabatan, agensi dan pertubuhan-pertubuhan sama ada oleh kerajaan ataupun bukan kerajaan bagi menangani usaha-usaha tersebut. Usaha seperti itu hendaklah diikuti dengan penawaran program pengajian yang sesuai serta diperlukan. Maka program ini diharap dapat mengisi kekosongan yang dihadapi oleh jabatan,

agensi dan pertubuhan tersebut dalam usaha mereka mencapai matlamat yang dirancang.

- 1.6 Penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran awam di Malaysia semakin mendapat perhatian dan mula menampakkan kesan yang sangat positif. Usaha seperti itu hendaklah diikuti secara selari dengan penyediaan tenaga penggerak kepada perkhidmatan awam tersebut. Menerusi program ini, para lulusannya boleh digerakkan untuk memasuki sektor perkhidmatan awam Malaysia terutama yang berkaitan secara langsung dengan perkhidmatan sosial serta kemasyarakatan. Program ini mampu melahirkan individu yang bukan sahaja berpengetahuan dalam bidang dakwah (keIslaman), tetapi juga kemahiran dalam bidang komunikasi secara teori dan amali.
- 1.7 Kebangkitan kesedaran Islam, peningkatan penghayatan Islam serta perkembangan semasa dalam negara memerlukan para pendakwah yang bersifat profesional. Oleh itu, penawaran program baru ini diharap dapat mengisi keperluan negara kepada para pendakwah yang berpengetahuan, berkemahiran serta profesional.
- 1.8 Di negara-negara maju, khususnya di Eropah, komunikasi telah menjadi satu bidang profesional dan sistematik yang boleh mempengaruhi kehidupan masyarakat. Dengan penawaran program ini, tugas-tugas kemasyarakatan dan kesukarelaan di Malaysia dapat dipertingkatkan dan dapat diurus secara lebih profesional serta sistematik kerana para pkerjanya dilatih khusus dalam bidang komunikasi dan dakwah.
- 1.9 Kejayaan aktiviti dakwah sekaligus melambangkan kejayaan Islam juga. Oleh itu program ini penting diwujudkan bagi menjamin supaya individu yang terlibat dengan kerja dakwah telah menerima latihan sewajarnya dalam bidang komunikasi supaya imej Islam yang diperkenalkan benar-benar melambangkan Islam sebenar serta sesuai dengan tuntutan semasa.
- 1.10 Keadaan semasa dalam negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai keturunan dan berbagai kepercayaan agama serta ditambah pula dengan perkembangan dunia tanpa

sempadan kini memerlukan program pengajian Islam yang lebih bersifat liberal. Pengajian Islam, khususnya pengajian dakwah, tidak boleh lagi membungkus dirinya dalam disiplin sempit yang terhad, tetapi memerlukan satu bentuk program yang lebih proaktif, *responsive*, liberal serta komprehensif.

- 1.11 Permasalahan sosial dan berbagai gejala yang timbul dalam masyarakat di negara ini memerlukan para ahli komunikasi terlatih secara profesional. Oleh itu program ini menjadi penting kerana ia dapat melahirkan para graduan yang bakal dilantik berpengetahuan serta berkemahiran bukan sahaja dalam bidang keagamaan tetapi juga dalam bidang komunikasi.

2. Objektif Program

Program Komunikasi ditawarkan bagi melahirkan graduan komunikasi yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan menghayati etika komunikasi serta pada masa yang sama mempunyai asas pengajian Islam yang kukuh bagi memenuhi tuntutan semasa:

- 2.1 Melahirkan graduan yang memiliki pengetahuan komunikasi dan asas pengajian Islam yang kukuh bagi menjalankan tugas-tugas penyiaran, kewartawanan dan penerbitan.
- 2.2 Mengeluarkan siswazah yang matang dalam bidang pengajian Islam dan menghayati nilai-nilai Islam, di samping itu berminat dengan kerja-kerja dakwah dan pengurusan.
- 2.3 Melahirkan tenaga manusia yang mampu menjalankan tugas dan memberi sumbangan *maknawi* dan *maddi* kepada pembangunan masyarakat dan negara terutama dalam bidang dakwah, penerangan, pengurusan dan sebaran am.

3. Syarat-syarat Masuk dan Keperluan Minimum

- 3.1 Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya lima mata pelajaran iaitu:
 - Bahasa Melayu
 - Bahasa Arab Tinggi
 - **Dua** daripada mata pelajaran berikut:

- Bahasa Arab Komunikasi
- Pendidikan Islam
- Tasawwur Islam
- Pendidikan Syariah Islamiyyah
- Pendidikan al-Quran & al-Sunnah
- Satu mata pelajaran lain
- **Serta** lulus dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di peringkat tersebut;

DAN

3.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:

- 3.2.1 Memiliki STPM dan lulus penuh dalam mata pelajaran berikut:
- Pengajian Am/Kertas Am
 - Bahasa Arab
 - Syariah/Usuluddin;

ATAU

- 3.2.2 Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang baik, sekurang-kurangnya di peringkat Jayyid; **ATAU**
- 3.2.3 Mempunyai Diploma dalam bidang yang sesuai dengan kursus yang dipohon (sertakan transkrip akademik daripada semester 1 hingga semester akhir); **ATAU**
- 3.2.4 Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti **DAN**
- 3.3 Memenuhi keperluan Malaysian University English Test (MUET) bagi pelajar STPM, STAM dan Diploma bagi tahun semasa.
- 3.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

4. Komponen Kursus Program Komunikasi

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
1. Kursus Universiti	I. 2 Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia:		
	UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	WU
	UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	WU
	II. 5 Kursus Pengajian Umum:		
	UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat	2	WU
	UTA1042 Pemikiran Kritis dan Kreatif	2	WU
	UTA2012 Pengantar Komunikasi	2	WU
	UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti	2	WU
	UTA2032 Metodologi Penyelidikan	2	WU
	III. 1 Kursus Latihan Amali/Industri		
	ACA4016 Latihan Amali/Industri (Praktikum)	6	WU
	IV. 2 Kursus Ko-Kurikulum:		
	CAA2011 Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)	1	WU
	CAA2021 Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)	1	WU
	Jumlah Unit	22	

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
2. Kursus Teras Fakulti	I. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Arab:		
	UBA1012 Maharat al-Qiraah	2	WF
	UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah	2	WF
	UBA2012 Maharat al-Kitabah	2	WF
	UBA2022 Maharat al-Istima' wa al-Fahm	2	WF
	II. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris:		
	UBE1012 Bahasa Inggeris I	2	WF
	UBE1022 Bahasa Inggeris II	2	WF
	UBE2212 English for Communication I	2	WF
	UBE2222 English for Communication II	2	WF
	III. 8 Kursus Teras Pengajian Islam:		
	AAA1012 Akidah Islam	2	WF
	AAA2022 Akhlak dan Tasawwuf	2	WF
	LAA1012 Fiqh Ibadat dan Munakahat	2	WF
	LAA1052 Fiqh Muamalat dan Jinayat	2	WF
	QAA2012 Pengantar Qiraat dan Hafazan	2	WF
	AAA1022 Metodologi Dakwah	2	WF
	AAA2012 Pemikiran Islam Semasa	2	WF
	LAA1032 Sistem Undang-undang di Malaysia	2	WF
		Jumlah Unit	32

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
3. Kursus Program Komunikasi Dengan Kepujian	ACA1013 Media dan Masyarakat	3	WP
	ACA1023 <i>Nusus al-I'lam</i>	3	WP
	ACA1033 Pengantar Penerbitan	3	WP
	ACA1043 Pengantar Komunikasi Massa	3	WP
	ACA2013 Teknologi Komunikasi	3	WP
	ACA2023 Pengurusan Media	3	WP
	ACA2033 Penyelidikan Komunikasi	3	WP
	ACA2043 Komunikasi Antara Budaya	3	WP
	ACA2053 Penulisan Media Kreatif	3	WP
	ACA2063 Psikologi Komunikasi	3	WP
	ACA3013 Teori Komunikasi	3	WP
	ACA3023 Statistik Komunikasi	3	WP
	ACA3033 Undang-undang Komunikasi	3	WP
	ACA3043 <i>Sulukiyat al-I'lam</i>	3	WP
	ACA4013 Projek Ilmiah	3	WP
	AAA1033 Teori dan Prinsip Kepimpinan	3	WP
	Jumlah Unit	48	

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus	
4. Kursus Pengkhususan Penyiaran	ACB3013	Produksi Audio	3	WP(P)
	ACB3033	Produksi Televisyen	3	WP(P)
	ACB3043	Pengajian Televisyen	3	WP(P)
	ACB4023	Pengajian Filem	3	WP(P)
	ACB3023	Penulisan Skrip dan Lakonlayar - Skrin	3	WP(P)
	ACB3053	Pengurusan Penyiaran	3	WP(P)
	ACB4013	Produksi Filem	3	WP(P)
	ACB4033	Pra-Praktikum Pakej Penyiaran	3	WP(P)
	ACB4043	Seminar Komunikasi (Penyiaran)	3	WP(P)
	Jumlah Unit	27		
5. Kursus Pengkhususan Kewartawanan dan Penerbitan	ACJ3013	Kewartawanan Media I	3	WP(K)
	ACJ3033	Kewartawanan Media II	3	WP(K)
	ACJ4013	Pengurusan Penerbitan	3	WP(K)
	ACJ3043	Multimedia Komunikasi	3	WP(K)
	ACJ3053	Pemberitaan dan Penulisan Rencana	3	WP(K)
	ACJ4023	Analisis dan Penyuntingan Teks	3	WP(K)
	ACJ3023	<i>al-Sahafah fi al-Islam</i>	3	WP(K)
	ACJ4033	Pra-Praktikum Pakej Kewartawanan	3	WP(K)
	ACJ4043	Seminar Komunikasi (Kewartawanan dan Penerbitan)	3	WP(K)
	Jumlah Unit	27		

Komponen Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
6. Kursus Elektif/ Minor #	LAA2063 Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia	3	LP
	MGB3013 Kelakuan Pengguna	3	LP
	AAM3013 Prinsip dan Amalan Pengurusan	3	LP
	AAD2053 Ilmu Pidato dan Debat	3	LP
	MGA1013 Pengantar Perniagaan	3	LP
	ACA4513 Produksi Media Berasaskan Komputer	3	LP
	ACA4523 Penerbitan Radio dan Televisyen Lanjutan	3	LP
	ACA3513 Asas Pengiklanan	3	LP
	ACA4533 Analisis Isu Antarabangsa (Komunikasi Antarabangsa)	3	LP
	ACA4543 Analisis Isu Antarabangsa (Perbandingan Sistem Penyiaran Antarabangsa)	3	LP
	ACA3523 Kewartawanan Media	3	LP
	ACA3533 Seni Fotografi	3	LP
	UBE2033 Literature In English	3	LP
	UBE2043 Creative Writing	3	LP
	UBE2053 Bahasa Inggeris III	3	LP
	Jumlah Unit	6	
	JUMLAH SEMUA	135	

Di kehendaki 6 unit sahaja.

5. Senarai Penawaran Kursus Menurut Semester (I hingga VIII) Program Komunikasi

Semester	Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan	
I	UTA1012	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
	UBA1012	Maharat al-Qiraah	WF	2	3
	UTA1032	Pengantar Teknologi Maklumat	WU	2	3
	UBE1012	Bahasa Inggeris I	WF	2	3
	AAA1012	Akidah Islam	WF	2	3
	LAA1012	Fiqh Ibadat dan Munakahat	WF	2	3
	LAA1032	Sistem Undang-undang di Malaysia	WF	2	3
	CAA2011	Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)	WU	1	1
	ACA3013	Teori Komunikasi	WP	3	3
	JUMLAH		18	24	
II	UTA1022	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	WU	2	2
	UBA1022	Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah	WF	2	3
	UTA1042	Pemikiran Kritis dan Kreatif	WU	2	3
	UBE1022	Bahasa Inggeris II	WF	2	3
	LAA1052	Fiqh Muamalat dan Jinayat	WF	2	3
	AAA1022	Metodologi Dakwah	WF	2	3
	ACA1023	<i>Nusus al-'lam</i>	WP	3	3
	ACA2013	Teknologi Komunikasi	WP	3	3
	ACA1043	Pengantar Komunikasi Massa	WP	3	3
	JUMLAH		21	26	

Semester	Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan	
III	UBE2012	English for Communication I	WF	2	3
	UTA2012	Pengantar Komunikasi	WU	2	3
	UBA2012	Maharat al-Kitabah	WF	2	3
	QAA2012	Pengantar Qiraat dan Hafazan	WF	2	3
	AAA2012	Pemikiran Islam Semasa	WF	2	3
	ACA1033	Pengantar Penerbitan	WP	3	3
	ACA2053	Penulisan Media Kreatif	WP	3	3
	ACA1013	Media dan Masyarakat	WP	3	3
	JUMLAH		19	24	
IV	UTA2022	Asas Pengurusan Kualiti	WU	2	3
	UTA2032	Metodologi Penyelidikan	WU	2	3
	UBA2022	Maharat al-Istima' wa al-Fahm	WF	2	3
	UBE2222	English for Communication II	WF	2	3
	AAA2022	Akhlak dan Tasawwuf	WF	3	3
	ACA2043	Komunikasi Antara Budaya	WP	3	3
	ACA2023	Pengurusan Media	WP	3	3
	ACA2033	Penyelidikan Komunikasi	WP	3	3
AAA1033	Teori dan Prinsip Kepimpinan	WP	3	3	
	JUMLAH		23	27	

Semester	Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan	
V	Bagi Pengkhususan Penyiaran				
	ACA2043	Komunikasi Antara Budaya	WP	3	3
	ACA3023	Statistik Komunikasi	WP	3	3
	ACA3033	Undang-undang Komunikasi	WP	3	3
	ACB3013	Produksi Audio	EP	3	3
	ACB3023	Penulisan Skrip dan Lakonlayar - Skrimin	EP	3	3
	CAA2021	Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)	WU	1	1
	Bagi Pengkhususan Kewartawanan dan Penerbitan				
	ACA3013	Teori Komunikasi	WP	3	3
	ACA3023	Statistik Komunikasi	WP	3	3
	ACA3033	Undang-undang Komunikasi	WP	3	3
	ACJ3013	Kewartawanan Media I	EP	3	3
	ACJ3023	Al-Sahafah fi al-Islam	EP	3	3
	CAA2021	Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)	WU	1	1
	Jumlah			16	16
VI	Bagi Pengkhususan Penyiaran				
	ACA3043	Sulukiyat al-I'lam	WP	3	3
	ACB3033	Produksi Televisyen	EP	3	3
	ACB3043	Pengajian Televisyen	EP	3	3
	ACB3053	Pengurusan Penyiaran	EP	3	3
	Bagi Pengkhususan Kewartawanan dan Penerbitan				
	ACA3043	Sulukiyat al-I'lam	WP	3	3
	ACJ3033	Kewartawanan Media II	EP	3	3
	ACJ3043	Multimedia Komunikasi	EP	3	3
	ACJ3053	Pemberitaan dan Penulisan Rencana	EP	3	3
Jumlah			12	12	

Semester	Kod dan Nama Kursus	Taraf Kursus	Unit	Jam Pertemuan	
VII	Bagi Pengkhususan Penyiaran				
	ACA4013	Projek Ilmiah	WP	3	-
	ACB4013	Produksi Filem	EP	3	3
	ACB4023	Pengajian Filem	EP	3	3
	Satu Kursus Elektif/Minor		LP	3	3
	Bagi Pengkhususan Kewartawanan dan Penerbitan				
	ACA4013	Projek Ilmiah	WP	3	-
	ACJ4013	Pengurusan Penerbitan	EP	3	3
	ACJ4023	Analisis dan Penyuntingan Teks	EP	3	3
	Satu Kursus Elektif/Minor		LP	3	3
Jumlah			12	9	
VIII	Bagi Pengkhususan Penyiaran				
	ACA4016	Latihan Amali/Industri (Praktikum)	WU	6	-
	ACB4033	Pra-Praktikum Pakej Penyiaran	EP	3	3
	ACB4043	Seminar Komunikasi (Penyiaran)	EP	3	3
	Bagi Pengkhususan Kewartawanan dan Penerbitan				
	ACA4016	Latihan Amali/Industri (Praktikum)	WU	6	-
	ACJ4033	Pra-Praktikum Pakej Kewartawanan	EP	3	3
	ACJ4043	Seminar Komunikasi (Kewartawanan dan Penerbitan)	EP	3	3
	Jumlah			12	6
	JUMLAH KREDIT KESELURUHAN PROGRAM			135	147

6. Liputan Kursus Program Komunikasi

6.1 Kursus Universiti (WU)

I. 2 Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia:	
Kod	Kursus
UTA1012	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
UTA1022	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
II. 5 Kursus Pengajian Umum:	
Kod	Kursus
UTA1032	Pengantar Teknologi Maklumat
UTA1042	Pemikiran Kritis dan Kreatif
UTA2012	Pengantar Komunikasi
UTA2022	Asas Pengurusan Kualiti
UTA2032	Metodologi Penyelidikan
III. 1 Kursus Latihan Amali/Industri:	
Kod	Kursus
ACA4016	Latihan Amali/Industri (Praktikum)
IV. 2 Kursus Ko-Kurikulum:	
Kod	Kursus
CAA2011	Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)
CAA2021	Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)

Kandungan Kursus Universiti (WU)

UTA1012 Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Kursus pengenalan tentang Tamadun Islam dan Tamadun Asia ini menyentuh aspek-aspek penting dalam tamadun Islam yang membawa dampak yang besar dan perubahan-perubahan dasar terhadap cara hidup, kebudayaan serta *world-view* masyarakat Islam. Penekanan ditumpukan kepada isu-isu yang mendokong dan mencabar kehidupan bertamadun khususnya berkaitan dengan kemuliaan insan, keadilan sosial, pembangunan bersepadu dan hidup bernegara. Kertas ini juga menghuraikan tentang Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang melalui proses pembinaan negara bangsa (*nation building*) untuk mengangkat kecemerlangan tamadun Islam secara berterusan.

Rujukan:

1. Nazaruddin Mohd Jali, Ismail M. Rashid & Nuazmi Kuntum. 1996. *Kenegaraan Malaysia: Sejarah Awal Kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
2. Zainal Abidin Abd. Wahid. 1979. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Syed Mohamad Dawilah al-Edrus. 1993. *Epistemologi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Seyyed Hossein Nasr. 1981. *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*. Boulder: Shambhala.
5. Seyyed Hossein Nasr. 1984. *Science and Civilization in Islam*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

UTA1022 Tamadun Islam dan Tamadun Asia

Kursus ini merangkumi interaksi antara tamadun Islam dengan tamadun-tamadun besar Asia yang lain seperti India, China dan Jepun dan termasuklah tamadun peribumi Malaysia. Pendedahan secara 'thematic' terhadap tamadun besar Asia yang mempunyai hubungan sejarah dan budaya dengan tamadun Melayu akan mewujudkan sikap kesalingan untuk mengetahui, menghargai dan menghormati kekuatan silam. Selain daripada itu, kertas ini juga meneliti pertembungan budaya dan ciri-ciri peradaban dalam tamadun-

tamadun tersebut yang memandang kehidupan di dunia secara ideal, penuh dengan keharmonian, keseimbangan dan keamanan sejagat.

Rujukan:

1. Syed Naquib al-Attas. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of Malay-Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Romila Thapar. 1966. *A History of India*. Vol. 1. London: Penguin Books.
3. Hilda Hookman. 1972. *A Short History of China*. Ontario: St. Martin's Press, Inc.
4. M. Rajendran. 1988. *Sejarah Jepun*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.
5. t.p. 2001. *Buku Teks Kursus TITAS untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

UTA1032 Pengantar Teknologi Maklumat

Kursus ini memperkenalkan kaedah dan teknik dalam Teknologi Maklumat (TM). Peranan dan dampak TM kepada organisasi-organisasi pengeluaran, spesifikasi kerja dan kemahiran. Hubungan sistem TM dengan pengurusan - sistem kewangan, sistem operasi kawalan, sistem sokongan keputusan, sistem sokongan eksekutif, sistem maklumat pengurusan, sistem pakar, sistem berasas pengetahuan dan lain-lain. Revolusi TM - semasa dan perkembangan masa depan. Penilaian TM - analisis kos dan manfaat.

Rujukan:

1. Zonkoczy, P. 1990. *Information Technology - an Introduction*. 3rd Ed. Pitman.
2. Forester, T. (Ed.). 1985. *The Information Technology Revolution*. Blackwell.
3. London, K. C. & London, J. P. 1991. *Management Information System*. 2nd Ed. MacMillan.
4. Winfield, I. 1991. *Organisations and Information Technology*. Blackwell.

5. Eason, K. 1990. *Information Technology and Organisational Change*. Taylor & Francis.

UTA1042 Pemikiran Kritis Dan Kreatif

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada teknik berfikir yang dinamik bagi mewujudkan sikap berani mengeluarkan pendapat yang bernas dan bijak mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Ia mendedahkan pelajar kepada berfikir secara logik sebagai alat untuk menilai dalil dalam proses penghujahan. Antara aspek yang diajar termasuk pendalilan deduktif dan induktif, teori falasi, silogisme, bahasa dan definisi, syarat cukup dan syarat perlu dan makna emotif. Aspek tersebut membolehkan pelajar membezakan antara hujahan yang baik dan hujahan yang tidak berkesan. Kursus ini juga untuk membina kebolehan menginovasi dan berfikir secara kreatif, juga menggalakkan dan memberangsangkan keinginan pelajar-pelajar untuk sentiasa menginovasikan pengetahuan dan kepakaran dalam kursus-kursus lain dan aktiviti-aktiviti lain.

Rujukan:

1. Ainon Muhammad. 1993. *Teknik Berfikir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Copi, I. M. & Cohen, Carl. 1990. *Introduction to Logic*. Edisi Ke-8. New York: Macmillan.
3. Dauer, F. W. 1989. *Critical Thinking: An Introduction to Reasoning*. Oxford: Oxford University Press.
4. Twiss Briau. 1985. *Managerial Innovation*. IMCB Press Ltd.
5. Mckeller, Peter. *Imagination and Thinking*. Cohen & West.

UTA2012 Pengantar Komunikasi

Kursus ini memperkenalkan dalam konteks apa komunikasi berlaku. Ia akan membincangkan proses dan teori sebagaimana ia berlaku di dalam dan di kalangan individu, kumpulan, organisasi dan masyarakat. Ia meneroka komunikasi antara peribadi, kumpulan dan organisasi. Teknologi komunikasi, perkembangan bahasa, amalan retorik perbahasan, teori komunikasi, pembujukan, aspek komunikasi filem dan televisyen dan berkaitan.

Rujukan:

1. Barker, Larry L. & Deborah A. Barker. 1993. *Communication*. Edisi Ke-6. Englewood, Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
2. Burgoon, Michael, Frank Hunsakar & Edwin J. Dawson. 1994. *Human Communication*. Edisi Ke-3. London: Sage.
3. Gamble, Teri & Michael Gamble. 1994. *Public Speaking in the Age of Diversity*. Boston: Allyn & Bacon.
4. McAuley, Jack G. 1988. *Komunikasi Antara Manusia* (terj. Mohd Safar Hasim & Fatimah Yusoff). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Ruben, Brent D. 1984. *Communication and Human Behaviour*. New York: MacMillan Publishing Co.

UTA2022 Asas Pengurusan Kualiti

Kursus ini memperkenalkan para pelajar kepada konsep dan isu kualiti termasuk pengurusan dan sistem kualiti. Sejarah perkembangan dan tokoh-tokoh yang telah memajukan konsep ini turut diperkenalkan. Melalui kursus ini, para pelajar akan didedahkan kepada kepentingan kualiti dalam perkhidmatan dan pengurusan pentadbiran organisasi. Prinsip, kaedah dan pelaksanaan sistem kualiti akan turut diberi penekanan. Huraian tentang sistem-sistem pengurusan kualiti antarabangsa termasuk ISO 9000 turut dilakukan.

Rujukan:

1. Besterfield, D. H. 1995. *Total Quality Management*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
2. Crosby, P. B. 1984. *Quality Without Tears*. New York: McGraw-Hill Book Company.
3. Deming, W. E. 1986. *Out of the Crises*. Cambridge, Massachusetts: MIT Centre for Advanced Engineering.
4. Juran, J. M. 1980. *Quality Control Handbook*. Edisi Ke-4. New York: McGraw-Hill Book Company.
5. Mokhtar Abdullah & Wan Jaafar Wan Endut. 1996. "Asas Pengurusan Kualiti Menyeluruh" *Manuskrip Pusat Peningkatan Kualiti dan Produktiviti*. Fakulti Sains Matematik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

UTA2032 Metodologi Penyelidikan

Kursus ini akan memberi tumpuan khas kepada proses penyelidikan dari tahap awal mengenal pasti masalah kajian hingga ke tahap menginterpretasi secara menyeluruh penemuan kajian. Perbincangan mengenainya akan merangkumi tajuk-tajuk seperti falsafah dan etika penyelidikan, konsep dan unsur asas penyelidikan, reka bentuk kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data, pengujian dan pengukuran serta pemprosesan dan penganalisan data. Selain daripada itu, kaedah bagi penyediaan proposal serta laporan kajian juga akan dibincangkan.

Rujukan:

1. Kerlinger, F. N. 1973. *Foundations of Behavioral Research*. Edisi Ke-2. London: Holt, Rinehart & Winston.
2. Kiess, H. O. & Bloomquist, D. W. 1985. *Psychological Research Methods*. Boston: Allyn & Bacon, Inc.
3. Marken, R. 1981. *Methods in Experimental Psychology*. California: Brooks/Cole Publishing Co.
4. Ahmad Mahzan Ayob. 1983. *Kaedah Penyelidikan Sosio-Ekonomi - Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Adler, Emily Stier & Roger Clark. 2003. *How It Done. An Invitation to Social Research*. Singapore: Thomson Learning.

ABA4016 Latihan Amali/Industri (Praktikum)

Kursus ini akan memberi peluang kepada pelajar menjalani latihan amali di jabatan atau agensi yang sesuai dan akan ditentukan oleh KUIM. Tujuannya memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dan mewujudkan jalinan kerjasama antara KUIM dengan masyarakat luar.

Ko-Kurikulum

Kursus Ko-Kurikulum ialah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Ia bernilai dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya

tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Unit kursus ini akan diambil sebagai sebahagian daripada syarat pengajian untuk Pengijazahan. Kursus ini bertujuan untuk penyuburan dan pengukuhan intelektual dan jasmani. Bagi melaksanakan kursus ini pelajar akan mengikuti dua modul aktiviti pembelajaran seperti berikut:

i) CAA2011 Ko-Kurikulum (*Pengajian Halaqah*)

Kursus ini adalah pengajian *halaqah* yakni kajian teks bagi memahami dan mendalami teks kitab-kitab *turath* yang muktabar dan berkaitan dengan komunikasi. Pengajian ini dijalankan selama empat semester dan bernilai satu unit.

ii) CAA2021 Ko-Kurikulum (*Muhadathah Hurrah*)

Kursus ini bertujuan memberi kemahiran berucap dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan Kemahiran Pengucapan Awam (*public speaking skill*) dan dijalankan selama dua semester serta bernilai satu unit. Perlaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

6.2 Kursus Teras Fakulti (WF)

I. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Arab:

Kod	Kursus
UBA1012	Maharat al-Qiraah
UBA1022	Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah
UBA2012	Maharat al-Kitabah
UBA2022	Maharat al-Istima' wa al-Fahm

II. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris:

Kod	Kursus
UBE1012	Bahasa Inggeris I
UBE1022	Bahasa Inggeris II
UBE2212	English for Communication I
UBE2222	English for Communication II

III. 8 Kursus Teras Pengajian Islam:

Kod	Kursus
AAA1012	Akidah Islam
AAA2022	Akhlak dan Tasawwuf
LAA1012	Fiqh Ibadat dan Munakahat
LAA1052	Fiqh Muamalat dan Jinayat
QAA2012	Pengantar Qiraat dan Hafazan
AAA1022	Metodologi Dakwah
AAA2012	Pemikiran Islam Semasa
LAA1032	Sistem Undang-undang di Malaysia

Kandungan Kursus Teras Fakulti (WF)

UBA1012 Maharat al-Qiraah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar memahami kemahiran *al-qiraah* melalui teks-teks pilihan dengan penekanan kepada kemahiran membariskan petikan, *al-qiraat al-samitah*, *al-qiraah al-jahriyah*, latihan lisan dan kaedah *al-impla' wa al-tarqim*. Kemahiran *al-qiraah* ini disokong oleh kemahiran bahasa dan *nahu* dengan penekanan kepada *al-nahw al-wazifi*.

Rujukan:

1. Ibrahim, Abd al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-Wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
2. Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-Wafi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
3. Al-Hamlawi, Ahmad. 1965. *Shadh al-'Urf*. Al-Qahirah: Maktabat wa Matbaat Mustafa al-Babi al-Halabi.
4. Sini, Mahmud Ismail. 1993. *Al-Qiraat al-Muyassarah*. Arab Saudi: Jami'at al-Malik Su'ud.
5. Petikan akhbar dan majalah Arab semasa.

UBA1022 Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran *al-muhadathah* dan *al-khatabah* melalui teks-teks pilihan daripada perbualan dan dialog semasa dan latihan *al-khatabah* secara spontan. Topik-topik *nahu* dan *sarf* yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kursus sebelumnya.

Rujukan:

1. Sini, Mahmud Ismail. 1982. *Al-Arabiyah li al-Hayat*. Saudi Arabia: Jamiat al-Malik Su'ud.
2. Ibrahim, Abd al-'Alim. 1996. *Al-Nahw al-Wazifi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
3. Hassan, Abbas. 1981. *Al-Nahw al-Wafi*. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.

4. Al-Khatib, Muhammad Khalil. 1983. *Khutab al-Mustafa s.a.w.* Al-Qahirah: Dar al-I'tisam.
5. Petikan akhbar dan majalah Arab semasa (berkenaan *muhadathah* dan *khitabah*).

UBA2012 Maharat al-Kitabah

Kursus ini bertujuan membimbing pelajar menguasai kemahiran menulis melalui teks-teks pilihan semasa dan *turath* dalam bidang penulisan *al-insha'*, *al-maqalah*, *al-rasail*, *al-taqrir*, *al-muzakkirah* dan lain-lain dengan fokus kepada kajian gaya bahasa Arab. Topik-topik *nahu* dan *sarf* yang dibincangkan dalam kursus ini sebagai pengukuhan kepada kemahiran bahasa dan *nahu* pelajar.

Rujukan:

1. Al-Qalqashandi, Abu al-Abbas. 1987. *Subh al-'Asha fi Sinaat al-Insha'*. Edit: Mohd. Husain Shamsuddin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
2. Sini, Mahmud Ismail. 1966. *Al-Mu'jam al-Siyaqi*. Lubnan: Maktabat Lubnan.
3. Mansyn, Abdul Aleem El Sayed. t.th. *Sentence Dictionary English/Arabic Sentence*. Cairo: Madbouuly Bookshop.
Kursus ini bertujuan mengkaji tentang kedudukan dan pelaksanaan undang-undang Islam di zaman sebelum penjajah (zaman Melaka), zaman penjajahan dan zaman selepas organisasi pentadbiran agama Islam di Malaysia. Majlis Agama dan Jabatan Agama, dengan memusatkan perbincangan ke atas bahagian pentadbirannya seperti bahagian-bahagian zakat, wakaf, baitulmal, penerangan, masjid dan Majlis Fatwa. Akhirnya kursus ini akan memeriksa dan menilai kuasa-kuasa Mahkamah Qadi dalam perkara mal dan jenayah, merangkum perkara-perkara yang berhubung dengan undang-undang keluarga Islam, nikah, cerai, nafkah dan jagaan anak.

Rujukan:

1. Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam bagi Negeri-negeri di Malaysia.
2. Salleh Buang. 1990. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Central Law Book Company.
3. Ahmad Ibrahim. 1975. *Islamic Law in Malaya*. Singapore: Malaysia Sociological Research Institute Ltd.
4. Abdul Monir Yaacob. 1989. *An Introduction to Malaysian Law*. Bangi: Penerbit UKM.
5. Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones. 1992. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

MGB3013 Kelakuan Pengguna

Kursus ini bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada pelajar terhadap berbagai-bagai teori kelakuan dan tindakan manusia sebagai pengguna. Diharapkan dengan pemahaman ini akan membolehkan pelajar menerapkan konsep ini dalam aktiviti rancangan pemasaran dan jualan dalam organisasi yang berkenaan. Pandangan Islam terhadap akhlak dan kelakuan manusia juga dibincangkan.

Rujukan:

1. Dubois, B. 2001. *Understanding the Consumer: Financial Approach*. t.tpt.: Prentice Hall.
2. Hanna, N. & Wozniak, R. 2001. *Consumer Behavior: An Applied Approach*. t.tpt.: Prentice Hall.
3. Mowen, J. C. & Minor, M. S. 2001. *Consumer Behavior: A Framework*. t.tpt.: Prentice Hall.
4. Kardes, F. R. 1999. *Consumer Behavior and Managerial Decision Making*. t.tpt.: Prentice Hall.
5. Brooker, Will & Deborah Jermys. 2002. *The Audience Studies Reader*. Singapore: Routledge, Taylor & Francis Group.

MGA1013 Pengantar Perniagaan

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada jenis-jenis dan fungsi perniagaan yang meliputi pengeluaran, pemasaran, perakaunan dan kewangan, dan pengurusan sumber manusia. Di samping itu, kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap kepentingan perniagaan dalam Islam, kaedah-kaedah perniagaan berdasarkan kepada perspektif Islam.

Rujukan:

1. Fry, F. & Stoner, C. 2001. *Business: An Integrative Framework*. 2nd Ed. t.tpt.: McGraw-Hill International.
2. Nickels, W. & Mc Hugh. J. 2011. *Understanding Business*. 5th Ed. t.tpt.: McGraw-Hill International.
3. Ferrel, O. C. & A. Hirt, G. 2000. *Business a Changing World*. 3rd Ed. t.tpt.: McGraw-Hill: International Book Company.
4. Syed Abul A'ala Maududi. 1984. *Economic System of Islam*. Lahore: Islamic Publication Ltd.
5. Hamilton, Cheryl & Cordell Parker. 2001. *Communicating for Result: The Guide for Business and Professionals*. Singapore: Thomson Learning.

AAM3013 Prinsip dan Amalan Pengurusan

Kursus ini membincangkan tentang prinsip pengurusan antaranya pembahagian dan pengkhususan kerja, autoriti, disiplin, kepaduan arahan dan tindakan, pengorbanan individu, ganjaran, prinsip pemusatan, rekabentuk kerja, pengurusan, persamaan dan kerjasama. Amalan pengurusan ialah membuat keputusan, perancangan, pengurusan dan pengorganisasian, dorongan, komunikasi, penyelarasan dan penilaian. Termasuk juga konsep asas dalam pentadbiran Islam: konsep Tauhid, Syura, keadilan, persamaan hak, kooperatif dan kepimpinan.

Rujukan:

1. Ussaf, Mahmud. 1976. *Usul al-Idarah*. Al-Qahirah: Dar al-Nasr al-'Arabi.

2. Miller, Katherine. 2003. *Organizational Communication: Approaches and Processes*. Singapore: Thomson Learning.
3. Conrad, Charles & Marshall Scott. 2002. *Strategies Organizational Communication*. Singapore: Thomson Learning.

AAD2053 Ilmu Pidato dan Debat

Kursus ini membicarakan sejarah perkembangan dan peranan pidato sebagai saluran komunikasi di khalayak ramai. Liputan sejarah umat manusia mencakup peranan pidato dan debat sejak pra-Islam hingga kini. Kaedah-kaedah dan cara-cara berpidato dan berdebat akan dipelajari sebagai media berdakwah. Penekanan diberi kepada teknik dan tata cara penyampaian “khutbah” yang berkaitan dengan pelaksanaan ibadah serta kemahiran sebagai imam dan khatib. Selain itu, akan diadakan latihan amali untuk memahirkan diri dalam bidang pidato dan debat serta penyampaian khutbah ibadah. Latihan ini akan diatur kepada semua yang mengikuti kursus ini bagi melahirkan pendakwah yang mahir berkomunikasi di hadapan khalayak untuk menyampaikan risalah dakwah secara berkesan.

Rujukan:

1. Muhammad Abu Zahrah. 1934. *Al-Khitabah*. Al-Qahirah: Dar al-Fikr al-Arabi.
2. Ali Mahfuz. 1947. *Mudhakkirah al-Khitabah*. Al-Qahirah: Dar al-Tiba’ah wa al-Nashr al-Islamiyyah.
3. Muhammad Abd al-Aziz al-Khuli. 1961. *Islah al-Wa’z al-Dini*. Al-Qahirah: Al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra.
4. Huglen, Mark E. & Norman C. Clark. 2004. *Argument Strategies from Aristotle’s Rhetoric*. Singapore: Thomson Learning.
5. Griffin, Cindy L. 2004. *Invitation to Public Speaking*. Singapore: Thomson Learning.

ACA4513 Produksi Media Berasaskan Komputer

Kursus ini membekalkan pelajar dengan pemahaman asas, pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknik-teknik penerbitan menggunakan komputer. Kursus ini memfokus kepada cara dan teknik merekabentuk akhbar, majalah dan brosur. Ia meliputi pengetahuan berkenaan rekabentuk mukasurat, latar

(*setting*) dan sebagainya menggunakan pelbagai program komputer seperti Adobe Photoshop, QuarkXpress, Pagemaker, Director Macromedia dan sebagainya.

Rujukan:

1. Makuta, Daniel J. & Lawrence, William F. 1986. *The Complete Desktop Publisher*. Grensboro, N. C.: "Compute!" Publications.
2. Moen, Darul R. 1984. *Newspaper Layout and Design*. Ames, Iowa: The Iowa State University Press.
3. Lichty, Tom. 1994. *Design Principles for Desktop Publishers*. Belmont, California: Wadsworth Publishing Co.
4. Stevenson, Douglas & Robert Wolenile. 1999. *Creating PC Video*. Oxford: Focal Press.
5. Subotnik, Steven. 2002. *Animation in the Home Digital Studio*. Oxford: Focal Press.

ACA4523 Penerbitan Radio dan Televisyen Lanjutan

Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan kemahiran para pelajar tentang penerbitan radio, televisyen dan penerbitan media, juga dikehendaki Latihan Sangkut dengan RTM (Angkasapuri), Perkhidmatan sebaran pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia) atau lain-lain organisasi penyiaran. Pelajar dikehendaki menerbitkan program televisyen dan video secara berkumpulan.

Rujukan:

1. Gilberg, S. D. 1977. *Television Studio Production: Television Manual for Production at Electronic Media*. Syracuse: Television, Radio-Film. Dept.
2. Hilliard, R. L. 1976. *Television Broadcasting: In Introduction*. New York: Hasting House.
3. Origel, R. S. 1977. *Audio Control Handbook for Radio and Television*. New York: Communications Arts Books

4. Stashett, E. 1977. *The Television Program: Its Direction Production*. Edisi Ke-5. New York: Hill & Long.
5. Zettl, H. 1976. *Television Production Handbook*. California: Wadsworth Publication Co. Inc.

ACA3513 Asas Pengiklanan

Kursus ini memberi penekanan kepada teori dan kaedah membuat analisis dan selanjutnya membuat keputusan terhadap program pengiklanan. Ia juga memberi pendedahan kepada asas penggunaan pengiklanan, perancangan strategi, proses merekabentuk iklan cetak dan elektronik.

Rujukan:

1. Aaker & Myers. 1975. *Advertising Management*. New Jersey: Prentice-Hall.
2. Bly, Robert W. 1990. *The Copywriter Handbook*. New York: Henry Holt & Company.
3. Jewler, Jerome A. 1992. *Creative Strategy in Advertising*. Ed. IV. Belmont: Wadsworth Publishing Company.
4. Moriarty, Sandra E. 1992. *Creative Advertising: Theory & Practice*. Ed. II. New Jersey: Prentice Hall.
5. Thorson, Esther. 1989. *Advertising Age: The Principles of Advertising at Work*. Illinois: NTC Business Books.

ACA4533 Analisis Isu Antarabangsa (Komunikasi Antarabangsa)

Kursus ini bertujuan untuk menjelaskan kepada pelajar tentang proses pembentukan sesuatu komunikasi di dunia. Ia mengkaji tentang saluran, peralatan dan kemajuan dalam bidang komunikasi yang mempengaruhi pola komunikasi antarabangsa seperti pengaliran maklumat, hak berkomunikasi dan program antarabangsa bagi pembangunan komunikasi. Kursus ini juga menyentuh mengenai kebaikan dan keburukan penampilan budaya media asing terhadap kebudayaan, ekonomi dan politik sesebuah negara.

Rujukan:

1. Gerbner, G. (Ed.). 1977. *Mass Media Policies in Changing Cultures*. New York: John Wiley & Son.
2. Many Voices, One World. 1980. *Report by the International Commission for the Study of Communication Problems*. Paris: UNESCO.
3. Mohd. Safar Hasim. 1991. *Pengaliran Berita Antarabangsa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Richstad, J. & M. Anderson (Ed.). 1981. *Crisis in International Communication*. New York: Longman.
5. Seymour-Ure, C. 1974. *The Political Impact of Mass Media*. New York: Methuen. *Newer Technology 1920-1983*. New York: Praeger.

ACA4543 Analisis Isu Antarabangsa (Perbandingan Sistem Penyiaran Antarabangsa)

Kursus ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar berkenaan pelbagai sistem penyiaran di dunia terutama di rantau Asia Tenggara, Timur Tengah, Asia Timur, Amerika Utara, Amerika Selatan dan Eropah. Pelajar juga akan didedahkan kepada kemajuan dalam bidang telekomunikasi yang telah mempengaruhi pola penyiaran antarabangsa masa kini.

Rujukan:

1. Emery, Walter Bryon. 1969. *National and International Systems of Broadcasting: Their History, Operation and Control*. East Lansing (Michigan): Michigan State University Press.
2. Head, Sydney W. 1974. *Broadcasting in Africa: A Continental Survey of Radio and Television*. Philadelphia: Temple University Press.
3. Lent, John A. (Ed.). 1978. *Broadcasting in Asia and the Pacific: A Continental Survey of Radio and Television*. Philadelphia: Temple University Press.
4. Asian Broadcasting Union. 1974. *Proceeding of 1974 Meeting of ABU Standing Programme Committe*. 10th Anniversary. Tokyo: Nippon Hoso Kyokai.

5. Miller, Philip. 2002. *Media Law for Producers*. Oxford: Focal Press.

ACA3523 Kewartawanan Media

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada kewartawanan media dan bagaimana menjadikannya sebagai karier dan kerjaya. Kursus ini membincangkan kewartawanan media, pengantar, perkembangan dan pengertiannya, kewartawanan media cetak (akhbar), radio dan televisyen, syarat dan jenis wartawan, pengertian berita macam-macam, sumber-sumber, bentuk dan batasan berita. Kursus ini juga membincangkan teknik penulisan dan penyuntingan berita, perencanaan pengorganisasian dan penyajian berita, pengawasan dan tanggungjawab serta hukum dan etika/kod etik kewartawanan media.

Rujukan:

1. Rudin, Richard & Trevor Ibboston. 2002. *Introduction to Journalism*. Oxford: Focal Press.
2. Tom Crone. 2002. *Law and the Media*. Oxford: Focal Press.
3. White, Ted. 2001. *Broadcast New Writing, Reporting and Producing*. Oxford: Focal Press.
4. Boyd, Andrew. 2000. *Broadcast Journalism*. Oxford: Focal Press.
5. Herbert, John. 2000. *Practising Global Journalism*. Oxford: Focal Press.

ACA3533 Seni Fotografi

Kursus ini bertujuan mendedahkan konsep-konsep dan peranan fotografi dalam bidang komunikasi. Khususnya media cetak, perhubungan awam, periklanan, perfileman dan sebagainya. Para pelajar akan diajar tentang cara-cara teknik mengambil gambar dan memproses foto. Kursus ini juga akan melengkapkan pengetahuan dan kemahiran pelajar untuk merancang, mengambil dan memproses foto yang sesuai untuk tujuan-tujuan tertentu. Pelajar juga akan diperkenalkan kepada peralatan fotografi dan kemahiran menggunakan pelbagai jenis kamera.

Rujukan:

1. Evans, H. 1970. *Pictures on Page*. California: Wadsworth Publishing.
2. Kobre, K. 1980. *Photo Journalism*. New York: Van Nostrand Reinhold.
3. Lootens, J. G. 1970. *On Photographic Enlarging and Print Quality*. New York: AMPHOTO.
4. UPTON, B. & UPTON, J. 1981. *Photography*. Boston: Little, Brown & Company.
5. Parrish, Fred S. 2002. *Photo Journalism: An Introduction*. Singapore: Thomson Learning.

UBE2033 Literature In English

This course introduces students to the different genres found in literature, namely novels, short stories, dramatic plays and poems. Students will be exposed to language that is genuine and undistorted and the many different linguistic uses, forms and conventions of the written mode: irony, exposition, argument, narration and others. Emphasis will cover fundamental human issues which will be discussed using the different genres as a means. In addition, through the study of texts by authors of diverse backgrounds, students will learn more about different cultures, beliefs and norms. They will also become more open to new attitudes, perspectives and ways of looking at life, thus able to carry out dakwah activities, present an attractive picture of the Muslim Ummah, and strengthen the self-esteem and confidence of the Muslims.

Textbook:

1. Paton, A. t.th. *Cry, the Beloved Country*. London: Penguin Readers. Pearson Education Limited.

OR

2. Frank, A. t.th. *The Diary of a Young Girl*. London: Penguin Readers. Pearson Education Limited.

Other References:

1. Shakespeare, W. t.th. *Three Great Plays of Shakespeare*. London: Penguin Readers. Pearson Education Limited
2. Jegadeva, G. 1992 *Wordscapes: An Anthology of Poems and Prose*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
3. Muhammad Haji Salleh. 1978. *Time and Its People*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.

UBE2043 Creative Writing

Students will learn the basic principles of the different forms of literary expression. In addition, they will be required to write a short story or a play, an essay, a letter, and a poem. Brainstorming, outlining, mind mapping, group work, as well as presentations are planned. There will be two term tests and a final examination. It is expected that all literary expression by the students will have a didactic function, one that is in harmony with, and indeed upholds, Islamic values.

Textbook:

1. Whitley, Carol. 2002. *The Everything Creative Writing Book*. Massachusetts: Adams Media Corporation.

UBE2053 Bahasa Inggeris III

This course aims to further equip students with the various language skills namely listening, speaking, reading and writing as well as the vocabulary and rudiments of the English Language. It also aims to expose students to the specific answering techniques for Malaysian University English Test (MUET). In addition, through the exposure to the various academic genres such as formal essays, term papers, reports and summaries as well as other genres in the social contexts, it is hoped that students will be able to enhance their communicative competence and perform effectively in their academic pursuits at tertiary level.

Reference:

1. Ng Keat Siew et. al. 2002. *Study Skills for the Malaysian University English Test*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
2. Ng Keat Siew et. al. 2000. *Preparation for the Malaysian University English Test*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
3. Teoh Swee Ai & Zainab Mohd. Noor. 2000. *Test-taking Strategies for MUET*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
4. t.p. 2001. *Mainstream English 1: A Basic Course for MUET*. Kuala Lumpur: Longman.

**PERATURAN-PERATURAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
(KUIM)**

(Pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian) 2003

**PERATURAN-PERATURAN
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
(PENGAJIAN SARJANA MUDA KOMUNIKASI DENGAN KEPUJIAN) 2003**

1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian

- 1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan-peraturan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) dan hendaklah mula berkuatkuasa pada Mei 2003.
- 1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mendaftar sebagai pelajar peringkat ijazah KUIM selepas tarikh Peraturan ini berkuatkuasa.
- 1.3 Peraturan ini hendaklah terpakai bagi tujuan pengijazahan untuk ijazah Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian.

2. Syarat Kemasukan

- 2.1 Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan lain yang setaraf dengannya, serta mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya lima mata pelajaran iaitu:
 - Bahasa Melayu
 - Bahasa Arab Tinggi
 - **Dua** daripada mata pelajaran berikut:
 - Bahasa Arab Komunikasi
 - Pendidikan Islam
 - Tasawwur Islam
 - Pendidikan Syariah Islamiyyah
 - Pendidikan al-Quran & al-Sunnah
 - Satu mata pelajaran lain
 - **Serta** lulus dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di peringkat tersebut;

DAN

- 2.2 Memiliki mana-mana kelayakan berikut:
 - 2.2.1 Memiliki STPM dan lulus penuh dalam mata pelajaran berikut:

- Pengajian Am/Kertas Am
- Bahasa Arab
- Syariah/Usuluddin;

ATAU

- 2.2.2 Memiliki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang baik, sekurang-kurangnya di peringkat *Jayyid*; ATAU
- 2.2.3 Mempunyai Diploma dalam bidang yang sesuai dengan kursus yang dipohon (sertakan transkrip akademik daripada semester 1 hingga semester akhir); ATAU
- 2.2.4 Mempunyai kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya dan diperakukan oleh Senat Universiti DAN
- 2.3 Memenuhi keperluan Malaysian University English Test (MUET) bagi pelajar STPM, STAM dan Diploma bagi tahun semasa.
- 2.4 Selain daripada kelayakan akademik, sikap positif, aktif, cemerlang dalam kepimpinan dan pengetahuan am adalah diberi keutamaan.

3. Struktur Pengajian Dan Pengijazahan

3.1 Jumlah Unit

Untuk memperolehi ijazah Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya seratus tiga puluh lima (135) unit kursus yang ditetapkan (seperti yang terkandung dalam 3.2).

3.2 Komposisi Kursus

Bagi tujuan pengijazahan, pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus sekurang-kurangnya sejumlah unit kursus-kursus yang meliputi komposisi seperti berikut:

3.2.1 Kursus Universiti (WU) sebanyak 22 unit.

Kursus Universiti (WU) terdiri daripada empat komponen kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:

- a) Empat (4) unit kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia.
- b) Sepuluh (10) unit kursus Pengajian Umum.
- c) Enam (6) unit kursus Latihan Amali/Industri (Praktikum).
- d) Dua (2) unit kursus Ko-Kurikulum.

3.2.2 **Kursus Teras Fakulti (WF)** sebanyak 32 unit.

Kursus Teras Fakulti (WF) ialah kursus asas yang wajib diambil oleh pelajar. Ia ditawarkan selama empat semester, mulai semester I hingga semester IV. Pelajar dikehendaki mengikuti dan lulus semua kursus yang diambil dengan mencapai unit yang ditetapkan dan hendaklah meliputi:

- a) Lapan (8) unit kursus Bahasa Arab (UBA).
- b) Lapan (8) unit kursus Bahasa Inggeris (UBE).
- c) Enam Belas (16) unit kursus Teras Pengajian Islam (LAA, QAA, AAA).

3.2.3 **Kursus Program (WP)** sebanyak 48 unit.

Kursus Program ialah kursus pengkhususan yang wajib diambil oleh pelajar. Ia mengandungi kursus-kursus asas dan kursus-kursus pengkhususan dalam bidang Komunikasi. Pelajar dikehendaki lulus dan memperolehi sebanyak 48 unit.

3.2.4 **Kursus Pengkhususan Program (EP)** sebanyak 27 Unit.

Kursus Pengkhususan Program (EP) ialah kursus pengkhususan yang ditawarkan kepada pelajar secara pilihan berdasarkan pengkhususan yang dikehendaki masing-masing. Pelajar dikehendaki lulus dan memperolehi sekurang-kurangnya dua puluh tujuh (27) unit.

3.2.5 **Kursus Elektif/Minor (LP)** sebanyak 6 unit.

Kursus Elektif/minor ialah mana-mana kursus yang ditawarkan kepada pelajar secara pilihan daripada fakulti-

fakulti lain. Pelajar dikehendaki lulus dan memperoleh sekurang-kurangnya enam (6) unit.

3.3 Kursus Latihan Amali/Industri

Kursus Latihan Amali ialah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Kursus ini bernilai enam (6) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Pelajar dikehendaki menjalani Latihan Amali di jabatan/agensi yang sesuai dan akan ditentukan oleh KUIM. Ia bertujuan memberi pendedahan tentang bidang kerjaya dan persekitaran kerja, mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dan mewujudkan jalinan kerjasama antara KUIM dengan masyarakat luar. Bagi program Sarjana Muda Komunikasi, kursus ini ditawarkan menerusi ACA 4016 Praktikum. Kursus ini bernilai enam (6) unit.

3.4 Ko-Kurikulum

Kursus Ko-Kurikulum ialah kursus bertaraf Kursus Universiti (WU) yang diwajibkan kepada semua pelajar KUIM. Ia bernilai dua (2) unit dan direkodkan dalam bentuk gred pada transkrip pelajar, tetapi nilai grednya tidak diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred Semester (PNGS) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK). Unit kursus ini akan diambil sebagai sebahagian daripada syarat pengajian untuk Pengijazahan.

Kursus ini bertujuan untuk penyuburan dan pengukuhan intelektual dan jasmani. Antara aktiviti ko-kurikulum ialah:

- 3.4.1 Pengajian *Halaqah* bagi memahami dan mendalami kitab-kitab *turath* yang berkaitan dengan Komunikasi. Pengajian ini dijalankan selama empat (4) semester dan bernilai satu (1) unit.
- 3.4.2 *Muhadathah Hurrah* bertujuan memberi kemahiran Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Pada peringkat ini kursus ini dinamakan Pengucapan Awam dan dijalankan selama dua (2) semester serta bernilai satu (1) unit. Pelaksanaannya dijalankan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

3.5 Pengecualian

Senat KUIM boleh memberi pengecualian daripada Peraturan 3.1 di atas kepada seseorang pelajar dengan syarat:

- 3.5.1 Pelajar dianggap telah mencapai nilai unit bagi kursus-kursus yang dikecualikan itu.
- 3.5.2 Pengecualian maksimum jumlah unit yang boleh diberikan kepada seseorang pelajar adalah tertakluk kepada persetujuan program pengajian berkenaan berdasarkan kepada rekod pencapaian akademik pelajar berkenaan.

3.6 Tempoh Pengajian

- 3.6.1 Tempoh pengajian yang dibenarkan kepada seseorang pelajar mengikuti pengajian peringkat ijazah ialah tidak kurang daripada lapan (8) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) semester. Pengiraan tempoh pengajian dikira bermula dari tarikh pendaftaran pertama pelajar memasuki pengajian peringkat ijazah.
- 3.6.2 Pengecualian daripada tempoh maksimum dua belas (12) semester itu boleh diberi oleh Senat KUIM kerana sesuatu sebab yang munasabah selain daripada sebab kegagalan dalam peperiksaan yang ditetapkan.
- 3.6.3 Pelajar yang diberi pengecualian daripada sebilangan unit kursus semasa penerimaan masuk, maka tempoh minimum yang dibenarkan untuk menyelesaikan kursus-kursus lain adalah tertakluk kepada bilangan unit yang dikecualikan.

3.7 Pendaftaran Kursus

- 3.7.1 Semua pelajar dikehendaki mendaftar semua kursus yang diambil pada setiap permulaan semester.
- 3.7.2 Pendaftaran kursus hendaklah tidak kurang daripada lima belas (15) unit dan tidak melebihi dua puluh (20) unit pada setiap semester. Pendaftaran yang kurang daripada lima belas (15) unit dan yang lebih daripada dua puluh (20) unit hanya boleh diberikan dengan kebenaran Dekan.

- 3.7.3 Pelajar boleh melakukan penukaran kursus yang telah didaftarkan dengan kursus lain dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan setiap semester.
- 3.7.4 Pelajar juga dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dengan syarat pengguguran itu hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu pertama permulaan setiap semester. Pelajar yang ingin menggugurkan kursus selepas minggu keempat akan dianggap sebagai Tarik Diri (TD) tertakluk kepada peraturan 4.4.5.
- 3.7.5 Pengguguran kursus boleh dibuat dengan syarat ia tidak menjejaskan jumlah minimum lima belas (15) unit kursus bagi sesuatu semester, kecuali bagi pelajar yang diberi kebenaran mendaftar seperti yang diperuntukkan dalam 3.7.2 di atas. Bagi kursus yang diberi kebenaran penggugurannya, ia tidak akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG).
- 3.7.6 Pelajar turut dibenarkan untuk menarik diri daripada sesuatu kursus yang didaftarkan dengan syarat penarikan diri daripada kursus tersebut hendaklah mendapat kebenaran Dekan dan dibuat di antara minggu keempat (4) hingga minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

4. Struktur Penilaian

- 4.1 Penilaian kursus setiap semester adalah berdasarkan kepada sistem penilaian nilai gred. Penilaian ini akan diberi kepada aspek penyediaan kerja kursus sepanjang semester dan peperiksaan akhir semester.
- 4.2 Penilaian nilai gred sesuatu kursus diambil berdasarkan kepada 40% daripada kerja kursus atau peperiksaan pertengahan semester dan 60% lagi daripada peperiksaan akhir semester.
- 4.3 Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

Gred	Nilai Gred	Taraf	
A	4.00		
A-	3.67	Cemerlang	
B+	3.33		
B	3.00	Kepujian	
B-	2.67		
C+	2.33		
C	2.00		
C-	1.67		
D+	1.33		Pindaan Senat Khas Bil 1/2003
D	1.00	Lulus	
E	0.00	Gagal	
L/G	Lulus/Gagal		
TL	Tidak Lengkap		
SM	Sedang Maju		
U	Audit		
TD	Tarik Diri		
TG	Tanggung Pengajian		Pindaan Senat Kali Ke-19/2004
TP	Tanggung Peperiksaan		
X	Tidak Hadir		

4.4 Gred-gred yang diberikan tanpa nilai gred ialah:

- 4.4.1 L/G (Lulus/Gagal) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak diberi nilai gred tetapi hanya diberi “Lulus” atau “Gagal” sahaja.
- 4.4.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Program berkenaan kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Walau bagaimanapun, pelajar perlu melengkapkan keperluan tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas

bermulanya semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan juga gred.

4.4.3 SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi kursus yang berupa sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata penilaian, tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapat ijazah. Unit dan nilai gred bagi kursus tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata penilaian apabila gred SM digantikan dengan gred biasa.

4.4.4 U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus, tetapi nilai gred tidak diberikan dan gred tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus tersebut.

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

4.4.5 TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri daripada sesuatu kursus dengan kebenaran Dekan dalam tempoh antara minggu keempat (4) hingga minggu kesepuluh (10) sesuatu semester.

Pindaan
Senat
Kali
Ke-19/2004

4.4.6 TG (Tangguh Pengajian) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan pengajian pada sesuatu semester dan diberi kebenaran berbuat demikian.

4.4.7 TP (Tangguh Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perkara “8.6 Penangguhan Peperiksaan”. Jika diluluskan, peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang boleh.

5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)

5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK), kecuali kursus Latihan Amali dan Ko-Kurikulum.

- 5.2 Kursus yang mendapat gred “E” (Gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
- 5.3 Gred bagi kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan dengan ini gred “E” (Gagal) yang asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan PNG dan PNGK tersebut.
- 5.4 Pengiraan PNG dan PNGK akan ditentukan mengikut kaedah berikut:

5.4.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Jumlah nilai gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3;

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

yang mana

G_i = Nilai gred kursus ke-i

U_i = Unit kursus ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.33	3	09.99
AAA 1053	A-	3.67	3	11.01
AAA 1073	E	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.33	3	06.99
JUMLAH			15	39.99

$$\begin{aligned}\text{PNG Semester} &= 39.99/15 \\ &= 2.67\end{aligned}$$

5.4.2 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X unit kursus) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah unit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perkara 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1013	A	4.00	3	12.00
AAA 1033	B+	3.33	3	09.99
AAA 1053	A-	3.67	3	11.01
AAA 1073	E	0.00	3	00.00
AAA 1093	C+	2.33	3	06.99
JUMLAH			15	39.99

$$\begin{aligned}\text{PNG Semester} &= 39.99/15 \\ &= 2.67\end{aligned}$$

Semester II

Kursus	Gred	Nilai Gred	Unit Kursus	Nilai Gred X Unit Kursus
AAA 1023	A	4.00	3	12.00
AAA 1043	B+	3.33	3	09.99
AAA 1063	C+	2.33	3	06.99
AAA 1083	A	4.00	3	12.00
AAA 1103	D	1.00	3	03.00
JUMLAH			15	43.98
JUMLAH BESAR			30	83.97

$$\begin{aligned}\text{PNG Kumulatif} &= 83.97/30 \\ &= 2.80\end{aligned}$$

6. Syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

6.1 Lulus: Seseorang pelajar dianggap lulus dan dibenar meneruskan pengajian ke semester berikutnya jika mendapat PNG 2.00 atau lebih (> 2.00).

6.2 Lulus Bersyarat:

6.2.1 Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan dibenar meneruskan pengajian dengan diberi amaran jika mendapat PNG antara 1.00 hingga 1.99.

6.2.2 Seseorang pelajar tidak dibenar berada dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut. Ini bermakna jika pelajar memperolehi PNG kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, pelajar tersebut dianggap gagal dan diberhentikan.

6.3 Gagal: Seseorang pelajar dianggap gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan oleh perkara 6.2.2 di atas.

6.4 Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah

6.4.1 Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian:

6.4.1.1 Memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perkara 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas.

6.4.1.2 Mendapat sekurang-kurangnya seratus tiga puluh lima (135) unit daripada kursus-kursus yang diambilnya sepanjang tempoh pengajian yang dibenarkan tertakluk kepada komposisi kursus yang terdapat dalam 3.2 di atas. Bagi tujuan ini, pelajar dibenar untuk mengumpul unit tambahan dengan tujuan meningkatkan PNGKnya. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang ditetapkan atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada perkara 6.5 berikutnya.

6.4.2 Pengurniaan Ijazah

6.4.2.1 Ijazah yang dikurniakan oleh KUIM ialah Sarjana Muda Dengan Kepujian mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Kelas
3.67-4.00	Pertama
3.00-3.66	Kedua Bahagian Atas
2.50-2.99	Kedua Bahagian Bawah
2.00-2.49	Ketiga

6.4.2.2 Ijazah boleh dikurniakan kepada pelajar yang telah:

- Memenuhi semua kehendak Akta Sarjana Muda Komunikasi Dengan Kepujian.
- Memenuhi semua kehendak peraturan ini.
- Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan Senat KUIM.
- Menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

6.5 Pengulangan Kursus

Calon-calon dibenarkan mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat Gred C-, D+ dan D sahaja. Gred yang diperolehi dalam kursus ulangan akan diambilkira sebagai gred akhir tanpa mengambilkira ia lebih baik dari sebelumnya ataupun sebaliknya.

Pindaan
Senat Kali
Ke-10/2002

7. Peruntukan-peruntukan Lain

- 7.1 Kehadiran kuliah dan tutorial bagi sesuatu kursus hendaklah tidak kurang daripada 80%. Oleh itu, jika seseorang pelajar didapati tidak memenuhi keperluan kehadiran tersebut seperti yang ditetapkan oleh KUIIM, pelajar tersebut tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan kursus berkenaan setelah Dekan/Ketua Program dimaklumkan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus berkenaan.
- 7.2 Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar dicatat dalam rekod akademiknya.
- 7.3 Peperiksaan Ulangan Khas
 - 7.3.1. Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah.
 - 7.3.2 Peperiksaan ini hendaklah diadakan dalam bentuk bertulis dan hanya boleh diambil sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian ijazah. Gred yang diberikan hanya L atau G (Lulus atau Gagal).
 - 7.3.3 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik) dalam masa dua (2) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Bayaran yang dikenakan untuk tujuan ini ialah RM50.00.
 - 7.3.4 Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan/Ketua Program yang berkenaan. Dekan/Ketua Program, setelah berunding dengan Penyelaras kursus berkenaan, hendaklah mengaturkan peperiksaan tersebut dalam tempoh dua (2) minggu.

8. Pengantungan Pendaftaran, Penangguhan Pengajian dan Penangguhan Peperiksaan

8.1 Bagi tujuan peraturan ini:

“Pengantungan pendaftaran” bermaksud kebenaran untuk tidak mendaftar yang diberikan kepada calon pelajar yang telah ditawarkan tempat untuk mengikuti sesuatu program pengajian;

“Penangguhan pengajian” bermaksud kebenaran untuk tidak meneruskan pengajian pada sesuatu semester sama ada seseorang pelajar itu mendaftar kursus pada semester berkenaan ataupun tidak;

“Penangguhan peperiksaan” bermaksud kebenaran untuk tidak menduduki peperiksaan akhir sesuatu semester;

“Pegawai perubatan/doktor bertauliah” bermaksud pegawai perubatan kerajaan atau doktor panel Universiti; dan

“Sakit” bermaksud ketidakupayaan untuk meneruskan pengajian dan ketidakupayaan ini diperakukan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah dan ini tidak termasuk kehamilan.

8.2 Pengantungan Pendaftaran

8.2.1 Calon pelajar yang telah ditawarkan untuk mengikuti sesuatu program pengajian tetapi belum mendaftar boleh memohon dalam tempoh sah tawaran untuk menggantungkan pendaftarannya selama tidak kurang satu (1) semester dan tidak melebihi dua (2) semester jika atas sebab yang munasabah dengan membuat permohonan secara bertulis kepada Dekan untuk kelulusan dan disalinkan kepada Pendaftar.

8.2.2 Tempoh pengantungan pendaftaran tidak boleh melebihi dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.3 Penangguhan Pengajian

8.3.1 Seseorang pelajar yang sakit untuk tempoh yang agak lama boleh diberi penangguhan pengajian bagi semester-semester tertentu oleh Dekan. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada pegawai perubatan/doktor bertauliah

adalah diperlukan. Perakuan yang diperolehi daripada pegawai selain daripada pegawai perubatan/doktor boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu setelah pelajar berkenaan terlebih dahulu menjalani rawatan pegawai perubatan/doktor berkenaan. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan pegawai perubatan/doktor yang memberi rawatan.

8.3.2 Pelajar yang telah disahkan oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah bahawa dia sedang hamil untuk tempoh enam (6) bulan dan ke atas pada tarikh permulaan pendaftaran dinasihatkan supaya menangguh pengajian pada semester tersebut.

Pindaan
Senat Kali
Ke-19/2004

8.3.3 Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perkara 8.3.1 dan perkara 8.3.2 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester jika Dekan berkenaan berpuas hati bahawa masalah yang dihadapinya akan menjejaskan pengajian pelajar itu pada sesi berkenaan.

8.3.4 Permohonan penangguhan pengajian boleh dibuat sehingga minggu ke sepuluh (10) sesuatu semester. Permohonan selepas minggu ke sepuluh tidak akan diberi pertimbangan melainkan permohonan yang diterima daripada pelajar yang telah disahkan hamil dan tidak berupaya untuk meneruskan pengajian oleh pegawai perubatan/doktor bertauliah atau daripada pelajar yang memohon berdasarkan perkara 8.3.1 atau perkara 8.3.2 di atas.

Pindaan
Senat Kali
Ke-19/2004

8.3.5 Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada Dekan dan disalinkan kepada Pendaftar (Bahagian Akademik).

8.4 Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian

8.4.1 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab yang dinyatakan dalam perkara 8.3.1, perkara 8.3.2 dan bagi pelajar yang disahkan hamil dan tidak berupaya meneruskan pengajian dalam perkara 8.3.4

Pindaan
Senat Kali
Ke-19/2004

di atas tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 peraturan ini.

- 8.4.2 Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian atas sebab-sebab selain daripada yang dinyatakan dalam perkara 8.4.1 di atas diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah seperti pada perkara 3.6 peraturan ini.
- 8.4.3 Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua (2) semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum penangguhan pengajian ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

8.5 Status Sebagai Seorang Pelajar KUIM

Pelajar yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan penangguhan pengajian akan hilang tarafnya sebagai pelajar KUIM dan dengan demikian dia tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan KUIM yang biasanya diberi kepada pelajar sehingga dia mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

8.6 Penangguhan Peperiksaan

- 8.6.1 Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan untuk kelulusan menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan.
- 8.6.2 Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan bagi sesuatu kursus hendaklah dibuat dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam selepas peperiksaan kursus berkenaan diadakan.
- 8.6.3 Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan surat pengesahan pegawai perubatan/

doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti dalam perkara 8.3.1 di atas.

8.6.4 Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan dan diluluskan atas budi bicara Dekan berdasarkan kepada merit permohonan tersebut.

9. Penyimpanan Skrip Jawapan Peperiksaan

- 9.1 Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan hendaklah disimpan oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus sehingga tempoh yang ditetapkan.
- 9.2 Semua skrip akan disimpan dengan selamat selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan selepas pemberitahuan secara rasmi keputusan peperiksaan kursus berkenaan.
- 9.3 Tertakluk kepada perkara 9.4 semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga (3) bulan seperti yang tersebut di dalam perkara 9.2 di atas.
- 9.4 Dalam kes di mana rayuan terhadap keputusan penilaian sesuatu kursus itu telah dibuat oleh seseorang pelajar, skrip jawapan berkenaan dengan penilaian itu tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas keputusan penyemakan semula itu disahkan.

10. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus

- 10.1 Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pelajar kepada Pendaftar (Bahagian Akademik). Rayuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 10.2 Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta dibuat penyemakan semula.
- 10.3 Bayaran sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus akan dikenakan kepada pelajar yang membuat rayuan dan bayaran tersebut

hendaklah disertakan bersama dengan surat rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

- 10.4 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukannya kepada Dekan/Ketua Program yang berkaitan. Dekan/Ketua Program selepas berunding dengan Penyelaras kursus yang terlibat, boleh melantik sebuah panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 10.5 Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Penyelaras Kursus, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang kursus berkenaan.
- 10.6 Perakuan Panel Pemeriksa dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti/Program. Keputusan mesyuarat Fakulti/Program mengenai penilaian semula kursus atau kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum dimaklumkan kepada pelajar berkenaan.
- 10.7 Semua keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan itu tidak boleh dilayan.

11. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian

- 11.1 Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.
- 11.2 Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Setiap rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak RM50.00 dan bayaran ini tidak boleh dikembalikan. Sebarang rayuan selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.
- 11.3 Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukannya kepada Dekan/Ketua Program. Dekan/Ketua Program hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Rayuan untuk membuat pertimbangan dan keputusan.

- 11.4 Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan/Ketua Program yang bertanggungjawab dalam hal-ehwal akademik, Penyelaras Kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli daripada Fakulti/Program pengajian yang berkaitan.
- 11.5 Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa seperti berikut:
 - 11.5.1 Menerima atau menolak sesuatu rayuan;
 - 11.5.2 Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;
 - 11.5.3 Memperakukan keputusan yang telah dicapai mengenai semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan tidak layak dipertimbangkan.
- 11.6 Perakuan yang dibuat mengenai perkara di atas tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
- 11.7 Setiap keputusan yang dibuat menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad. Oleh itu, sebarang rayuan selanjutnya mengenai hal ini tidak boleh dilayan.

12. Umum

- 12.1 Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat KUIM dari semasa ke semasa hendaklah berkuatkuasa kepada pelajar yang mendaftar selepas tarikh penguatkuasaan Peraturan ini.
- 12.2 Senat KUIM mempunyai kuasa untuk memberi apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada keperluan-keperluan Peraturan ini.



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Tingkat 12, Menara A, Persiaran MPAJ,
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur.
Tel: 603 - 4289 2000 / 4289 2063 Fax: 603 - 4289 2196